



**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

**Bil. 23**

**Rabu**

**17 Oktober 2018**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat (Halaman 33)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Sewa Beli (Pindaan) 2018 (Halaman 33)

Rang Undang-undang Kanak-kanak dan orang Muda (Pekerjaan)  
(Pindaan) 2018 (Halaman 83)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**Rabu, 17 Oktober 2018**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**1. Tuan Pang Hok Liong [Labis]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Ahli-ahli Parlimen dibenarkan untuk menggunakan laluan orang kenamaan (VIP) di semua lapangan terbang di Malaysia memandangkan Malaysia Airport Holdings Bhd. diarah untuk mengetatkan pemeriksaan di laluan khas VIP di semua lapangan terbang.

**Menteri Pengangkutan [Tuan Loke Siew Fook]:** Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera dan selamat pagi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 22 lapangan terbang antarabangsa dan domestik di Malaysia menyediakan perkhidmatan bilik menunggu khas. Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2013 yang dikeluarkan pada 4 Februari 2013 mengenai tatacara penggunaan bilik menunggu khas bagi orang kenamaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), memperuntukkan bahawa semua Ahli Parlimen adalah layak untuk menggunakan bilik menunggu khas yang menggunakan laluan orang kenamaan di KLIA dan KLIA 2 tertakluk kepada permohonan dan kelulusan yang diberikan oleh Bahagian Istiadat & Urusetia Persidangan Antarabangsa (BIUPA) Jabatan Perdana Menteri.

Bilik menunggu khas ini hanya boleh digunakan setelah mendapat kelulusan BIUPA tertakluk kepada kekosongan bilik, kekananan orang kenamaan dan tarikh permohonan dibuat. Manakala bagi maksud tempahan menggunakan kemudahan bilik menunggu khas dan laluan orang kenamaan bagi:

- (i) Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang;
- (ii) Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi;
- (iii) Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu;
- (iv) Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Alor Setar;

- (v) Lapangan Terbang Sultan Ahmad Shah, Kuantan;
- (vi) Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka;
- (vii) Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh;
- (viii) Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu;
- (ix) Lapangan Terbang Tawau;
- (x) Lapangan Terbang Sandakan;
- (xi) Lapangan Terbang Labuan; dan
- (xii) Lapangan Terbang Lahad Datu.

Permohonan ini diuruskan oleh MAHB melalui pengurus lapangan terbang masing-masing. Tatacara penggunaan bilik menunggu khas ini adalah selari dengan Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2013 yang dikeluarkan pada 4 Februari 2013, mengenai tatacara penggunaan bilik menunggu khas bagi orang kenamaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Manakala urusan penempahan bilik menunggu khas di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai telah dikendalikan oleh Senai Airport Terminal Services Sdn. Bhd. Bagi urusan penempahan bilik menunggu khas di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang Selangor, adalah dikendalikan oleh syarikat WCT Holdings dan NAZA Group masing-masing bagi pesawat persendirian dan pesawat komersial.

Bagi Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching pula, tempahan bilik menunggu khas dan laluan orang kenamaan di lapangan terbang tersebut dikendalikan oleh masing-masing, Bahagian Istiadat dan Protokol Jabatan Ketua Menteri Sabah dan Unit Protokol dan Pengurusan Acara Negeri, Jabatan Ketua Menteri Sarawak. Manakala urusan penempahan bilik menunggu khas di Lapangan Terbang Miri, Sibul, Bintulu dan Limbang adalah diuruskan oleh Pejabat Residen bahagian masing-masing.

Bagi pihak berkuasa penerbangan awam Malaysia, MAHB sedang mengambil tindakan bagi mengetatkan lagi pemeriksaan di semua laluan khas orang kenamaan bagi menjamin tahap keselamatan dan pemeriksaan berdasarkan peraturan dan perundangan sedia ada.

Dalam hubungan ini, pihak Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam Diraja dan MAHB telah diarahkan untuk memperketat peraturan dan penguatkuasaan tanpa sebarang pengecualian. Di samping itu, pihak Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen telah bersetuju untuk menempatkan pegawai mereka di laluan khas orang kenamaan. Jabatan Kastam Diraja juga mempunyai perancangan untuk

menempatkan mesin pengimbas x-ray kastam di laluan orang kenamaan bagi membanteras isu penyeludupan wang di KLIA dan KLIA2. Terima kasih.

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapannya. Soalan tambahan saya adalah ini. Apakah langkah-langkah efektif akan diambil oleh Kementerian Pengangkutan untuk memastikan laluan khas tersebut tidak disalah gunakan oleh pihak-pihak tertentu seperti mana pada bulan lalu, sebuah agensi JPM di pentadbiran lalu atau lama menyalahgunakan laluan tersebut untuk seludup wang sejumlah RM49 juta ke dalam negara ini. Jadi soalan tambahan saya, apakah langkah efektif yang akan diambil? Terima kasih.

**Tuan Loke Siew Fook:** Terima kasih Yang Berhormat Labis. Memang seperti yang saya telah katakan tadi, memang kita mengetahui bahawa ada kelemahan dan juga ada *leakages* dari segi laluan di *VIP lane* tersebut dan kita telah pun mengambil tindakan. Akan tetapi, kita memerlukan kerjasama daripada agensi-agensi lain khususnya dari pihak imigresen dan juga kastam. Seperti yang telah kita katakan, pihak kementerian bersama-sama dengan MAHB telah pun berbincang dengan pihak Jabatan Imigresen dan Jabatan Kastam supaya kita akan mengetatkan lagi peraturan-peraturan yang sedia ada dan kita akan menempatkan pegawai kita di laluan khas orang kenamaan.

Sekarang ini memang tidak ada pegawai kastam dan imigresen di laluan khas VIP dan urusan imigresen diuruskan oleh pegawai pengiring kepada orang kenamaan. Kastam terletak di luar laluan khas VIP tersebut dan kita akan meletakkan pegawai-pegawai kastam dan Imigresen sebelum mereka keluar daripada bilik kenamaan tersebut. Pengimbas x-ray kastam juga akan diletakkan untuk membanteras khususnya isu yang berkenaan dengan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Labis, berkenaan dengan isu penyeludupan wang.

Memang kita sedar dan kita tahu bahawa itu adalah satu masalah dan satu isu yang boleh disalahgunakan melalui *VIP lane* tersebut. Kita akan memperketatkan dan kita akan minta bantuan daripada pihak-pihak berkuasa yang terlibat terutamanya pihak kastam untuk bersama-sama membanteras masalah penyeludupan wang tersebut. Terima kasih.

#### ■1010

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Setakat ini, berapakah kes yang telah diambil tindakan oleh pihak kerajaan hasil daripada penyalahgunaan laluan VIP ini? Saya ingin tahu, apakah sistem naik taraf telah dilaksanakan untuk memastikan alat

pengesan elektronik digunakan bukan secara manual sebagaimana biasa hari ini, laluan sama ada VIP atau laluan biasa menggunakan tangan untuk meraba penumpang.

Jadi, apakah alat pengesan elektronik ini bila akan dilaksanakan dalam semua sistem *airport* kita? Minta penjelasan.

**Tuan Loke Siew Fook:** Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan berapa kah tindakan telah diambil. Memang sejak kita mengambil alih, belum ada apa-apa tindakan sebab kita tidak ada penyalahgunaan, setakat ini dalam beberapa bulan ini. Dahulu saya tidak pastilah berapa kali ada diambil tindakan. Memang saya rasa dari segi tindakan memang ada sedikit kelonggaran daripada dahulu.

Akan tetapi kita akan mengetatkan lagi supaya tidak ada penyalahgunaan. Kita mengharapkan supaya semua pihak terutamanya pihak-pihak kenamaan termasuklah Ahli-ahli Parlimen memberikan kerjasama kepada pihak berkuasa di lapangan terbang. Jadi kalau ada pemeriksaan itu, janganlah kompelin dan sebagainya. Memang itu adalah prosedur. Kita tidak akan memberikan pengecualian sesiapa sahaja yang menggunakan bilik menunggu khas itu juga akan dibuat pemeriksaan seperti apa yang terkandung dalam prosedur.

Berkenaan dengan mesin x-ray tersebut memang telah pun saya umumkan beberapa minggu yang lepas. Mungkin Yang Berhormat terlepas pandang. Dari segi mesin x-ray tanpa pemeriksaan badan secara fizikal itu ataupun yang suka dikatakan oleh Yang Berhormat Kinabatangan sebagai raba-raba itu tidak akan lagi berlaku mulai tahun depan.

Jadi awal tahun depan memang mesin itu telah ditempah dan akan sampai di Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA tidak lama lagi. Kita mengharapkan awal tahun depan, kita dapat memperkenalkan mesin x-ray itu secara berfasa, berperingkat supaya apabila setiap orang bukan sahaja VIP tetapi setiap penumpang yang menggunakan KLIA akan melalui mesin x-ray tanpa melalui pemeriksaan badan secara fizikal. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Timbalan Yang di-Pertua pun hendak bertanya. Penggunaan contohnya pengesanan menggunakan binatang seperti anjing di mana-mana *airport* antarabangsa yang menggunakan khidmat *dogs* ataupun anjing. Barangkali daripada Batu Pahat kalau boleh jawab.

**Tuan Loke Siew Fook:** Ini soalan khas daripada Tuan Yang di-Pertua, saya perlukan jawapan bertulis untuk diserahkan kepada Timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**2. Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada akan meneruskan cadangan kereta nasional yang baru. Sekiranya akan diteruskan, berapakah jumlah pelaburan yang diperlukan serta penglibatan pihak kerajaan dan swasta untuk menjayakannya.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dr. Ong Kian Ming]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak atas soalan ini. Saya menjawab soalan ini bersama dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Subang yang tiada dalam Dewan ini. Saya rasa isu ini memang hangat, bukan sahaja ditanya oleh Yang Berhormat Pasir Salak tetapi mungkin diberi tumpuan oleh Ahli Yang Berhormat yang lain juga.

Tuan Yang di-Pertua, industri automotif merupakan elemen yang penting dan strategik dalam sektor perkilangan di Malaysia. Industri automotif serta sektor yang berkaitan automotif ataupun *automotive economic landscape* ini menggunakan lebih daripada 700,000 orang pekerja dan telah menyumbang hampir empat peratus daripada KDNK Malaysia. Ia amat penting untuk pertumbuhan negara dan projek kereta nasional baru ini dijangka dapat meningkatkan keupayaan kejuruteraan dan teknologi di Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan buat masa ini sedang dalam proses kajian semula Dasar Automotif Nasional ataupun *National Automotive Policy Review* bagi menerapkan elemen-elemen selaras dengan Kemajuan Teknologi Mobiliti dan Industri 4.0 ataupun *Industry 4.0* untuk memastikan industri automotif tempatan selari dengan perkembangan semasa global.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Automotif Nasional telah disemak pada tahun 2014. Jadi sekarang ini, empat tahun kemudian kita buat semakan semula. Kajian semula ini akan membincangkan perkara-perkara berkaitan pembangunan industri automotif tempatan seperti pembangunan syarikat-syarikat tempatan, aktiviti penyelidikan dan pembangunan ataupun R&D, peningkatan eksport termasuk mengambil kira cadangan projek kereta nasional baru. Jadi, *NAP Review* adalah satu proses yang holistik yang bukan sahaja melibatkan projek kereta nasional baru tetapi juga melibatkan industri automotif secara menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, projek kereta nasional baru akan dibuat selari dengan hala tuju dan strategi masa depan industri automotif Malaysia dengan mengambil kira unsur-unsur *next generation vehicle* ataupun NXGV, *Mobility Revolution Industry* (MRI) 4.0 dan juga *Artificial Intelligent* (AI).

Projek kereta nasional baru yang dicadangkan ini tertumpu kepada pembangunan keupayaan pembuatan dan juga secara holistik dengan melibatkan keseluruhan rantai nilai dan ekosistem industri automotif seperti apa yang saya telah katakan tadi.

Cadangan projek kereta nasional baru ini juga perlu memberi penekanan kepada pembangunan penyelidikan dan pembangunan trend dan juga teknologi baru dalam sektor automotif yang mana akan memacu pertumbuhan industri automotif dan juga industri-industri lain yang berkaitan di Malaysia serta kerjasama dengan negara-negara Asian yang lain.

Di samping itu juga, cadangan projek kereta nasional ketiga ini juga dijangka dapat mewujudkan kluster teknologi baru serta tenaga kerja pakar baru terutamanya dalam bidang kejuruteraan automotif di Malaysia.

Mengenai soalan berkenaan jumlah pelaburan yang diperlukan dan penglibatan kerajaan dan swasta. Projek kenderaan nasional baru ini akan dipacu sepenuhnya oleh pihak swasta. Kerajaan hanya akan membantu dari segi kemudahan dan juga bantuan tertentu bergantung kepada komitmen syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri atau MITI telah pun menjemput pihak-pihak yang berminat untuk mengemukakan cadangan kepada kerajaan berhubung dengan projek kereta nasional baru di Malaysia pada September 2018. Tarikh akhir bagi penghantaran cadangan tersebut adalah pada 15 Oktober 2018.

Setakat ini beberapa buah syarikat telah menunjukkan minat untuk melibatkan diri dalam cadangan projek kereta nasional baru ini dan kita akan menyemak dengan teliti semua cadangan ini. Kementerian mengalu-alukan sebarang cadangan mahupun idea dari semua pihak bagi menjayakan projek kereta nasional baru ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi telah di *pass*, dipindahkan kepada MITI. MITI pula, Yang Berhormat Menteri pun tidak datang. Yang Berhormat Timbalan Menteri sahaja. Soalan ini penting tahu. Kenal saya siapa? [*Dewan ketawa*] Saya Yang

Berhormat tau. *[Ketawa]* Saya Yang Berhormat. *[Ketawa]* Kalau faham. Yang faham, faham. Tidak faham sudah. *[Dewan ketawa]*

Teringatkan peristiwa di Melaka itu, Batu Berendam. Sabar. Saya hendak nyatakan dahulu, saya menyokong penuh projek kereta nasional yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya jarang menyokong Perdana Menteri ini. Ini saya sokong. Akan tetapi bakal Perdana Menteri daripada Port Dickson ini harap-harap dia akan teruskanlah. *[Ketawa]*

Jangan Perdana Menteri yang sekarang buat, esok dia ubah pula. Bukan ada jaminan itu. Tidak ada jaminan. Sekarang semua okey, setuju, sokong, sokong. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Pasir Salak, sila ajukan pertanyaan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Bagilah *chance* sedikit pagi-pagi kita bergurau. *[Ketawa]* Kenapa saya kata setuju? Ini kerana kita bukan memikirkan bahawa kereta untuk pengangkutan rakyat Malaysia.

#### ■1020

Kita punya pengguna pasaran dalaman kita kecil tetapi kita melihat ke luar sana. Market kita di Amerika, market di *Europe*, market kita di *Japan*. Kenapa kita tidak boleh? Sebab Korea, Jepun pun dulu bila mereka mengeluarkan kereta, mereka tidak ada domestik market yang besar. Negerinya kecil tetapi mereka mengeluarkan kereta untuk dunia. Ini yang kita hendak buat supaya dapat mewujudkan kekayaan baharu kepada Malaysia. Hari ini apa kekayaan kita? Apa eksport kita? Kelapa sawit, getah. Lagi apa kita eksport? Kita hendak eksport *manufactured goods*. Betul tidak? Ini yang akan memberi kekayaan kepada negara, kepada rakyat.

**Seorang Ahli:** Kepada kerajaan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jadi saya sokong. Lain-lain belum tahu lagi. *[Ketawa]* Jadi oleh sebab itu, saya berharap dan bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada bersedia untuk buat perancangan yang rapi. Jangan jadi macam Proton dulu. Proton dulu *national car* gagal sebab apa? Sebab masa itu Perdana Menteri yang samalah masa itu, Perdana Menteri yang keempat, mula-mula HICOM buat, selepas itu HICOM tidak jadi buat, jual kepada DRB. DRB, saya tahulah, budak-budak DRB itu budak-budak saya dahulu. Mereka kerja dengan saya, bukan pandai sangat pun tetapi bagi kepada mereka untuk membangunkan kereta Proton sebagai *national car*. Tidak boleh. Taraf yang ada dalam industri automotif pada hari ini, semua mereka ini *distributors* kepada kereta-



kereta luar. Semua hendak cari untung cepat. Tidak ada niat untuk membangunkan sebuah kereta nasional.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Tuan Yang di-Pertua, ini soalan kah debat?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya bagi pandanganlah sedikit. Boleh tidak? Tidak boleh, saya duduk. Tidak ada masalah. *No problem.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya Yang Berhormat, tahu? *[Ketawa]*

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Pasir Salak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Pasir Salak, sila ajukan soalan pertanyaan.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Siapa itu?

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini Yang Berhormat Kota Melaka ini.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 24(4), sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dijadikan helah hendak berbahas. Jadi kita minta supaya Yang Berhormat Pasir Salak bagi soalan tambahan. Kalau dia tidak ada soalan tambahan ataupun dia lupa makan ubat, sila dia duduk. Ya, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Yang Berhormat Pasir Salak, sila ajukan pertanyaan tambahan. Silakan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih. Akan tetapi di Melaka ini dahulu dia dah kena dengan saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila bagi soalan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Lagi satu soalan saya, Tuan Yang di-Pertua. Kita perlu tenaga kerja yang mahir. Boleh? Adakah kerajaan bersedia untuk menghantar anak bangsa kita ke luar negara sekarang ke syarikat-syarikat pembuat kereta di luar negara? Di Jepun, di Korea, di *Europe*, di

Amerika dan sebagainya. Hantar mereka dengan jumlah yang ramai, belajar *engineering, management, product development, research and development. All development*, 'men', 'men' sahaja ini. [Disampuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, Yang Berhormat Pasir Salak. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih. Saya Yang Berhormat, tahu? Jawab elok-elok.

**Dr. Ong Kian Ming:** Saya pun sedikit hairanlah apakah soalan sebenarnya yang hendak dikemukakan oleh Yang Berhormat Pasir Salak. Saya mengambil maklum sokongan dan juga pandangan Yang Berhormat Pasir Salak terhadap projek kereta nasional baharu ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Pasir Salak, eksport utama negara ini dari segi nilai, bukanlah kelapa sawit ataupun bahan mentah yang lain tetapi adalah dalam industri *manufacturing* iaitu dalam sektor E&E iaitu lebih daripada 25 peratus daripada jumlah eksport. Jadi saya rasa kalau Yang Berhormat Pasir Salak hendak data yang lebih terperinci, boleh dapatkan daripada *internet* ataupun boleh tanya Yang Berhormat Pontian ataupun Yang Berhormat Jeli yang lebih peka. Saya tak tahu sama ada Yang Berhormat Pasir Salak sebelum ini ada...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Jeli? Yang Berhormat Jeli itu siapa?

**Dr. Ong Kian Ming:** Saya belum jawab lagi. Bolehkah bagi saya habis?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila jawab, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dr. Ong Kian Ming:** Okey, tentang isu kerja dari segi kemahiran ini, saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat Pasir Salak dari segi *vendor development* di Malaysia ini, sebenarnya lebih daripada 80 peratus daripada komponen kereta yang dihasilkan di Malaysia ini adalah vendor tempatan. Mereka memang telah pergi ke luar negara ke negara seperti Jepun untuk mendapatkan *training* dan berbanding dengan negara seperti Vietnam di mana *local components* kurang daripada 20 peratus. Jadi saya rasa dari segi *vendor development* dan kemahiran, kita memang ada kemahiran untuk memajukan kereta nasional baharu. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Subang.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Kuala Kedah.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya tidak serupa dengan Yang Berhormat Pasir Salak ya. Sama ada saya sokong atau tidak, itu terpulang kepada *cost benefit analysis* yang perlu dilakukan oleh kerajaan. Bagi saya juga, isu tentang insentif atau akan diberi kepada syarikat swasta ini, kita perlu peka bahawa masa Proton, insentif R&D dapat RM160 juta setahun.

Jadi saya hendak tengok sebelum kita beri sokongan penuh walaupun kita memang sokonglah kerajaan kita— sama ada kerajaan boleh membuat satu kajian impak ekonomi dan projek *cost benefit* tentang projek kereta nasional ketiga ini? Ini sebenarnya soalan 26 saya. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penerangan sama ada kita akan buat atau tidak *cost benefit analysis* yang betul dan diterbitkan secepat mungkin. Terima kasih.

**Dr. Ong Kian Ming:** Terima kasih Yang Berhormat Subang. Saya rasa cadangan untuk menjalankan satu kajian impak ekonomi untuk projek ini memang sesuatu cadangan yang wajar dan patut. Akan tetapi, buat masa sekarang, kita perlu mendapatkan hala tuju yang lebih tepat oleh sebab kita belum lagi menilai semua cadangan yang telah kita dapat daripada syarikat dan juga individu untuk projek kereta nasional baharu ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat hari ini kementerian saya telah menerima 14 cadangan ataupun *proposal* daripada pihak swasta. Jadi untuk membuat kajian impak ekonomi ini, kita perlu mendapatkan satu kepastian dulu dari segi apakah hala tuju Dasar Automotif Nasional. Selepas hala tuju ini telah ditetapkan, saya rasa adalah wajar untuk membuat satu kajian impak ekonomi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak teruskan kepada soalan pertanyaan yang seterusnya. Sebelum itu, saya ingin menjemput Yang Berhormat Ledang untuk menyatakan sesuatu.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran pelajar-pelajar daripada Persatuan Tingkatan Enam Sekolah Menengah Kebangsaan Parit Bunga, Ledang di belakang. [*Tepuk*] Sempena lawatan sambil belajar mereka, marilah kita sama-sama bahas dengan baik. Sila duduk, jangan lari. Terima kasih.

**3. Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan adakah kerajaan bercadang menubuhkan semula Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) bagi mengambil alih fungsi Padiberas Nasional Bhd. (BERNAS) setelah menamatkan monopoli BERNAS sebagai sebahagian daripada pembaikan dan pembaharuan industri beras negara dan memastikan kebajikan pesawah dijaga.

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Haji Salahuddin bin Ayub]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tangga Batu di atas soalan yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah kementerian yang menjaga kecukupan makanan dalam negara ini, isu tentang menggantikan BERNAS sebagaimana yang dijanjikan dalam manifesto adalah satu kewajipan untuk kita realisasikan. Namun begitu, ingin saya memberitahu Dewan yang mulia ini, sebagai Menteri Pertanian yang diamanahkan, visi kita tidak setakat kita mewujudkan satu badan untuk menggantikan BERNAS tanpa kita melihat kepada visi yang lebih jauh.

Isu makanan adalah isu keselamatan negara. *In terms of food security.* Maka beberapa pandangan yang lebih jelas dan luas perlu diperhitungkan.

#### ■1030

Kabinet telah memutuskan isu sama ada BERNAS yang akan ditamatkan konsesinya menjelang tahun 2021, akan menjadi sebahagian daripada, dengan izin, *players*. Itu sedang kita bincang di peringkat Jawatankuasa Khas Kabinet yang diketuai oleh Yang Berhormat Gombak, Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan kami telah berbincang dan dianggotai oleh lapan kementerian. Ini satu perkara besar yang kita bukan hanya menganggap selepas BERNAS ada satu badan yang mengawal selia isu industri padi dan beras negara.

Oleh itu, kita berbincang dalam aspek SDG, dengan izin, *sustainable development growth* dan juga mega trend yang harus kita perhitungkan. Pertama, kita perlu melihat tentang urbanisasi iaitulah bagaimana tanah-tanah pertanian, tanah-tanah bendang semakin mengurang dan ini memerlukan polis-polisi baharu yang akan ditetapkan sama ada oleh Majlis Tanah Negara ataupun kuasa negeri yang berhak ke atas tanah. Kalau kita mengikut tentang trend di dalam negara pada hari ini, kita mengunjurkan tahun 2050 penduduk Malaysia akan mencecah 45 juta orang. Oleh itu, untuk kita membincangkan tentang industri padi dan beras negara, pengunjuran itu sangat penting.

Kedua, tentang yang dikatakan pertambahan penduduk yang tidak boleh kita nafikan. Ketiga ialah tentang, dengan izin, *changing lifestyle and diet*. Apabila sebut tentang *healthy diet* di mana pada hari ini masyarakat sedang memikirkan tentang

mengambil bahan-bahan lain sebagai makanan ruji mereka. Jadi ini juga suatu *calculation* yang kita perlu perhitungkan.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, kita juga akan memberikan peluang yang seluasnya kepada pakar-pakar yang terlibat di dalam industri padi dan beras negara kerana ini sangat penting dan kita merasakan kita tidak perlu tergopoh-gapah untuk mencari satu model baharu menggantikan BERNAS kerana BERNAS secara naturalnya konsesinya akan tamat pada tahun 2021. Walaupun ada pandangan-pandangan, pendekatan-pendekatan seperti contohnya *soft landing*— mungkin tahun hadapan kita bincang dengan BERNAS 30 peratus mungkin dibuka, 70 peratus masih lagi dipegang oleh BERNAS. Itu satu kaedah bagaimana kita mengaplikasikan konsep *soft landing* supaya menjelang tahun 2021 kita akan dapat menyempurnakan apa yang dikatakan penghapusan monopoli itu.

Namun begitu, semua pihak yang terlibat di dalam industri padi dan beras negara ini mesti diberikan peluang untuk mereka mengemukakan pandangan-pandangan terbaik mereka untuk suatu model baharu yang lebih bertanggungjawab dengan visi besar, paling tidak pun, untuk kita mengunjurkan perkembangan industri padi dan beras negara di dalam tempoh 20 tahun yang akan datang.

Maka dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan sama ada model itulah satu-satu yang kita akan kemukakan, ia bergantung nanti kepada hasil yang akan dikemukakan oleh Jawatankuasa Khas Kabinet yang akhirnya juga nanti akan dibawa kepada Kabinet untuk kelulusan. Sekian, terima kasih.

**Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang *convincing* ataupun yang memberangsangkan. Saya baru dapat tahu bahawa padi *rescue* bahawa Tangga Batu merupakan pengeluar beras yang terbesar di bahagian Selatan. Jadi sebab itu saya perjuangkan isu ini. Apabila monopoli BERNAS ditamatkan dan kuota AP import beras yang dikatakan akan diperluaskan kepada syarikat-syarikat swasta, ini tidak menyelesaikan masalah, namun lebih menjejaskan industri padi tempatan. Ini akan menyebabkan bertambahnya lambakan beras import di dalam pasaran beras tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, pesawah-pesawah kita seperti yang dinyatakan oleh Menteri tadi ya, ada banyak sekarang kawasan-kawasan padi yang telah berkurang kerana dengan pembangunan sekarang ini, banyak yang menjual tanah kepada pemaju-pemaju untuk dimajukan. Akan tetapi terdapat banyak juga pesawah-pesawah yang mempertahankan kawasan sawah ini demi untuk *survival* keselamatan negara. Jadi saya fikir bahawa kita perlu memberikan satu pertolongan kepada mereka untuk

bertahan kerana didapati bahawa pendapatan mereka hanya RM400 ke RM500 sahaja sebulan.

Jadi apakah langkah-langkah efektif yang berkesan yang akan diambil kementerian dalam hal ini supaya kita ada kawalan terhadap pengimportan beras demi keselamatan makanan negara dan pada masa yang sama mengutamakan padi tempatan serta mengangkat dan membela pesawah tempatan? Terima kasih.

**Datuk Haji Salahuddin bin Ayub:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas penjelasan Yang Berhormat Tangga Batu. Saya akan meminta supaya satu agensi di bawah kementerian iaitu Lembaga Pertubuhan Peladang untuk melihat secara komprehensif tentang kawasan-kawasan padi di kawasan Yang Berhormat Tangga Batu. Sekiranya ada satu keperluan dan perlu dibangunkan dengan secara yang lebih serius, saya harap konsep-konsep seperti mini estet ataupun ladang berkelompok akan kita aplikasikan.

Kedua, Yang Berhormat menyebut tentang pandangan padi *rescue* tentang aspek lambakan ataupun keprihatinan mereka apabila monopoli ini dipecahkan. Oleh sebab itu, Yang Berhormat, dalam *interview* saya baru-baru ini dalam *The Malaysian Review* yang mungkin disalah anggap apabila kita beriltizam untuk memecahkan monopoli itu daripada BERNAS akan jadi dua, tiga atau empat kemungkinannya, maka saya menyatakan *players* atau pemain pengimport itu akan bertambah. Bila kita pecah, maknanya akan bertambah tetapi jangan ingat kerajaan akan melupakan tanggungjawab. Kita ada lima *social obligations* yang mesti kita pertahankan. Ini untuk pengetahuan rakyat dan juga padi *rescue*.

Pertama, mesti memelihara, menyelenggara dan mengurus stok penimbal negara. *Our iron stockpile* mesti dipertahankan.

Kedua, membeli padi daripada petani dengan harga minimum dan terjamin.

Ketiga, bertindak sebagai pembeli terakhir untuk para petani.

Keempat, menguruskan pembayaran subsidi kepada petani di bawah skim subsidi harga padi.

Dan kelima, menguruskan skim pengilang Bumiputera.

Apa pun bentuk model yang akan dikemukakan selepas tamatnya BERNAS, percayalah kerajaan akan memperhitungkan lima tanggungjawab ini yang akan dipertahankan.

Mengenai keluasan tanah yang dibimbangkan. Oleh sebab itu saya mengatakan bila kita bercakap tentang *food security* dalam kita mahu menggantikan BERNAS pun, MOA tidak boleh, dengan izin, *stand alone*. Tidak boleh kita hanya

bertanggungjawab kepada kementerian-kementerian sahaja. Oleh sebab itu Kabinet telah menubuhkan satu jawatankuasa khas lapan kementerian mesti bertanggungjawab untuk memikirkan tentang *food security* ini sebab itu ia melibatkan polisi tanah.

Polisi tanah ini adalah bergantung pada polisi Majlis Tanah Negara dan dikuatkuasakan atas hak negeri. Sebab itu sama ada pengurangan tanah-tanah jelapang kita, contohnya di Kedah, adakah akan dipertahankan. Ini kerana pada tahap ini, tidak ada lagi negeri yang mewartakan jelapang padi sebagai tanah jelapang padi.

Oleh sebab itu, Yang Berhormat, isu inilah isu yang harus dilihat secara holistik. Tidak boleh kita ambil pendekatan, dengan izin, *piecemeal solution* tetapi pendekatan yang lebih holistik, komprehensif, bijak dan tidak tergopoh-gapah dalam kita mengemukakan satu model baharu untuk kita menggantikan BERNAS. Terima kasih.

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan daripada saya berkenaan dengan sikap kerajaan dan usaha yang telah dibuat dan bakal dibuat bagi menentukan hasil padi yang lebih baik di dalam negara kita. Sebagai contoh, kalau di negara lain seperti Indonesia dan Singapura, hasil padi mereka jauh lebih tinggi daripada kita. Apakah langkah-langkah yang perlu, yang telah diambil dan akan diambil oleh pihak kerajaan untuk merealisasikan hasil padi ini? Terima kasih.

**Datuk Haji Salahuddin bin Ayub:** Yang Berhormat Pasir Puteh, kita dalam laras bahasa yang sama sebenarnya. Duduk di sini saya memikirkan dari hari pertama kenapa, dengan izin, *yield* kita tidak meningkat bila dibandingkan dengan Thailand ataupun Vietnam.

#### ■1040

Ada faktor teknologi, ada faktor *human error* dan akhir nanti kita pergi kepada *attitude*, sikap yang harus kita gembungkan.

Akan tetapi secara fakta, saya telah membuat beberapa kajian yang hasil lawatan, keluasan jelapang padi kita campur IADA dan mungkin tanah-tanah persendirian, hanya lebih kurang 600,000 hektar. Di Thailand sudah sampai 10 juta hektar. Vietnam yang saya pergi baru-baru ini, saya tanya dengan Menteri Pertanian, mereka telah hampir lapan juta hektar. Jadi daripada segi keluasan itu, kita tidak boleh *compare* lah tetapi yang penting bagi kita adalah bagaimana kita meningkatkan hasil padi kita.

Pertama, kerajaan telah mengambil suatu keputusan bahawa kita akan memastikan benih padi sah itu benar-benar sah, benar-benar tulen dan berkualiti. Kedua, kerajaan juga telah mengambil suatu pendekatan yang saya anggap lebih serius dalam kita melihat daripada segi *soil profiling*. Maknanya, tanah-tanah bendang yang terkesan akibat daripada baja kimia ini harus diprofilkan kembali. Maka, dengan kerjasama MARDI dan agensi-agensi yang lain, kita melihat supaya isu *soil profiling* ini akan dapat kita atasi.

Ketiga ialah tentang penggunaan jenis-jenis *fertilizer*, dengan izin. Makna konsep *fertilizer* ini tidak boleh. NPK untuk semua tanah tidak boleh sebab tanah ini dia ada pH dia, dia ada bacaan-bacaan pH yang sesuai. Jadi konsep semua penyakit satu Panadol tidak boleh. Kanser pun Panadol, pening kepala pun Panadol. Jadi tanah jelapang di MADA, tanah jelapang di Sekinchan, tanah jelapang di Kemubu tidak boleh menggunakan baja yang sama. Oleh itu, kajian-kajian terbaru tentang mutu-mutu baja dan juga kesesuaian baja harus kita perhitungkan.

Kemudian kita akan pergi juga kepada pemutuan, sebagai contoh. Ini yang paling penting sekali sebab apabila kita mahu kepada pemutuan, ia akan meningkatkan SSL kita iaitu *Self-Sufficiency Level* kita.

Maka semua faktor seperti *efficiency* petani, kemudian kepada kepercayaan golongan yang *trust business*, mesti kita yakinkan dan ini akan memerlukan kepada satu pendekatan yang lebih holistik untuk kita membangunkan industri padi dan beras negara kita pada masa akan datang.

Maka daripada segi pendekatan, kita ada dua kaedah iaitu pendekatan untuk meningkatkan *capacity building* daripada segi *attitude* petani-petani kita. Kedua kita akan meningkatkan bidang pertanian ini dengan teknologi-teknologi baru yang semakin canggih, yang akan meningkatkan produktiviti kita. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh mohon satu tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya hanya benarkan dua sahaja. Minta maaf.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tidak boleh lebih?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tidak, tidak boleh sebab sudah panjang masa.



4. **Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan mengapa harga jualan barang rata-rata masih tinggi dan tidak turun walaupun sistem cukai telah bertukar dari GST kepada SST.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan 19 soalan lain yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kota Melaka pada 17 Oktober 2018, Yang Berhormat Petrajaya pada 22 Oktober 2018, Yang Berhormat Larut pada 24 Oktober 2018, Yang Berhormat Rantau Panjang pada 25 Oktober 2018, Yang Berhormat Kota Tinggi pada 29 Oktober 2018, Yang Berhormat Selayang pada 1 November 2018, Yang Berhormat Maran bertarikh 1 November 2018, Yang Berhormat Limbang dan Yang Berhormat Kanowit masing-masing pada 13 November 2018. Yang Berhormat Ketersih pada 15 November 2018, Yang Berhormat Padang Terap pada 22 November 2018, Yang Berhormat Kuala Kedah pada 27 November 2018, Yang Berhormat Tanah Merah pada 28 November 2018, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Bagan Datuk, Yang Berhormat Tangga Batu masing-masing pada 3 Disember 2018, Yang Berhormat Bera pada 4 Disember 2018, Yang Berhormat Gerik pada 5 Disember 2018 dan terakhir Yang Berhormat Ledang pada 6 Disember 2018 kerana ia menyentuh isu dan perkara yang sama iaitu pelaksanaan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan dan kesannya atas harga barangan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, daripada 20 soalan yang dikemukakan, ia berlegar kepada empat perkara utama iaitu:

- (i) kesan pelaksanaan SST ke atas harga barang;
- (ii) barangan yang mengalami penurunan dan kenaikan harga;
- (iii) aduan mengenai kenaikan harga barangan; dan,
- (iv) tindakan penguatkuasaan yang telah diambil oleh kementerian.

Kesan pelaksanaan SST ke atas harga barang – Selaras dengan pelaksanaan SST mulai 1 September 2018, fokus Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna adalah pada aspek penguatkuasaan dan pemantauan harga bagi memastikan barangan keperluan pengguna dijual dengan harga yang berpatutan dan membendung perlakuan mengaut untung berlebihan di kalangan peniaga. Kementerian ini telah mengkaji kesan pelaksanaan SST daripada sudut harga bagi 417 barangan. Barangan ini merangkumi enam kategori iaitu barangan segar 136 item, barangan kering 25 item, barangan berbungkus, tin, pek dan botol 159 item, minuman 25 item, makanan dan barangan bayi 49 item dan barangan kebersihan 23 item.

Analisa perubahan harga dibuat berdasarkan perbandingan harga purata antara bulan Mei 2018 dan September 2018. Secara keseluruhannya, 70 peratus atau 291 barangan mencatatkan penurunan harga. 27 peratus atau 115 item mengalami kenaikan purata dan tiga peratus iaitu 11 item, tiada perubahan harga.

Pecahan 291 barangan yang mencatatkan penurunan harga adalah terdiri daripada kategori barangan berbungkus, tin, pek dan botol iaitu 120 barangan. Kategori barangan segar, 70 barangan. Kategori makanan dan barangan bayi, 43 barangan. Kategori barangan kebersihan, 22 barangan. Kategori minuman, 19 barangan dan kategori barangan kering sebanyak 17 barang. Julat penurunan harga adalah antara 0.11 peratus sehingga 37.61 peratus.

Sementara ini, pecahan 115 barangan yang mencatatkan kenaikan harga terdiri daripada kategori barangan segar, 63 barangan. Barangan berbungkus, tin, pek dan botol, 34 barangan. Kategori barangan kering, tujuh barangan. Kategori minuman, enam barangan dan kategori makanan dan barangan bayi, lima barang. Julat kenaikan harga adalah antara 0.09 peratus sehingga 41.65 peratus.

Memandangkan SST dikenakan pada peringkat pengeluar, impak cukai jualan masih belum ketara pada harga barangan keperluan pengguna semasa awal pelaksanaannya. Kementerian menjangkakan harga barangan akan menunjukkan perubahan lebih ketara apabila stok yang dikeluarkan mulai bulan September berada di pasaran. Kementerian akan terus memantau pergerakan harga barangan keperluan pengguna di pasaran bagi memastikan harga yang dikenakan adalah berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sentiasa peka terhadap aduan pengguna mengenai isu kenaikan harga barangan berikutan pengenalan semula Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST). Tindakan penguatkuasaan yang rapi melalui pemantauan dan pemeriksaan harga dilaksanakan sepanjang masa ke atas semua premis perniagaan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 bagi memastikan para peniaga tidak mengeksploitasi harga barang susulan pengenalan semula SST.

#### ■1050

Kementerian juga telah mengambil langkah segera bagi memberikan kemudahan kepada pengguna untuk menyalurkan aduan. Sehubungan dengan itu, kementerian telah memperkenalkan satu lagi saluran aduan yang baharu melalui penggunaan aplikasi *WhatsApp*. Nombor telefon bagi *WhatsApp* tersebut adalah 019-2794317. Aplikasi *WhatsApp* ini membolehkan aduan diterima dengan kadar yang lebih pantas, mudah untuk diakses oleh rakyat dan mesra pengguna. Melalui

pelaksanaan aplikasi *WhatsApp* ini sepanjang bulan September 2018, kementerian telah menerima sebanyak 11,178 mesej. Sementara itu, aduan-aduan kategori harga yang diterima melalui saluran yang disediakan oleh kementerian sehingga 10 Oktober 2018 adalah sebanyak 2,070.

Tindakan penguatkuasaan yang telah diambil oleh kementerian. Tindakan penguatkuasaan yang rapi melalui pemantauan dan pemeriksaan harga dilaksanakan sepanjang masa ke atas semua premis perniagaan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 bagi memastikan para peniaga tidak mengeksploitasi harga barangan susulan pengenalan semula SST. Sehingga 2 Oktober 2018, sebanyak 140 notis seksyen 21(2) telah dikeluarkan kepada peniaga dan 40 daripada notis tersebut telah di analisa dan didapati tidak mencatut. Bagi mengekang kenaikan harga sewenang-wenangnya oleh peniaga, kementerian telah mengambil pelbagai langkah dan tindakan seperti:

- (i) Melaksanakan penguat kuasa tegas di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 bagi mengawal pengambilan untung secara tidak munasabah oleh peniaga atau mencatut melalui peraturan-peraturan kawalan harga dan anti pencatutan (mekanisme untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah) 2018;
- (ii) Melaksanakan tindakan penguatkuasaan pencatutan di bawah Operasi Catut 5.0 bermula 8 Ogos 2018 meliputi seluruh rangkaian pengedaran barangan dan perkhidmatan di seluruh negara. Gerak gempur ini masih diteruskan bagi menangani isu kenaikan harga barangan secara tidak munasabah oleh pihak peniaga di seluruh negara;
- (iii) Mengeluarkan notis di bawah seksyen 21 (AKHAP) 2011 yang dikuatkuasakan dengan tegas ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga secara mendadak untuk mendapatkan penjelasan. Notis ini mengkehendaki peniaga memberi maklum balas dan penjelasan secara bertulis mengenai kenaikan harga bagi menentukan berlakunya elemen pencatutan;
- (iv) Melaksanakan dasar harga terangkum bagi mengelakkan pengguna terkeliru dengan paparan harga yang tidak termasuk caj-caj sampingan yang berkaitan;

- (v) Mengadakan program libat urus (*engagement*) untuk memberikan penjelasan khidmat nasihat dan kerjasama bersama peniaga dalam memahami dan mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan;
- (vi) Meningkatkan keberadaan (*omnipresence*) pegawai-pegawai penguat kuasa di tempat-tempat terpilih yang menjadi tumpuan orang ramai bagi mewujudkan ruang persekitaran perniagaan yang kondusif dan beretika dalam usaha melindungi pengguna;
- (vii) Menyediakan pelbagai medium penyaluran aduan bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan.

Kementerian percaya dengan tindakan penguatkuasaan yang berterusan ini akan dapat mengawal kenaikan harga sekali gus mempertingkatkan kesejahteraan rakyat. Menjawab soalan oleh Yang Berhormat Limbang mengenai pemantauan pencatutan ke atas harga barangan. Pihak kementerian turut menjalankan pemantauan di kawasan Limbang dan Sarawak...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jawab soalan.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Oleh kerana ada 20 soalan itu, oleh itu ia agak panjang sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Teruskan, teruskan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Satu soalan saja.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Sehingga 4 Oktober 2018, sebanyak 115 pemeriksaan premis telah dijalankan di daerah Limbang melibatkan sejumlah 2,304 barangan...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Dulu cakap banyak, sekarang baru tahu.

**Tuan Chong Chieng Jen:** ...manakala sebanyak 627 pemeriksaan premis perniagaan dengan jumlah 18,753 barangan telah dijalankan bagi seluruh negeri Sarawak. Sementara itu, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Ketereh,...

**Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Ini macam gulung ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Ada dua *paragraph* lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Dia ada 19 soalan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Dulu cakap banyak. Sekarang jawab soalan pun tidak tahu.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Ini jawab soalan ke, menggulung soalan ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Diamlah, dengar sajalah.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Yang Berhormat Parit Sulong, jangan kacau.

**Seorang Ahli:** Jangan kacaulah.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Ketereh mengenai penguatkuasaan Peraturan-peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) 1997 dalam memastikan kenaikan harga barang selepas pelaksanaan SST dapat diminimumkan. Ianya bukan suatu peraturan yang bertujuan untuk mengekang kenaikan harga barang tetapi ia digubal bagi mengawal selia aktiviti-aktiviti perniagaan jualan murah supaya penawaran diskaun melalui apa-apa medium pengiklanan oleh peniaga benar-benar sah dan bukan sekadar gimik yang boleh memperdayakan pengguna.

Akhirnya dalam pada itu, kementerian juga memerlukan kerjasama rakyat untuk menggunakan hak dan kuasa sebagai pengguna dengan menyalurkan sebarang aktiviti anti pencatutan kepada kementerian melalui saluran aduan yang disediakan. Saya menyeru Yang Berhormat sekalian untuk bersama-sama kementerian dengan memberikan maklumat kenaikan harga bagi membolehkan tindakan penguat kuasa diambil di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada soalan tambahan dari Yang Berhormat Kapit.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ya sebenarnya kesemuanya sama saja yang kita buat dululah.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Jadi, cuma tindakan dia...

**Seorang Ahli:** Aduiiiiiiiiiii...

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Tindakan yang belum sepatutnya untuk kita menangani masalah ini.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Tahulah jawapan itu.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Tuan Yang di-Pertua, mukadimah itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya Yang Berhormat Kapit, berikan pertanyaan.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Ya, ya. Saya akan bertanya. Saya ingin juga mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri secara telitinya, bagaimana kementerian ini akan terus membantu pengguna di luar bandar yang duduk nun jauh di pedalaman Sarawak di kawasan seperti Kapit, Kairosong, Ulu Balir, Ulu Rajang, mungkin juga di kawasan Bakalalan. Yang Berhormat Menteri ada di sini, di Baram juga supaya mereka ini dapat membeli barangan keperluan dengan harga berpatutan yang mampu mereka bayar. Memandangkan kementerian ini kita dengar berhasrat juga untuk menamatkan program subsidi pengangkutan barangan ke kawasan luar bandar. Saya ingin bertanya juga apa akan terjadi dengan Program 1Malaysia 1Harga? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi jawapan.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Polisinya adalah sama tapi pelaksanaannya adalah beza. Oleh kerana pada zaman Barisan Nasional, rasuah, ketirisan, pemborosan itu berleluasa. Ini yang kita akan mengubahsuai untuk memastikan bahawa...

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Itu baca sajalah jawapan yang dibagi itu.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Jawapan itu hanya satu *line* saja.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Dulu dia bangkang itu jawapan. Jawapan itu dulu dia bangkang, dia tidak setuju itu dulu.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Di mana saya?

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Tuan Chong Chieng Jen:** Untuk menjaga kepentingan rakyat di luar bandar...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Mahu jaga apa, harga lagi mahal.

**Tuan Chong Chieng Jen:** ...supaya...

■1100

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, jangan ada gangguan.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Supaya mereka dapat membeli barangan dengan harga yang berpatutan. Dulu ada subsidi-subsidi pengangkutan yang diberi oleh Kerajaan Barisan Nasional di bawah program penyeragaman harga. Akan tetapi kita mendapati bahawa sistem ini banyak ketirisan yang akhirnya bukan penduduk di luar

bandar yang mendapat manfaat daripada program itu dan akhirnya *transporter* yang menjadi kaya raya. *Transporter* itu juga ada hubung kait dengan ahli-ahli pemimpin politik Barisan Nasional. Inilah masalahnya. [*Dewan riuh*]

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasar Salak]:** Lagi-lagi lah. Apa lah.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Untuk tahun ini, sejumlah...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** *You* jangan buat kelakar lah, Menteri. *You* jangan jadi maharaja lawak lah.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasar Salak]:** Tidak ada jawapan...

**Tuan Chong Chieng Jen:** Hendak dekat RM90 juta, untuk tahun ini RM90 juta telah diperuntukkan untuk negeri Sarawak sahaja untuk melaksanakan program penyeragaman harga itu. Akan tetapi menurut apa yang diadakan atau disebut oleh Yang Berhormat Kapit, harga barangan di Kapit masih tinggi. Oleh itu, ia membuktikan bahawa program yang dilaksanakan mengikut cara Barisan Nasional itu tidak berkesan dan kementerian kita akan mengkaji balik perkara itu. Kita tidak akan membatalkan subsidi pengangkutan. Akan tetapi cara pelaksanaannya sekarang kita ada kaji agar diumumkan dan dilaksanakan pada tahun depan supaya penduduk di luar bandar itu betul-betul dan benar-benar terima manfaat daripada peruntukan kerajaan. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Lipis ada soalan? Tadi bersuara tanpa kebenaran saya. [*Dewan ketawa*] Tiada? Saya menjemput Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah membuat tuduhan. Tuduhan itu perlu dibuktikan. Jika tidak, tidak boleh menggunakan Dewan ini untuk membuat tuduhan sembarangan. Kajian yang lebih komprehensif perlu dibuat Yang Berhormat. Kajian hanya pada 417 barang, sedangkan di Malaysia ini ada beribu barang dan kemudian barang itu hendaklah dilihat masanya.

Setakat ini disebut ada 115 barang naik harga, ia mudah saja. Dulu masa era BN, 10 peratus cukai SST kita turun kepada 6 peratus cukai. Sekarang ini zaman PH ini 6 peratus cukai dinaikkan kepada 10 peratus cukai. Tentulah harga barang naik. Oleh sebab itu, satu lagi Timbalan Yang Berhormat Menteri, *stock* lama pada bulan September masih ada dan pada bulan Oktober *stock* lama itu sudah habis. Jadi kajian yang terbaru itu perlu komprehensif dan kajian itu hendaklah dibuat segera. Satu lagi

soalan ialah dalam masa lima bulan PH memerintah ini, berapa ramai peniaga yang sudah dibawa ke mahkamah kerana Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan ini? Saya tidak pernah lihat dalam surat khabar. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Timbalan Menteri jawab.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Terima kasih. Disebutkan oleh Yang Berhormat Pontian itu adalah mengelirukan dan tidak benar. Betul kita memang ada buat kajian. Kita tidak akan masak itu nasi goreng saja untuk menunjukkan kepada orang ramai, yang dilakukan oleh Yang Berhormat Pontian semasa GST dilaksanakan. Akan tetapi untuk angka yang saya ingin maklumkan pada Dewan yang mulia ini, kalau kita bandingkan angka-angka kadar *consumer price index*. Sistem itu yang juga diguna pakai oleh Kerajaan Barisan Nasional.

*This is a year to year comparison of index.* Untuk Jun 2017 iaitu tahun lalu, kenaikan kadar *Consumer Price Index* itu adalah 3.6 peratus tetapi kalau kita tengok angka tahun ini, untuk Jun 2018, kenaikan *consumer price index* adalah 0.8 peratus sahaja. Untuk Julai 2017, kenaikan *consumer price index* adalah 3.2 peratus tetapi tahun ini untuk bulan Julai hanya 0.9 peratus dan bagi bulan Ogos 2017, kenaikan kadar *consumer price index* adalah 3.7 peratus berbanding dengan Ogos 2018 kenaikan kadar *consumer price index* itu hanya 0.2 peratus saja. Oleh itu, adalah ketara bahawa inflasi adalah...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** SST bulan September Yang Berhormat bukan Jun, Julai, Ogos.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Saya tahu. Ini menunjukkan kenaikan harga barangan di bawah GST ini amatlah ketara dan kalau yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pontian itu GST 6 peratus sahaja tetapi SST itu 10 peratus, ini adalah mengelirukan kerana GST itu dikenakan ke atas harga runcit. SST itu dikenakan atas harga pengilang. Ini ada perbezaannya. Perbezaannya iaitu pertama, Yang Berhormat Pontian tanya soalan, terimalah jawapan.

**Seorang Ahli:** Jawapan tidak betul.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Pengilang bukan menyerap kos 10 peratus, yang membayar ialah pengguna. Ini orang tidak sekolah pun boleh faham.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Di samping itu, di bawah GST hanya 500 barangan yang dikecualikan GST. Di bawah SST, 5 lebih ribu barangan yang dikecualikan SST. Oleh itu, kebanyakan barangan keperluan harian tidak dikenakan SST. Oleh itu saya



rasa Yang Berhormat Pontian jangan lagi mengelirukan orang ramai bahawa GST, *impact* GST...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mengelirukan orang ramai. Itu masa *tax holiday*. Tiga bulan *tax holiday*, itu angka yang diberi. Memanglah harga sebagaimana yang disebut tetapi tidak disebut bulan September SST, masa zaman SST bermula. Yang Berhormat yang mengelirukan.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Yang Berhormat Pontian, dalam jawapan saya juga ada sebut. *I am honest*. Ada sebut memandangkan SST dikenakan pada peringkat pengeluar, *impact* cukai jualan masih belum ketara. Itu yang saya sebut tetapi Yang Berhormat tidak dengar apa yang dijawab dan buat tuduhan yang bukan-bukan. *[Dewan riuh]* Ini tidak patut. Saya ada sebut kesannya belum ketara lagi. Kita akan terus membuat pemantauan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasar Salak]:** *You* pergi pasar, *you* tahulah, beli barang.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Yang Berhormat Pontian, sekarang barulah Oktober. Angka-angka yang kita kumpulkan belum sampai lagi. Yang Berhormat pun tahu. Kenapa Yang Berhormat hendak buat tuduhan-tuduhan begitu? Jangan lah.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Marilah Yang Berhormat, kita keluar minum kopi.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Secara kesimpulan, kalau kita...

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Bagi jawapan bertulis sahaja lah.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Secara kesimpulan, kalau kita buat bandingan di antara GST dan SST ini, cukai yang dibayar oleh rakyat dan pengguna di bawah GST itu adalah berjumlah RM43 billion satu tahun. Akan tetapi...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasar Salak]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...itu okey.

**Tuan Chong Chieng Jen:** *It's okay for* Yang Berhormat Pasir Salak, *but not okay for* orang ramai *especially* yang...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasar Salak]:** *For the whole country, why not?*

■1110

**Tuan Chong Chieng Jen:** Tapi kalau kita bandingkan tengok sistem SST.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasar Salak]:** Tubuh Tabung Harapan itu buat apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Pasir Salak. Yang Berhormat Pasir Salak. Teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Jangkaan kita di bawah SST, kutipan cukai kita hanya RM22 bilion saja. Itu adalah maksudnya rakyat bayar kurang sangat itu cukai di bawah SST kalau berbanding dengan GST itu.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tanya orang kampung, ada orang kampung dapat RM23 bilion penjimatan. Orang kampung dapat, orang kaya Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Ia membuktikan bahawa...

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** *Standing order* Yang Berhormat, *standing order* Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Nampaknya Yang Berhormat Pontian tidak mahu terima hakikat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Sungai Petani duduklah!

**Tuan Chong Chieng Jen:** Barisan juga sudah kalah kerana GST.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kalau beginilah caranya Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana termasuk Yang Berhormat Pontian, saya ingat harus ditegur kerana ini telah mengganggu.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat, butiran berapa itu? Butiran berapa?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Dulu kau orang ganggu tidak apa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Ada *limit* dia tapi jangan ganggu masa.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Limit* apa *you all* bantai...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Butiran berapa?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kau orang bantai lagi kuat.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Jangan angkat buku saja, butiran berapa tunjuk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sudah selesai?

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan kalau Ahli-ahli Parlimen pembangkang tidak hendak terima jawapan atau hendak membuat kecoh, saya cadang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sila senyap.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Satu lagi jawapan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Rumuskan.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Untuk soalan-soalan Yang Berhormat Pontian.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Sudah dua jam jawab, sudah dua jam.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Secara bertulis, secara bertulis sajalah tidak apa.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Mengenai sama ada kes telah disabit dalam mahkamah.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Bagi jawapan bertulislah, kita sudah tahu itu jawapan.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Rakan kamu tidak mahu.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Itu dulu punya jawapan. Bagi bertulislah.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Yang Berhormat tidak mahu terima jawapan.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Bukan tidak mahu terima, kita sudah tahu itu jawapan. Tulislah.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Pegawai yang sama juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Sekarang ada empat kes, kertas siasatan telah dibuka untuk diputuskan sama ada...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Dulu itu jawapan dia tidak mahu terima, sekarang dia baca balik.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Sekian, terima kasih.

5. **Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]** minta Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan keselamatan air negara, akses air, keselamatan air dan kemampuan air.

**Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Dr. Xavier Jayakumar]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Selayang yang bertanyakan soalan. Tuan Yang di-Pertua, KATS sedang dalam tindakan untuk menggubal Dasar Air Negara bagi menyediakan kerangka perancang dan pelan tindakan air negara yang holistik merentasi pelbagai sektor dan mampan bagi menangani isu-isu dan kelemahan mekanisme sedia ada dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memastikan keselamatan dan kemampunan air negara terjamin.

Selain dari itu, isu keselamatan dan kemampunan air ini juga berkait rapat dengan hal ehwal tanah dan sumber asli setiap negeri. Oleh itu, di bawah kementerian ini semua aspek pemuliharaan hutan, biodiversiti, perlindungan kawasan tadahan dan guna tanah yang berkait langsung dengan sumber air dapat diuruskan secara bersepadu bagi menjamin kelangsungan sumber air yang dapat memenuhi keperluan bekalan air rakyat, pengguna industri dan pembangunan negara ini.

Dalam pembangunan, fungsi ini juga membolehkan perancangan sumber air negara sama ada air di permukaan dan air tanah dibuat secara bersepadu. Ini bermakna pembinaan empangan, kolam takungan keperluan air tanah dapat diurus secara holistik dengan mengambil kira keperluan untuk bekalan air, pengairan, tambatan banjir. Ini dapat menjamin kemampuan air negara di samping menyumbangkan kepada penggunaan kos yang optimum.

Kerajaan juga pada masa sekarang bergerak ke arah satu konsep baharu yang dinamakan pengurusan permintaan air (*water demand management*) berbanding dengan kaedah pengurusan bekalan (*supply management*). Tumpuan diberikan bagi mengurangkan permintaan bekalan air melalui pelbagai kaedah seperti penggunaan mandatori produk yang cekap air, menerokai sumber air alternatif, audit kecekapan penggunaan air dan menggunakan sumber air lebih efisien di semua sektor ekonomi seperti domestik, pertanian, penjanaan elektrik.

Selain dari itu, sejajar dengan faktor perubahan iklim (*climate change*), kerajaan juga telah menetapkan dasar baharu meneroka sumber air di mana memberi tumpuan kepada pembinaan kolam takungan di kawasan hilir sungai melalui kaedah *off river storage*, pembinaan empangan jajar, *barrage*, *horizontal collection well* dan lain-lain. Ini dapat memberi jaminan sumber air berbanding dengan pembinaan empangan di hulu sungai di mana ia akan menjejaskan alam sekitar. Pada masa yang

sama tertakluk juga kepada fakta cuaca yang semakin kita menentu di sebabkan oleh senario perubahan iklim yang semakin ketara.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tidak menentu. Tidak menentu.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Tidak apa lah nanti *you* tanya soalan kemudian, *I will answer you. Not a problem.* Pada masa ini, KATS juga bekerjasama Kementerian Kesihatan dalam proses melaksanakan apa yang dikatakan sebagai Pelan Keselamatan Bekalan Air (*Water Safety Plan*). Melalui pelan tindakan ini semua operator telah diminta untuk menyediakan satu pelan menyeluruh secara berperingkat mengikut keutamaan loji dan kawasan agihan yang berkaitan bagi mengenal pasti risiko sesuatu loji tersebut dari segi aspek keselamatan, sama ada dari segi kualiti dan kuantiti yang boleh menjejaskan perkhidmatan bekalan air. Melalui pelan tindakan ini langkah mitigasi telah disediakan bagi setiap risiko yang telah dikenal pasti bagi memastikan tahap keselamatan dan kemampuan bekalan air dipelihara.

Tuan Yang di-Pertua dari segi aspek operasi perkhidmatan bekalan air pula, KATS melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sentiasa memantau supaya pembangunan infrastruktur bekalan air seperti pembinaan loji rawatan air termasuk sistem agihan di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah selaras dengan peningkatan permintaan. Bagi Sabah dan Sarawak, agensi air yang berkaitan akan memantau infrastruktur bekalan air mengikut perundangan di negeri masing-masing.

Dalam hal ini SPAN telah menetapkan dalam KPI yang perlu dipatuhi dan dicapai oleh operator air supaya rizab margin bekalan air berada di antara 10 peratus sehingga 50 peratus bagi semua negeri bagi memastikan keseimbangan bekalan dan permintaan air dalam pengurusan bekalan dan permintaan air.

Tuan Yang di-Pertua, dasar yang telah diperkenalkan pada tahun 2012 merupakan satu langkah yang strategik ke arah memastikan keperluan air untuk semua sektor pengguna dipenuhi dari segi kualiti dan kuantiti untuk manusia dan juga alam sekitar. Dalam sebutan pelancaran Dasar Sumber Air Negara, dilaksanakan berdasarkan tiga prinsip utama iaitu Jaminan Sumber Air (*Water Resources Security*), Kelestarian Sumber Air (*Water Resources Sustainability*) dan Urus Tadbir Bersama (*Collaborative Governance*).

#### ■1120

Pelaksanaan kajian berkaitan dengan sumber air, dua kajian utama berkaitan dengan sumber air yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan

Saliran Malaysia ialah *National Water Resources Study (NWRS)* diterbitkan pada tahun 2011 dan *National Water Balance Management System (NAWABS)* pula sedang dilaksanakan dan dijangka selesai pada tahun 2020.

Manakala kajian oleh Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) pula adalah seperti berikut, kajian penilai di atas sumber air negara disebabkan oleh kesan perubahan iklim semenanjung termasuk Sabah dan Sarawak. Kajian bekalan air *conjunctive* atau pun *alternative sources of water* peringkat bandar raya untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga menyediakan berkaitan *Total Maximum Daily Load (TMDL)* dan kajian berdekatan kawalan ini punca bagi menangani dan mengawal masalah pencemaran yang bersifat domestik, *grey water*, minyak (*oil and grease*), sisa makanan (*food waste*), sampah kasar (*solid waste*) dan endapan (*sediment*). Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Soalan tambahan sila Yang Berhormat Selayang.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Soalan tambahan saya, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri untuk satu jawapan yang lengkap dan sempurna. Soalan saya ialah tentang *deforestation*. Kita melihat empangan pada musim kemarau tidak cukup air. Kita ada air catuan, bila musim hujan ada banjir kilat antara sebabnya ialah *deforestation*. Adakah di dalam konsep untuk mengadakan satu pentadbiran yang holistik di antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan Negeri tentang kegunaan tanah supaya dapat melarang pembukaan hutan di kawasan empangan?

Kedua ialah tentang kegunaan air. Apakah langkah untuk mendidik orang awam tentang kegunaan air? Di mana kita melihat pada waktu ini *per capita consumption* air di Malaysia adalah lebih tinggi berbanding dengan negara-negara yang lain. Kita melihat bahawa kita masih menggunakan air untuk siram bunga, cuci kereta dan juga NRW. So, saya hendak minta apakah dasar untuk memberikan pendidikan kepada orang awam tentang kegunaan air? Terima kasih.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Terima kasih. *Deforestation* ini ialah satu perkataan yang selalu digunakan bukan sahaja oleh Yang Berhormat Selayang tetapi seluruh dunia atas Malaysia. Ini ada akibatnya bukan sahaja untuk air tetapi penjualan kelapa sawit dan sebagainya di pasaran antarabangsa. Akan tetapi sekarang kita telah pun adakan hubungan dengan negeri masing-masing. Kita kena faham bahawa Akta Hutan Negara ataupun Semenanjung Malaysia, Akta Hutan Sarawak dan Akta Hutan Sabah. Ia adalah kuasa negeri-negeri untuk pastikan bahawa *deforestation* atau pun jaminan

empangan, *water basin reserves* ini selalu sentiasa ada dikawal oleh negeri masing-masing. Contoh saya hendak katakan di sini bahawa negeri Kedah baru-baru ini telah pun tarik balik beberapa kontrak yang telah diberi untuk pembalakan di Kuala Muda, *basin* untuk diberhentikan. Untuk jamin kawasan itu ialah kawasan *water basin* yang penting untuk Kedah, Perlis dan Pulau Pinang juga.

So, saya memang kerjasama dengan negeri masing-masing. Kita kena adakan jaminan bahawa kita akan adakan 50 peratus *forest cover* selalu di dalam negara kita. Sekarang keseluruhan di Malaysia *forest cover* ialah 53.2 *percent* termasuk Sabah dan Sarawak. Akan tetapi kalau *Peninsular Malaysia* sahaja, Semenanjung Malaysia sahaja kita kurang dari 50 peratus. So, kita kena ambil perhatian. Semua negeri kena main peranan besar untuk kita jaga situasi *deforestation* ini. Akan tetapi pada masa yang sama KATS, melalui kementerian kita akan mengadakan satu program besar, di mana program *reforestation* akan jadi tumpuan untuk kita semua. Program ini akan dilaksanakan di masa hadapan yang akan datang.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Rompin.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Nanti dahulu. [*Dewan ketawa*] Lagi soalan yang kedua tentang penggunaan air. Itu soalan penting yang saya kena jawab. Sekarang, penggunaan air iaitu *per day* untuk seorang di dalam Malaysia, puratanya ialah 211 liter seorang sehari. Akan tetapi angka yang kita kena adakan dekat 180 liter sehari sahaja.

Negeri Pulau Pinang yang *leading the numbers* untuk penggunaan air seorang *per liter per day* iaitu 276 liter sekarang. Negeri Perak, 260 dan juga Selangor 220 liter *per day*. So, kita kena turunkan ini kepada 180 ataupun lebih kurang daripada itu untuk kita menjamin penggunaan air di dalam negara kita. [*Disampuk*]

Sabarlah, sabarlah. Apa pasal cepat sangat. Sabar dahulu. Sabar, sabar. Saya jawab soalan Yang Berhormat Selayang dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Parit Sulong jangan bercakap, tunggu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Xavier Jayakumar:** So, satu-satunya untuk kegunaan air besar macam ini ialah sebab tarif air kita yang sekarang sangat rendah kalau kita bandingkan dengan negara lain. Juga kita dalam tempoh 20 tahun ini mengadakan satu kajian di mana kita hendak tengok tarif air ini ditentukan akan dinaikkan dalam masa hadapan yang akan datang. So, caranya kita akan menurunkan penggunaan air dan keselamatan ini akan dijamin untuk lama lagi. Sila.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Eh tidak, saya.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Kota Bharu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Jelutong.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Okey, soalan tambahan saya.

*[Dewan ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Soalan tambahan. Saya bagi Yang Berhormat Kuala Krau.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Menteri yang jemput saya. Allah, Tuan Yang di-Pertua ini, kan kita jiran Batu Pahat dengan Parit Sulong.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Silakan Yang Berhormat Kuala Krau. Soalan tambahan yang kedua.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagan Serai berdiri lama sudah. Bagan Serai berdiri banyak kali.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ya, saya terbaca pengumuman daripada Ketua Setiausaha Kementerian mengatakan bahawa sampai masanya air daripada paip kita selamat untuk terus diminum. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh pihak kementerian dan juga beban-beban hutang negeri-negeri terhadap bekalan air, terutamanya beban hutang negeri Pahang, RM2.2 bilion. Adakah satu kajian oleh kementerian dilakukan untuk meringankan beban hutang bekalan air di negeri-negeri terutama sekali di negeri Pahang dan bagi memastikan bahawa bekalan air mencukupi bagi negeri-negeri dari seluruh negara. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Silakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Dr. Xavier Jayakumar:** Terima kasih. Memang air yang keluar dari paip boleh diminum di seluruh Malaysia, tidak ada masalah. Kalau ada masalah, itu masalah tempatan bukan sebab loji-loji. Air yang keluar dari loji-loji yang kita ada di seluruh Malaysia 100 peratus boleh di minum.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Yang Berhormat Menteri terus minum air daripada paip ke?

**Dr. Xavier Jayakumar:** Memang saya minum terus dari paip.



**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Ya, terima kasih. *[Dewan riuh]*

**Dr. Xavier Jayakumar:** Soalan kedua tentang hutang besar dari negeri Pahang dan beberapa negeri lain, kita telah buat kajian. Negeri Pahang kalau kerjasama dengan kita – saya pun telah hubungi Menteri Besar Negeri Pahang dan kita telah adakan beberapa mesyuarat. Kita sudah pun ada satu *understanding* di mana kita akan adakan *transfer* dengan aset air di dalam negeri Pahang dan Kerajaan Persekutuan akan bantu negeri Pahang untuk atasi masalah ini. Akan tetapi saya minta kerjasama dari negeri Pahang juga pada masa yang sama sebab NRW di negeri Pahang memang tinggi sangat, 46 *percent* dan kita kena menurun kan itu. Akan tetapi negeri Pahang tidak tahulah tidak ada cukup dana untuk berbuat demikian.

■1130

Akan tetapi pada masa yang sama, kita memang sedia untuk bantu negeri Pahang tetapi mereka kena kerjasama di mana sistem air di dalam negeri Pahang kita kena adakan satu sistem holistik di mana kita boleh bawa satu sistem yang boleh diterima oleh semua dan boleh diguna pakai. Hutang itu masih adalah, kita bincang dulu.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan penting.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Satu lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Boleh? Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sebab ramai sangat, panjang lebar ini Menteri semua menjawab hari ini. Tak tanya pun jawab sampai 20 soalan. Macam mana ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, satu jam setengah telah diperuntukkan untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan.

***[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.30 tgh.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Saya tahu ramai yang di sebelah sana yang nak bercakap. Maka dengan ini saya mengemukakan usul untuk membolehkan Barisan Nasional bercakap nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan Rang Undang-undang Sewa Beli (Pindaan) 2018 dan Rang Undang-undang Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) (Pindaan) 2018 di No.1 dan No.2 seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Khamis, 18 Oktober 2018.”

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG SEWA BELI (PINDAAN) 2018****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****11.32 pg.**

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Sewa Beli 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Sewa Beli 1967 yang disebut Akta 212 digubal oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk mengadakan peruntukan bagi mengawal selia bentuk dan kandungan perjanjian sewa beli, hak dan tanggungjawab pihak-pihak kepada perjanjian

sedemikian dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dan bersampingan dengannya.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Pada tahun 2010, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah membuat pindaan ke atas Akta Sewa Beli 1967 melalui Akta Sewa Beli (Pindaan) 2010. Pindaan ini telah berkuat kuasa pada 15 Jun 2011. Di bawah pindaan tersebut, beberapa peruntukan baharu telah dimasukkan dalam Akta 212 khususnya seksyen 4G yang bertujuan untuk memastikan pengguna yang berhasrat untuk memasuki perjanjian sewa beli bagi kenderaan bermotor terpakai membuat pengisytiharan bertulis mengenai apa-apa kerosakan kenderaan motor terpakai itu selaras dengan laporan pemeriksaan oleh pihak berkuasa relevan, dengan izin, *relevant authority* yang ditentukan oleh pengawal atau *controller*. Pengawal di bawah peruntukan ini adalah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Pemeriksaan sewa beli, dengan izin, *hire purchased inspection* bertujuan memastikan kenderaan motor terpakai yang disewa beli di pasaran merupakan kenderaan yang selamat untuk berada di atas jalan raya dan mengekang penjualan kenderaan potong sambung serta kenderaan curi. Pemeriksaan sewa beli juga merupakan langkah perlindungan kepada pengguna dan institusi kewangan di samping merangsang perkembangan industri kenderaan bermotor terpakai di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini, kadar fi yang dikutip semenjak pelaksanaan pemeriksaan sewa beli bagi kenderaan bermotor terpakai adalah berdasarkan persetujuan yang dicapai antara pihak berkuasa relevan dan pengawal yang dinyatakan melalui perjanjian yang dimasuki. Sehubungan dengan itu, Rang Undang-undang Sewa Beli (Pindaan) 2018 yang dicadangkan ini bertujuan untuk memperkukuhkan lagi perlindungan kepada pengguna dalam seksyen 4G dengan memperuntukkan keperluan pembayaran fi yang ditetapkan kepada pihak berkuasa relevan bagi maksud pengisytiharan kenderaan motor terpakai dan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan fi yang dikenakan oleh pihak berkuasa relevan yang ditentukan oleh pengawal bagi maksud pengisytiharan kenderaan bermotor terpakai di bawah seksyen 4G Akta Sewa Beli 1967 yakni Akta 212.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 10 Oktober 2018 telah bersetuju dengan Rang Undang-undang Sewa Beli (Pindaan) 2018. Rang undang-undang ini juga telah disemak dan diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara. Pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 1(a) ke dalam seksyen 4G Akta 212 untuk memperuntukkan pembayaran suatu fi yang ditetapkan oleh Menteri bagi laporan pemeriksaan yang dikehendaki bagi perjanjian sewa beli kenderaan motor terpakai.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Sewa Beli 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, silakan Yang Berhormat Bera.

**11.38 pg.**

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita hadkan seperti biasa 10 minit.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Ya, saya sikit saja, mungkin tak sampai 10 minit. Pertamanya, pindaan tahun 2010 untuk Akta Sewa Beli ini saya rasa amat lengkap, sudah pun begitu lengkap. Cuma yang saya hendak tanya adalah dari segi penguatkuasaan. Misalnya sebagai contoh, selepas pindaan tersebut, *repossess* ataupun penarikan balik kereta atau kenderaan tidak boleh dilakukan selepas waktu pejabat misalnya. Adakah perkara ini dipatuhi ataupun masih berlaku tarik kereta selepas waktu pejabat dan sebagainya? Begitu juga apabila kereta berada di dalam kompaun rumah, pihak penarik kereta tidak boleh menarik kereta tersebut.

Dari segi lelongan, kalau dulu kita dengar sewaktu lelongan, biasanya pihak yang akan melelong akan membuka kepada beberapa syarikat sahaja untuk menghalalkan lelongan awam yang dilakukan. Dengan pindaan ini, tuan punya kereta diberikan opsyen paling awal untuk mereka memilih atau mencari pembeli supaya mereka tidak ditipu seperti yang berlaku dulu-dulu. Kalau mereka gagal mencari

pembeli, mereka juga perlu dijemput untuk hadir sewaktu lelongan dilakukan. Jadi ini perkara-perkara yang kita buat untuk menjaga kepentingan pengguna. Jadi saya hendak tahu, adakah penguatkuasaan dilakukan supaya apa-apa yang ada di dalam akta ini dilaksanakan?

■1140

Keduanya adalah dari segi – pembeli-pembeli kini mempunyai dua pilihan untuk membeli kereta melalui pinjaman, sama ada pinjaman secara konvensional dan yang kedua, pinjaman secara Islamik iaitu di bawah *Al-Ijarah Thumma Al-Bai'* iaitu *Islamic hire purchase*. *Hire Purchase Act* yang ada hari ini adalah secara konvensional. Jadi saya hendak tahu, kalau pembeli memilih dan meminjam di bawah ijarah ini, bagaimana *Hire Purchase Act* ini boleh dikuatkuasakan? Ini kerana *Hire Purchase Act* ini berbeza dengan prosedur-prosedur pinjaman di bawah *hire purchase Islamic* ini.

Jadi saya hendak tahu, kalau tidak boleh dikuatkuasakan, bermakna akta ini tidak mampu untuk meliputi semua peminjam kereta. Kalaulah tidak boleh dikuatkuasakan, adakah pihak kementerian bercadang untuk membuat pindaan ataupun membuat akta baharu iaitu di bawah *Islamic hire purchase* ini? Sebab, kalau dahulu kita ada pinjaman bank konvensional. Akhirnya pihak kerajaan mewujudkan *Islamic Banking Act* ataupun Akta Perbankan Islam untuk *covers*, untuk melindungi peminjam-peminjam yang menggunakan cara Islamik ini.

Akan tetapi berbeza dengan *hire purchase* ini, tidak ada lagi. *HP Act* ini tidak melindungi peminjam secara Islamik. Jadi bagaimana penguatkuasaan? Jadi sebab itulah kalau boleh – saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, kalau perlu diadakan undang-undang baharu ataupun akta sewa beli Islam – jadi saya menyokong supaya kita adakan akta ini. Kalau sudah ada perancangan, saya sokong. Kalau tidak ada perancangan lagi, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh melihat perkara ini supaya kedua-dua peminjam, kedua-dua *hire purchaser* ini boleh dilindungi sama ada secara Islamik ataupun secara konvensional yang ada pada hari ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Johor Bahru.

11.41 pg.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas ruang yang diberikan. Pindaan Rang Undang-undang Sewa Beli 2018 ini berkaitan dengan memberi kuasa kepada kerajaan melalui Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk mengawal selia fi ataupun

bayaran bagi pemeriksaan sewa beli untuk kenderaan motor terpakai oleh PUSPAKOM Sdn. Bhd.

Di dalam ucapan sulung saya pada sesi yang lepas, saya ada bangkitkan soal dasar monopoli yang diamalkan oleh Barisan Nasional sebelum ini, yang mana turut terbabit adalah PUSPAKOM Sdn. Bhd. Saya percaya dalam pindaan ini, Yang Berhormat Menteri meletakkan perlindungan pengguna ataupun *consumer protection* itu sebagai asas utama.

Jadi ada tiga soalan yang saya hendak kemukakan. Pertama, kita kena menjawab, apakah keperluan dan kehendak pengguna yang perlu kita lindungi? Kedua, bagaimana dengan mengawal selia fi ini akan memberi manfaat kepada pengguna dan yang ketiga, apakah langkah masa depan yang boleh kita ambil untuk tingkatkan mutu perkhidmatan dan juga memberi keuntungan kepada pengguna?

Jadi dalam soalan yang pertama, apakah keperluan dan kehendak yang kita kena lindungi untuk pengguna, saya rasa pemeriksaan ini memang wajar. Malah telah dikuatkuasakan sejak tahun 2011. Ini membolehkan kenderaan terpakai ini berada selamat di atas jalan raya dan mengelakkan juga kenderaan potong sambung ataupun kenderaan curi, dijual. Rakyat akur dengan syarat ini, tetapi banyak komen ataupun *complain* yang diutarakan oleh pengguna terhadap PUSPAKOM.

Pertama, yang sering kita dengar, pengguna terpaksa bergantung dengan *runner* ataupun orang tengah bagi menguruskan proses ini. Ini memandangkan kekangan masa dan juga lokasi pemeriksaan itu kadangkala terlalu jauh di mana akhirnya caj yang terpaksa dibayar oleh pengguna terlalu mahal.

Kedua, ada juga kes-kes *complain* yang mana apabila mereka hantar, gagal. Kemudian, perbaiki apa yang seperti diminta, hantar lagi gagal, hantar lagi gagal sehingga lima kali. Jadi perkara ini pernah berlaku.

Ketiga, ada juga komen-komen daripada pengguna bahawa sistem yang diguna pakai itu agak mengelirukan. Ada laporan B2, B5, B7 yang berkaitan dengan pemeriksaan khas, tukar milik sewa beli dan sebagainya, yang menyusahkan pengguna dalam soal mendapatkan kelulusan bagi membolehkan perkara jualan ataupun tukar beli ini dapat dilaksanakan.

Keempat, yang selalu kita dengar, pekerja kurang mesra, *stress* dan sebagainya. Jadi dalam situasi ini, kalau kita hendak berlaku adil, PUSPAKOM sudah tambah baik sesetengah perkara. Sebagai contoh, untuk membuat temu janji, boleh dilakukan secara *online* ataupun ada juga unit bergerak van yang pergi ke rumah untuk membuat pemeriksaan kenderaan persendirian di rumah.

Akan tetapi, apa yang seperti Yang Berhormat Bera juga ada sebut soal Islamik dan konvensional, saya hendak sebut juga. *Trend* masa kini ada juga orang yang memilih menggunakan kaedah sambung bayar ataupun pajakan kereta kepada pihak ketiga tanpa melalui bank, yang mana mereka ini boleh didakwa dan dikenakan tindakan. Seharusnya, kerajaan melihat dan menilai bagaimana kita mengatasi masalah ini sebab ia berlaku.

Jadi persoalan kedua yang saya kemukakan, bagaimana dengan mengawal selia fi ini akan memberi manfaat kepada pengguna? Kita tidak mahu proses ini hanya akan merumitkan dan menambah birokrasi. Akan tetapi sebaliknya ruang yang ada ini, kalau dimanfaatkan sebaiknya, akan ada pembaharuan dan juga kalau pelaksanaan yang betul, akan menguntungkan rakyat.

Pertama, fi yang ditetapkan itu perlu melindungi pengguna. Yang Berhormat Menteri sebut tadi, kadar bayarannya macam mana sekarang. Jadi, apabila harga yang akan ditetapkan oleh kerajaan, biarlah berpatutan. Kalau boleh, Yang Berhormat Menteri ada di sini, harga sekarang ini pun kita turunkan supaya ia memberi manfaat kepada pengguna. Akan tetapi, kalau harga rendah sekalipun, servis ataupun perkhidmatan yang diberikan tidak memuaskan, hanya akan menyusahkan rakyat di kemudian hari. Jadi saya rasa kerajaan perlu dalam soal menetapkan fi ini, ada ruang untuk rakyat bagi rundingan ...

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Yang Berhormat Johor Bahru, mohon mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ledang minta laluan.**

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Terima kasih. Tadi Yang Berhormat ada menyebutkan tentang PUSPAKOM dan saya difahamkan bahawa kerajaan dengan PUSPAKOM, ada pemeriksaan ataupun perjanjian secara interim sehingga 17 Disember 2018. Sekiranya ini telah pun hampir tamat dan kerajaan akan mempertimbangkan pihak selain daripada PUSPAKOM sebagai pihak berkuasa yang relevan untuk menawarkan kepada pengguna sebagai pilihan, apakah Yang Berhormat melihat bahawa penting di sana ada kriteria-kriteria yang tertentu kepada pihak-pihak berkuasa relevan yang boleh melaksanakan perlindungan kepada pengguna dengan lebih baik? Apakah ada tatacara pemeriksaan yang boleh diambil tindakan tegas sekiranya tidak diikuti, tidak dipatuhi oleh pihak berkuasa yang relevan? Pokok pangkalnya ialah perlindungan kepada pengguna.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Ledang. Saya setuju, yang mana boleh masuk dalam ucapan

saya dan saya akan tambah di pengakhiran ucapan saya yang berkaitan dengan mutu perkhidmatan.

Soal fi tadi juga, saya harap kementerian dapat ikat fi tersebut dengan mutu perkhidmatan. Sebagai contoh, saya tahu lazimnya hendak mudah, kadar yang akan ditetapkan itu adalah pada kadar tetap. Akan tetapi, jika kita ikat dengan mutu perkhidmatan, contohnya, kalau PUSPAKOM itu gagal melaksanakan mengikut piawaian, mungkin masa yang pengguna terpaksa tunggu itu begitu lama, mungkin kita bagi penalti, denda kepada PUSPAKOM ataupun mungkin rebat kepada pengguna yang terpaksa menanggung kerugian akibat kelembapan ataupun kelewatan di pihak PUSPAKOM.

Proses ini juga sebenarnya boleh menggalakkan agar PUSPAKOM mempertingkatkan perkhidmatannya. Sebagai contoh, caj yang dikenakan oleh kerajaan itu kita kurangkan bagi pusat pemeriksaan yang baru dibuka, supaya ia menggalakkan PUSPAKOM buka lagi banyak pusat pemeriksaan bagi menambah rangkaian agar memudahkan rakyat dan memberi keselesaan kepada rakyat untuk membuat pemeriksaan.

#### ■1150

Akan tetapi yang macam Yang Berhormat Ledang sebutkan tadi, saya akan sentuh soal macam mana kita hendak tambah baik masa depan ini bagi meningkatkan mutu perkhidmatan pemeriksaan.

Kerisauan saya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimana sekiranya apabila kerajaan menetapkan fi, PUSPAKOM tidak bersetuju. Apakah panduan yang boleh diguna pakai sekiranya kerajaan berdepan dalam situasi ini? Oleh sebab itu, pendapat saya, dasar monopoli UMNO-Barisan Nasional ini kita perlu pecahkan. *[Tepuk]* Biarkan penetapan fi yang paling lancar dan efektif ini mengikut harga ataupun kuasa pasaran yang kompetitif. Jadi, kalau kita terlalu bergantung hanya kepada satu syarikat penguatkuasaan, mereka memang buat untung tetapi rakyat yang sengsara. Saya yakin apabila ada persaingan yang sihat, kita juga akan meningkatkan kebajikan pekerja. Asas kekhuatiran saya ada dua. Kalau kita lihat pada tahun 2017, mantan Timbalan Menteri ketika itu...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Johor Bahru?

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Sedikit, saya habiskan. Mantan Timbalan Menteri ketika itu menyebut bahawa PUSPAKOM di cadangkan untuk melantik *workshop* ataupun bengkel-bengkel persendirian sebagai agen mereka. Bagi saya, lebih elok kalau agen-agen atau bengkel ini buat lantikan



secara terus supaya memberi manfaat kepada individu ataupun syarikat-syarikat kecil dan tidak melalui orang tengah. Kedua, berkaitan seperti Yang Berhormat Ledang sebutkan tadi. Perjanjian ini sebenarnya telah tamat pada 14 Jun 2018, sekarang PUSPAKOM menjalankan pemeriksaan secara interim sehingga Disember 2018. Jadi, saya rasa ada ruang yang sangat baik agar kerajaan mengambil peluang ini untuk buka pasaran ini.

Jadi, saya kekal dengan pandangan bahawa monopoli seperti PUSPAKOM Sdn Bhd, Metrology Corporation Sdn Bhd dan yang lain-lain ini kita mansuhkan. Saya harap langkah kawal selia fi yang akan dikenakan oleh kerajaan ini terhadap penjualan sewa beli kenderaan terpakai merupakan langkah permulaan ke arah tersebut. Akhirnya, matlamat kita- maaf Yang Berhormat Pendang, tidak sempat. Akhirnya, matlamat kita adalah untuk melindungi hak pengguna dan juga hak rakyat. Dengan itu, saya menyokong Rang Undang-undang Sewa Beli (Pindaan) 2018. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bagan Serai silakan.

**11.53 pg.**

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Membaca sepotong doa] Bismillaahi Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan Bagan Serai peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya kira walaupun kita lihat kertas ini nipis sahaja *[Mengangkat salinan rang undang-undang]* tetapi saya rasa perbahasan ini amat penting. Oleh kerana ia melibatkan pemeriksaan kereta *hire purchase*. Pindaan yang hendak di buat adalah untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk menyelia, *control* fi ini. Sebelum ini tidak dapat. Jadi, yang kita hendak buat hari ini, kita hendak bagi Menteri kuasa ataupun *power* untuk *control* fi, untuk seliakan fi ini yang mana— untuk apa? Untuk kebaikan rakyatlah, untuk kebaikan rakyat.

Jadi, undang-undang yang dibuat, undang-undang di pinda untuk kebaikan rakyat. Jadi, apa pun sekali hari ini, kerja wakil rakyat adalah fikir bagaimana supaya rakyat tidak sengsara, supaya rakyat di bela, supaya rakyat diberikan keutamaan, ini kedudukan kita di sini hari ini. Jadi, supaya jangan ada *authority* ataupun kita kata tadi, pihak berkuasa relevan, *a relevant authority* yang mengambil peluang sesuka hati. Oleh kerana hari ini kita kata kos sara hidup. Bila kos sara hidup tinggi, semua hendak jadi naik. Kita tanya, kenapa tidak turun? Dia kata, yang turunnya hujan sahaja, yang lain semua naik. Oleh sebab kos sara hidup naik. Apa sahaja, dia tidak peduli sebab

bermatlamatkan *business*. Dia kata, kos rasa hidup naik, semua barang jadi naik. Jadi, kita takut juga ini, takut juga fi ini. Jadi, ini antara yang Bagan Serai kira adalah penting untuk pindaan yang dibuat ini hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini kita sedang cerita kereta *used car* ataupun kereta *second hand*. Kereta *second hand* ini ramai orang pakai. Saya tidak tahulah, saya rasa Yang Berhormat-Yang Berhormat pun pakai juga kereta *second hand*. Takkan semua beli kereta baharu? Betul? Jadi, kereta *second hand* yang kena *check* ini, kereta *second hand* yang kena *check* ini. Ramai rakyat terlibat dan saya kira ini sangat penting. Oleh sebab apa, mesti ada *proper checking*, pemeriksaan yang jelas, yang jitu, yang betul, tidak ada tipu-tipu. Oleh sebab apa? Oleh sebab ini melibatkan nyawa, melibatkan *safety* dan nyawa kepada sesiapa sahaja rakyat Malaysia yang pakai kereta *second hand*, *used car*. Jadi, apa yang kita takut? Apa yang kita risau? Oleh sebab itu memerlukan deklarasi bertulis ataupun borang B7 itu perlu ditulis dan perlu mendapatkan keputusan yang jelas. Hari ini kita dengar kereta curi, bila kita hendak beli kereta *second hand*, kereta curi kah atau tak curi? Rakyat tahu hendak *check* macam mana? Kereta curi, kereta curi, kereta potong dan sambung balik, potong dan sambung balik. Kereta potong, kereta curi, casis lari, macam-macam, *tinted glass* dan sebagainya. Ini kereta *second hand* yang kita katakan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kebimbangannya bukan apa. Saya ini berulang-alik daripada Bagan Serai ke Kuala Lumpur, selalu tengok *accident*, macam-macam jenis *accident*. Saya pernah nampak kereta terpotong dua. Ha, ni apa cerita ni? *Accident*, kereta terpotong dua. Maknanya, nyawa orang akan terlibat, keluarga akan terlibat, kalau dalam itu imam? Imam hilang. Kalau dalam itu *engineer*? Hilang satu *engineer*. Kalau dalam itu *lawyer*? Hilang *lawyer*. Kalau doktor macam saya? Hilang doktor. [Disampuk] Kalau apa? Kalau wakil rakyat? Kalau wakil rakyat, PRK lah jawabnya. [Ketawa] Kalau kira yang lepas, sudah 4-0, harap-harap 4-1 lah, takut-takut 5-0. Jadi, ini cerita penting sebenarnya. Pemeriksaan PUSPAKOM itu penting, Tuan Yang di-Pertua. PUSPAKOM 2011 dimulakan, 2018 Jun habis, interim sampai 17/12. Selepas ini hendak buat macam mana? Hendak beri ke PUSPAKOM? Hendak biarkan monopoli ataupun hendak tambah lagi? Apa yang jelasnya hari ini adalah di PUSPAKOM, ramai, padat manusia tunggu di situ, yang tidak tahannya, tunggu itu. Jadi, kita dapat lihat hari ini. Bagi orang *business* masa itu emas, masa itu pedang, masa itu duit, itu orang *business* punya cakap.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Bagan Serai, boleh mencelah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kota Bharu hendak mencelah.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Boleh, silakan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya pemahaman Yang Berhormat Bagan Serai mengenai cadangan pindaan kepada Akta Sewa Beli ini. Tadi Yang Berhormat Bagan Serai kata kita– pindaan ini untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk menetapkan satu fi bagi mendapatkan laporan pemeriksaan. Pada pemahaman Yang Berhormat Bagan Serai, adakah sekarang ini pengguna ataupun orang ramai yang membuat pemeriksaan ini, bagi mendapatkan laporan, bukan pemeriksaan. Pemeriksaan PUSPAKOM perlu dibayarkan? Laporan itu, adakah perlu dibayar? Adakah pindaan ini bermakna sekarang ini tidak perlu bayar laporan ini tetapi selepas pindaan ini dibuat, perlu dibayar? Adakah itu maksudnya?

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Saya percaya Menteri mendengar dengan teliti apa yang Yang Berhormat Kota Bharu katakan. Masukkan persoalan dan perbahasan ini dalam perbahasan saya. Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Saya hendak sambung balik ini, cerita padat ini, cerita orang ramai tidak tahan tunggu ini. Oleh sebab apa? Oleh sebab terlalu ramai, mungkin sebab satu sahaja, PUSPAKOM sahaja. Kita tahu hari ini PUSPAKOM letak RM60 dan juga PUSPAKOM berikan 12.5 peratus daripada 100 juta kepada kerajaan. Jadi, kerajaan pun dapat ambil duit di sini, kerajaan pun dapat pendapatan daripada sini. Tuan Yang di-Pertua, kebimbangan yang kita risau adalah benda yang daripada semalam lagi perbahasan kita hari ini, adakah berlaku pemantauan, *enforcement* yang betul, pemeriksaan yang betul. Adakah berlaku insiden-insiden rasuah yang wujud sekarang ini, yang kita dapat lihat di mana tempat-tempat pemeriksaan.

Jadi, betul-betul *checking* yang kita hendak hari ini sebenarnya. PUSPAKOM kena buat betul-betul *checking*. Tuan Yang di-Pertua, macam mana hendak *solve* ini? Pertamanya, saya hendak tanya. Adakah kerajaan akan biarkan monopoli ini? Atau kerajaan akan tambahkan lagi *relevant authority* yang lain selain daripada PUSPAKOM supaya lebih *competitive*? Adakah kerajaan bersedia untuk buat begini?

#### ■1200

Perkara yang kedua, saya hendak tanya kepada Menteri adakah pemantauan ini cukup? Adakah dua kali, *checking* pada PUSPAKOM, 55 stesen PUSPAKOM mencukupi untuk *make sure that* PUSPAKOM buat kerja dia ataupun dia tengok ini, ini, ini, okey ataupun tekan macam ini, okey. Kita tidak tahu.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Jadi, pendapat saya pemantauan ini mesti melebihi daripada dua, mesti melebihi daripada dua...

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Rompin sedikit.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Yang Berhormat Bagan Serai, sedikit.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Mencelah sedikit.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ada dua minit. Silakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Rompin, silakan.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Apa pandangan Yang Berhormat jika kita mengadakan *portable* PUSPAKOM. Maksudnya *portable* PUSPAKOM ada mengadakan kenderaan boleh pergi ke kampung-kampung, bandar-bandar kecil untuk mengadakan pemeriksaan kereta. Sekarang *portable* tidak ada lagi saya rasa. Ada ataupun tidak dilaksanakan dengan cekap ataupun betul. *Portable* tidak ada, saya ingat lagi. Terima kasih.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Rompin.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Yang Berhormat Bagan Serai sedikit. Yang Berhormat Bagan Serai, Limbang sedikit.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *Portable, portable* pun memang juga. Silakan.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Saya ingin hendak menyentuh tentang yang disebut juga oleh Yang Berhormat Rompin tadi berkenaan dengan *standard of checking*. Jadi, apa pendapat Yang Berhormat Bagan Serai apabila ini di *enforce* kepada pengguna, itu satu. Keduanya lagi *the standard of checking* dengan izin, mestilah diperkemas lagi sebab saya juga difahamkan setengah *checking* untuk badan-badan kereta dan sebagainya, ia tidak begitu *detail* terutama sekali untuk kenderaan *public transport* dan juga untuk kenderaan perdagangan.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Limbang.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Satu lagi Yang Berhormat Bagan...

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *One minute left for me.*

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Limbang. Tuan Yang di-Pertua, ini jurutera. Jurutera dia sentiasa fikir macam mana hendak *proper checking*. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya satu lagi kepada kerajaan ataupun PUSPAKOM bersedia kah dari bagi 12.5 peratus *up* lah sedikit. PUSPAKOM buat untung banyak. Sekarang ini rakyat – negara tengah katanya tidak ada duit, katanya tidak ada duit tetapi nasib baik boleh bayar gaji. *Up* lah sedikit. Bukan 12.5 *percent* bagilah 15 *percent* umpamanya. Sudah lama 12.5 *percent*. Kereta makin banyak, untung pun makin banyak. Terakhir sekali Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Beruas minta laluan.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sedikit lagi, saya tidak ada masa lagi.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Satu lagi perkara tentang PUSPAKOM, boleh mencelah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak diberi laluan.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Belum...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *Tinted Glass.*

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kecuali Tuan Yang di-Pertua bagi saya dua minit lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Seminit.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Seminit. *Thank you* Tuan Yang di-Pertua. Silakan Yang Berhormat Beruas.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Lagi satu perkara tentang sewa beli dan *checking* dengan PUSPAKOM ialah dengan izin *tinted glass*. Kerajaan membenarkan banyak kereta import di mana *tinted glass*, tembusan cahaya itu memang tidak mengikut undang-undang yang dibenarkan. Jadi apabila ada pindah milik ataupun sewa beli yang dijalankan didapati PUSPAKOM tidak dapat meluluskan kerana dikatakan *tinted glass* ini, tembusan cahaya itu terlalu kurang jadi berlakulah rasuah, macam-macam berlaku. Boleh saya mohon melalui Yang Berhormat Bagan Serai minta kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini. Terima kasih.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Beruas. Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali saya minta sangat sudah kerajaan dalam isu hendak *control fee* ini. Sekarang ini Menteri hendak *control fee*. Dahulu, semasa kerajaan dahulu kalau ada hendak bagi Menteri *control* semua orang risau. Jadi saya hendak tanya kepada Menteri lah, supaya fi ini jangan dinaikkan sewenang-wenangnya.

Hari ini kita hendak kena tanya juga RM60 ini apa dia orang buat? Satu kereta RM60, apa dia orang buat? Adakah patut RM60 atau kurang daripada RM60, adakah ia akan dinaikkan? Walau apa sekalipun perhatikan baik-baik apa yang akan diperiksa, sama ada RM60 ini cukup ataupun kurang tetapi yang penting sekali ialah rakyat diutamakan. Apa yang penting sekali pengguna-pengguna *used car* yang begitu ramai, rakyat ini jangan didera, jangan ditambah lagi beban, menambahkan fi yang akan ditentukan nanti. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bagan Serai menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pendang.

**12.05 tgh.**

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan RUU Sewa Beli (Pindaan) 2018 ini. Kita merujuk kepada tujuan pindaan akta ini, saya setuju dengan Yang Berhormat Bera tadi, akta ini sudah lengkap cuma *enforcement*, pelaksanaan. Inilah masalah kita di semua kementerian di Malaysia, *enforcement*. Saya ingat saya hendak mencadangkan kepada semua kementerian yang ada dalam kerajaan sekarang supaya kita tumpu dan tingkatkan *enforcement* ataupun pelaksanaan bagi kita melengkapkan akta-akta yang telah kita luluskan dalam Dewan ini untuk kebaikan rakyat. Kita pun sudah tahu memang selepas 9 Mei tertubuhnya kerajaan baharu dengan slogan 'kerajaan rakyat' jadi tentulah apa yang kita bincang, apa yang kita bahaskan di sini pada hari ini dan juga pada hari yang sebelumnya untuk kepentingan rakyat.

Dalam pindaan undang-undang ini, RUU Sewa Beli khususnya dalam seksyen 4G ini pada tahun – Akta Sewa Beli 1997 (Pindaan) 2010. Pertamanya kita khusus kepada kenderaan bermotor terpakai. Kedua, pihak berkuasa yang relevan yang mana ditentukan oleh pengawal. Ketiga, pengisytiharan bertulis iaitu 22 komponen pemeriksaan yang mana agensi yang terlibat adalah JPJ dan juga PUSPAKOM. Keempat, tentulah khusus terus kepada perjanjian sewa beli yang melibatkan tiga atau

empat parti yang terlibat dalam perjanjian sewa beli ini iaitu pembeli, peniaga, pihak institusi yang memberi pinjaman dan juga pihak agensi kerajaan.

Perkara-perkara ini yang kita bincang untuk pindaan pada hari ini khusus yang pertamanya untuk memberi kuasa kepada Menteri bagi menetapkan segala semua bentuk pembayaran supaya menjadi selaras seperti mana disebut oleh Yang Berhormat Johor Bahru tadi, dia tidak setuju memberi kuasa kepada Menteri untuk menyelaraskan.

Kita kena tahu, kalau kita beri peluang khususnya kepada persatuan-persatuan peniaga ini ia tidak akan berlaku kompetitif, tidak akan berlaku persaingan, ia akan berlaku monopoli kerana mereka juga ada persatuan. Apabila kita tidak beri kuasa kepada Menteri bermakna persatuan-persatuan automobil khususnya ataupun persatuan-persatuan industri yang terlibat dalam Akta Sewa Beli ini, mereka akan meletakkan mengikut persetujuan dalam mesyuarat persatuan. Jadi Menteri tidak boleh hendak tegur.

Jadi saya hendak menyokong, hendak bersetuju dengan rang undang-undang yang dibawa oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada hari ini kerana kita hendak melihat, kita yakin perubahan kerajaan yang dibuat pada 9 Mei oleh rakyat tentulah Menteri yang dilantik juga mereka meletakkan pemikiran mereka untuk membantu rakyat dan meringankan bebanan rakyat. Kalau tidak, tidak guna rakyat membuat perubahan. Ini perlu kita letakkan dalam pemikiran kita reformasi 9 Mei adalah reformasi rakyat untuk melihat rakyat lebih selesa, lebih tenang hidup.

Akan tetapi kalaulah perubahan yang berlaku pada 9 Mei menyebabkan rakyat lebih susah, tunggulah PRU ke-15. Akan tetapi kita tengok sekarang peralihan sedang berlaku. Kita banyak melihat, mendengar ucapan-ucapan daripada pihak kerajaan dan juga pihak penyokong kerajaan, apabila sebut masalah perbelanjaan untuk hendak meningkatkan kualiti pentadbiran bagi manfaat rakyat, duit tidak ada.

Jadi saya hendak cadang dalam Dewan ini pada hari ini supaya bentangkan transisi yang berlaku, duit negara antara 9 Mei, penghapusan GST tidak dibayar lagi sehingga 1 September, lebih kurang empat bulan, ke mana duit yang kerajaan hilang pendapatan dalam masa transisi ini berlaku sebelum pelaksanaan SST? Ini perlu kita tahu. Berapakah jumlah kerajaan hilang pendapatan dalam tempoh *transactions* ini di antara 9 Mei sehingga 1 September akibat daripada penghapusan GST dan peniaga pun sudah tidak mengutip GST, yang ini kita hendak tahu.

## ■1210

Di sini juga kita akan boleh kesan, kehilangan yang dikatakan berbilion-bilion masa kita berbahas isu GST dan juga isu penghapusan GST serta untuk melaksanakan SST. Sila.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Boleh mencelah sedikit? Sebenarnya salah mereka sendiri, Menteri Kewangan ada di sini Yang Berhormat Pendang. Salah mereka sendiri apabila tiga bulan *tax holiday* itu mereka kehilangan RM11 bilion. Kutipan GST ini sebanyak RM44 bilion bahagi 12 iaitu RM3.44 bilion (satu bulan) x dengan RM3.44 bilion x 3 sebanyak RM11 bilion hilang duit itu. Kemudian apabila hilang, mereka asyik menyalahkan hutang lama Kerajaan Barisan Nasional dahulu. Ini adalah satu yang tidak adil. Apa pandangan Yang Berhormat Pendang?

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa kaitan dengan sewa beli ni? [*Dewan ketawa*]

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Tuan yang di-Pertua, kita berbincang secara holistik. Akan tetapi, kita khusus untuk kita menyokong pindaan Rang Undang-undang Akta Sewa Beli ini. Oleh sebab, kita hendak berikan 'power' kepada Menteri. Oleh sebab, Menteri yang bentang. Dia ada kaitan, semua ini. Ini sebab melibatkan rakyat. Oleh sebab itu, duit yang hilang ini kita mahu berikan kuasa dekat Menteri KPPDNHEP ini untuk kutip balik menggantikan transisi yang hilang dalam masa empat bulan itu. Jadi, dari segi *economic rotation* - saya boleh bagi kuliahlah bab ini sikit-sikit. [*Dewan ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, silakan.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Ya, okey, okey. Kita mahu menyokong Menteri. Berbalik kepada cerita saya, saya bersetuju. Oleh sebab itu saya minta tadi. Satu lagi saya minta Menteri Kewangan khususnya supaya kita bentangkan kertas putih kehilangan wang negara yang banyak yang disebut tetapi tidak ada satu angka yang jelas. Seperti mana yang disebutkan duit yang tinggal ada RM400 juta lebih baru-baru ini akibat apabila berlaku peralihan. Sedangkan, kalau RM400 juta lebih, otak saya tidak boleh terima kerana apa? Sebulan bayar gaji kakitangan awam hampir RM2 bilion. Macam mana kita nak hidup dengan RM400 juta yang berbaki? *Tak* apa, *tak* apa. Nanti minta Menteri Kewangan tolong jelaskanlah yang itu. Okey, baik. Ya?

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Sebulan, RM8 bilion.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Sebulan, RM8 bilion. Saya disahkan oleh bekas-bekas Menteri yang mereka ada maklumat yang sah, sebab



mereka yang jadi Menteri dahulu. Jadi, kita boleh ambil maklumat ini. RM8 billion sebulan, untuk bayar gaji kakitangan awam, sedangkan *statement* yang keluar hanya baki RM400 juta. Itu untuk buat kilang seluar dalam bolehlah. [*Dewan ketawa*]

Boleh tara tu? Okey, baik. [*Disampuk*] Kita baliklah. Ini sebab, kita mahu realistik, kita mahu fakta dan data. Kita tidak mahu main tembak-tembak, angka *assuming*. Ini semua sesiapa pun boleh bercakap. Okey, berbalik kepada tujuan kita yang asal. Kita ada satu minit lagi. Memberikan kuasa kepada Menteri – Saya mahu sebut berkenaan dengan menetapkan segala semua *fees* yang standard dan juga menetapkan peraturan sewa beli yang tidak membebankan pengguna. Saya mahu kaitkan sedikit berkenaan dengan *used car dealer*.

Saya minta perhatian Menteri 'KPD...', *nak* sebut panjang pula sangat. *Tak* apalah, Menteri Hal Ehwal Pengguna *lah* senang, supaya memberikan fokus tentang kereta *second-hand* ini yang mana dikuasai oleh kumpulan-kumpulan *used car dealer* yang menetapkan *fees* yang pelbagai. Ini yang menyebabkan rakyat bawahan ini merasa tidak sepatutnya bayar, '..... *money*', *processing fee* dan juga *charge form* yang dikeluarkan oleh bank sedangkan bank bagi borang itu *free je*. Tanyalah orang-orang yang pernah ada pengalaman dalam bank. Tidak ada caj sekupang pun dekat *used car dealer*. Akan tetapi, dalam *itemize* yang *breakdown* oleh *used car dealer* ini meletakkan pelbagai caj hampir RM3,000 lebih pada setiap kereta yang dibeli oleh pembeli dalam urusan beli kereta *second-hand* ini. Jadi saya minta perhatian supaya caj-caj ini disemak balik, *processing fee* sahaja melibatkan RM2000 lebih untuk sebiji kereta. Ini belum lagi harga kereta yang di *mark-up* harganya. Ini untuk perhatian Yang Berhormat Menteri KPDNHEP. Ini yang kita tengok.

Begitu juga dengan keperluan-keperluan *threshold* ini ialah dengan izin, mengelakkan bebanan kes mahkamah dan membantu rakyat bagi mendapatkan pinjaman kenderaan daripada institusi kewangan memandangkan syarat terkini lebih munasabah dan praktikal. *Enforcement*, saya minta lagi sekali *enforcement*. Akta sudah ada, seperti mana Yang Berhormat Bera sebutkan tadi. *Booking fees*, saya mahu minta Menteri KPDNHEP guna ini supaya sekiranya kita sudah membuat *booking fees* dan kita batalkan, kita minta bank ataupun pihak *used car dealer* pulangkan balik. Sekiranya, pembeli-pembeli telah membayar hutang kereta pinjaman sewa beli ini melebihi 75 *percent*, pihak bank tidak berhak untuk menarik balik kereta-kereta yang telah dibayar melebihi 75 *percent*. Itu adalah Akta Pindaan 2010, saya sudah semak. Saya minta Yang Berhormat Bera tolong *confirmkan*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pendang, masa pun sudah habis.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Ya, ini benda-benda yang kita harus melihat untuk memberikan keringanan dan tidak membebankan rakyat-rakyat yang susah. Kita Ahli Parlimen tidak apalah, tiap-tiap bulan ‘*cucuk*’, ada. ‘*Cucuk*’ saja, ada. *Tu*, yang buat ‘motong’, yang *duk* buat bendang tu, tinggal seringgit lapan kupang ‘je’ sekilo. Sekian, wallahualam. Wabillahi Taufiq.

**Seorang Ahli:** “Bera” bukan “Bera”

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Ha, “Bera”. Saya Kedah, “Bera”. Jadi, depa nak faham macam mana, fahamlah. Ada yang faham macam ini, saya faham Kedah. Okey, baik terima kasih. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, baik terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Merbok. Silakan.

**12.16 tgh.**

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** *Bismillahri Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya hendak bahas ringkas sahaja. Saya ingin sentuh sedikit latar belakang pindaan seksyen 4G, Akta 212 agar kita semua hadam bila kita sebut ulang-ulang ini kita jadi hadamlah. Rang undang-undang ini diperkenalkan pada bulan Jun 2011 dan telah diwajibkan di bawah undang-undang dalam usaha melindungi pembeli kenderaan terpakai daripada membeli kenderaan yang tidak sah dari sisi undang-undang atau tidak selamat digunakan di jalan raya.

Jadi, mana-mana individu atau organisasi yang memohon pinjaman untuk membeli kenderaan terpakai, perlu mengesahkan bahawa kenderaan itu telah menjalani pemeriksaan sewa beli dengan mengemukakan Laporan B7 yang dikeluarkan oleh PUSPAKOM. Pemeriksaan ini termasuklah 18 pemeriksaan khusus iaitu gabungan pemeriksaan identiti dan pemeriksaan fizikal. Ketika perjanjian dikuatkuasakan, KPDNHEP adalah selaku pengawal, ‘*controller*’ dengan izin, di bawah seksyen 4G, Akta 212, telah menentukan PUSPAKOM Sdn. Bhd. sebagai pihak berkuasa relevan iaitu relevant *authority* dengan izin, untuk menjalankan pemeriksaan kepada pengguna bagi tujuan pengisytiharan. Meskipun perjanjian ini tamat pada 14 Jun 2018, namun PUSPAKOM masih melakukan pemeriksaan secara interim sehingga 17 Disember 2018.

Saya sebenarnya menyokong pindaan Rang Undang-undang Sewa Beli seperti yang dicadangkan ini kerana atas prinsip kerajaan baharu yang sentiasa mengutamakan rakyat dalam sekecil-kecil perkara apatah lagi melibatkan perkara-

perkara yang besar. Jadi, saya ingin membuat perbandingan ringkas agar kita memahami dengan jelas berkenaan akta ini setelah dipinda.

Asalnya dalam akta ini, Menteri tiada kuasa mengawal selia fi bagi pemeriksaan sewa beli untuk kenderaan bermotor terpakai. Jadi, kesannya adalah kecenderungan untuk berlaku penyelewengan seperti Yang Berhormat Johor Bahru sebutkan tadi iaitu isu '*runner*' dan berlaku penambahan bayaran-bayaran lain yang tidak termaktub. Fi sekarang bernilai RM60 dan selepas pindaan ini, kita akan menyaksikan Menteri mempunyai kuasa untuk menetapkan fi. Kesannya, akan melindungi pengguna iaitu rakyat dan fi akan dimuktamadkan. Kita mengharapkan fi ini lebih munasabah dan tidak membebankan pengguna.

Untuk makluman semua, bila kita membuat pemeriksaan, ada Laporan B5 untuk kenderaan yang dibeli secara tunai. Manakala Laporan B7 bagi kenderaan yang secara sewa beli. Lazimnya, apabila sudah buat Laporan B7 sepatutnya tidak perlu buat Laporan B5. Namun ketika pelaksanaan, kita ada juga menerima rungutan pengguna yang mana mereka terpaksa membayar lebih kerana untuk Laporan B5 dan Laporan B7 untuk tujuan sewa beli. Maka, perkara ini saya mencadangkan kepada pihak Menteri agar harus kita mengambil perhatian yang terkait dengan hal-hal penguatkuasaan.

Pindaan ni juga bertujuan memperuntukkan keperluan pembayaran fi yang ditetapkan kepada pihak berkuasa relevan bagi maksud pengisytiharan kenderaan motor terpakai, memberikan Menteri kuasa meletakkan fi oleh pihak berkuasa relevan yang ditentukan oleh pengawal dengan mengeluarkan pengisytiharan bertulis yang mengandungi 22 komponen pemeriksaan dan akhirnya, masuk dalam perjanjian sewa beli.

Saya melihat pindaan ini juga tepat pada masanya memandangkan pihak berkuasa relevan bagi tempoh selepas 18 Disember 2018 ini akan ditentukan dalam masa terdekat, maka KPDNHEP akan mengambil kira pindaan ini dalam merundingi perjanjian yang akan dimasuki oleh pihak berkuasa relevan tersebut.

#### ■1220

Saya juga merujuk dengan mengambil jawapan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dalam soalan lisan nombor 23 oleh Yang Berhormat Taiping pada 15 Ogos yang lalu. Bagi tempoh lima tahun ke belakang daripada tahun 2013 dan 2017, purata perbelanjaan operasi PUSPAKOM sebanyak RM9.7 juta sebulan, manakala kutipan hasil adalah RM9.9 juta sebulan. Maka, melalui data ini, PUSPAKOM dianggarkan membuat keuntungan RM200,000 sebulan. Melalui jawapan lisan itu juga

telah dinyatakan pada Jun 2018, sekali lagi, kerajaan baharu telah menubuhkan Jawatankuasa Dasar Monopoli Perkhidmatan dan Bekalan Kerajaan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi bagi mengkaji perkhidmatan yang bersifat monopoli termasuklah pemeriksaan kenderaan di bawah PUSPAKOM.

Saya juga ingin menarik perhatian berdasarkan data Persatuan Automotif Malaysia (MAA), jumlah kenderaan berdaftar di Malaysia sehingga Jun 2017 ialah kira-kira 28.2 juta bersamaan dengan 0.88 kenderaan bagi setiap individu di negara ini. Ini menunjukkan jumlah yang tinggi dan semakin meningkat.

Maka, logiklah di sini kita bersedia untuk memberi perkhidmatan pemeriksaan kenderaan yang terbaik kepada pengguna untuk rakyat. Perjanjian dengan PUSPAKOM sebagai pihak berkuasa relevan hampir tamat. Maka, saya rasa tidak salah untuk kerajaan mempertimbangkan pihak selain PUSPAKOM sebagai pihak berkuasa relevan kepada pengguna untuk memilih. Dengan adanya pilihan, maka tidak ada masalah monopoli serta akan mewujudkan persaingan yang sihat.

Pihak berkuasa relevan yang dipilih haruslah memenuhi kriteria tertentu. Mana-mana yang tidak mematuhi tatacara perlu kita ambil tindakan tegas dan menarik balik perjanjian sebagai pihak berkuasa relevan dan seharusnya dikenakan penalti yang tinggi. Dengan tindakan sebegini, jelas menunjukkan kerajaan sangat serius dalam memastikan kepentingan rakyat.

Sekian, terima kasih. Saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Arau. Silakan.

**12.22 tgh.**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong pindaan ini dan ini ialah satu impian kepada Pakatan Harapan. Ini kerana selama ini Pakatan Harapan menentang kuasa Menteri. Akan tetapi, pada hari ini Pakatan Harapan telah ubah untuk bagi kepada kuasa Menteri. Kami sokong, tidak ada masalah. Selama ini pun kami '*duk*' buat kuasa Menteri tetapi masa itu kawan-kawan tidak setuju. Akan tetapi pada hari ini dia minta balik pada kuasa Menteri. Tidak ada masalah sebab ini yang kita laksanakan pada masa yang lepas iaitu menyokong kuasa Menteri diberikan untuk menentukan fi bagi perkara-perkara yang telah ditetapkan.

Akan tetapi, saya hendak sentuh satu sahaja dalam masa yang pendek iaitu berhubung dengan PUSPAKOM. Kita tahu bahawa PUSPAKOM diberi kuasa monopoli. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, bila sesuatu syarikat diberi kuasa monopoli, dia juga membuat pelaburan. Sudah pasti pelaburan yang besar telah dibuat bukan sahaja pelaburan kepada infrastruktur tetapi pelaburan kepada *human resource*. Pelaburan kepada manusia itu sendiri yang mempunyai kepakaran. Kita buat perubahan tetapi perubahan ini janganlah menimbulkan keluh-kesah kepada rakyat. Kalau kita bawa perubahan mendatangkan keluh-kesah kepada rakyat, ini kurang bagus. Saya minta ditengok balik.

Kalau sekiranya PUSPAKOM ada kekurangan di mana-mana, kita betulkan. Akan tetapi, kalau kita rasa PUSPAKOM ini tidak patut diberi monopoli, kita bagi juga kepada syarikat lain— boleh dipertimbangkan— tetapi kita kena ingat pelaburan yang telah dibuat dalam jangka masa yang lama itu sebegitu besar. Saya tidak sokong kuasa monopoli. Mungkin kita bagi kuasa kepada beberapa buah syarikat tetapi peringkat awal apabila kita bagi monopoli, syarikat itu sudah pasti membuat pelaburan yang besar dan juga akan melibatkan kakitangan dan sebagainya.

Kita bayangkan bila kita tamatkan kontrak dengan PUSPAKOM, ia akan melibatkan ramai kakitangan. Mereka ini masa bekerja muda, sekarang ini sudah berumah tangga. Kita ada masalah. Macam pegawai-pegawai kontrak PLKN, pegawai kontrak JASA dan sebagainya. Yang ini, mereka ini diambil bukan pada zaman kami, bukan pada zaman baru-baru ini. Pada zaman dahulu lagi. Pada zaman Tun Perdana Menteri lagi. Jadi, kita buang, mereka itu sudah beranak dan mungkin sudah bercucu. Mereka bukan ada sumber kerja lain, itu sahaja. Bukan dia berniaga *burger*— tidak ada. Itulah sahaja sumber pendapatannya.

Kita kena ingat bahawa kalau sekiranya kita ambil tindakan kepada mereka, sudah pasti kita bukan sahaja ambil tindakan kepada individu itu, kita telah mengambil tindakan kepada keluarga. Keluarga ini, saya hendak beritahu sebagai seorang Islam, kita kena ingat bahawa doa orang yang kena zalim ini tidak ada hijab dengan Allah Taala. Mereka bayangkan dalam keadaan kita berhentikan serta-merta dan segera itu, kita seronok, tetapi kita telah menghukum bukan seorang, kita telah menghukumkan keluarga. Menghukumkan anak yang bersekolah, menghukum anak yang belajar di pusat pengajian tinggi dan sebagainya.

Jadi, berhati-hati untuk menuduh bahawa sistem monopoli ini tidak bagus, kita buang, kita ambil orang lain. Akan tetapi, kita kena ingat sekali kita hukum, kita telah menghukum deretan manusia, bukan seorang. Saya tengok mereka yang jadi jurulatih

PLKN sedang menunggu hari. Sekarang sudah menangis, menunggu hari untuk menangis dengan hebatnya bila kontrak mereka ditamatkan. Termasuk orang lain.

Jadi, kita tidak mahu menghukum kerajaan, menuduh kerajaan. Tidak mahu. Kita hendak usaha, hendak tolong kerajaan supaya kita sama-sama menyelesaikan masalah rakyat. Kita tidak perlu berbeza pendapat untuk menuduh antara satu dengan lain tetapi biarlah kita bersama hendak selesai masalah rakyat. Saya di antara orang yang menyokong. Apa-apa pindaan saya akan sokong. Saya berharap supaya dengan pindaan ini boleh membantu rakyat. Akan tetapi bukan dengan menghukum rakyat.

Saya hendak beri contoh, satu contoh sebab sahabat saya Yang Berhormat Menteri Kewangan ada sini. Saya bagi satu contoh ya. Ada seorang pegawai, pegawai PTD. Dia bekerja di satu jabatan. Dia ditukarkan kerana dia ada 'binti' kepada bapa seorang aktivis UMNO. Dia ditukar. Empat kali ditukar sebulan kerana dia ada 'binti' kepada orang yang berkenaan. Akan tetapi, dia sendiri adalah penyokong tegar kepada PKR. Penyokong tegar. Bukan sembarangan dan dia bergaduh dengan semua anggota keluarga kerana menyokong Pakatan Harapan. Akan tetapi, dia dihukum kerana bin UMNO tadi.

Jadi, kita telah membuat silap hukuman seolah-olahnya termasuk anggota kakitangan kerajaan. Anggota kerajaan ini kita tahu bahawa majoriti pada mereka menyokong Pakatan Harapan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya minta laluan Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jelutong minta laluan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Jelutong kah?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ya, sedikit sahaja.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya memang menunggu Yang Berhormat Jelutong tanya saya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Silakan Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Setuju Yang Berhormat bahawa zaman UMNO Barisan Nasional memerintah, banyak kakitangan kerajaan yang telah ditukar, banyak juga hakim-hakim yang telah dikenakan tindakan. Ada juga seorang Peguam Negara yang telah dipecat diminta berhenti kerana kononnya telah menyediakan kertas-kertas pertuduhan untuk menuduh Yang Berhormat Pekan. Ini

adalah amalan yang diamalkan oleh Barisan Nasional UMNO dahulu, bukan oleh Pakatan Harapan. Kita tidak pernah mendendam, tidak pernah mengambil tindakan dan saya minta Yang Berhormat Arau supaya tidak membuat tuduhan yang tidak berasas. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya setuju Yang Berhormat. Saya tahu Yang Berhormat semua baik dan sekarang buat yang terbaik. Kita tidak mahu kata apa lagi. Bagi saya, sebab rakyat sudah bagi mandat, Yang Berhormat yang baik, buat yang terbaik. Akan tetapi, jangan buat perbandingan. Kalau Yang Berhormat buat perbandingan, kena Yang Amat Berhormat Tun. Yang Amat Berhormat Tun, kena ingat, dia menjadi ketua kami selama 22 tahun. Campur tiga tahun Timbalan Perdana Menteri tahun 1978, jadi 25 tahun. Yang Berhormat Port Dickson juga menjadi pemimpin UMNO, Yang Berhormat. Jadi, jangan ungkit sangat perkataan UMNO Barisan Nasional sebab akan melibatkan sebelah sana. Yang tidak masuk UMNO ini cuma DAP. Sebahagian daripada PKR asalnya UMNO, sebahagian besar itu UMNO.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Boleh saya mencelah sedikit?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jadi, banyak daripada UMNO. Jadi, Yang Berhormat, jangan sebut perkataan UMNO Barisan Nasional sangat. Kami sudah kalah, all right. Yang Berhormat, no problem.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Yang Berhormat Arau boleh mencelah sedikit? Boleh celah sedikit?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Kuala Kedah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kuala Kedah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Kedah. Ini doktor saya, silakan.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cakap bukan macam sewa beli ya.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Tidak, tidak. Sedikit sahaja. Mencelah sedikit poin yang disebut politik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Patutnya— tidak apalah.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Tentang pegawai yang ditukarkan berbincang seseorang yang tokoh UMNO, saya rasa itu saya bersedia untuk sebut

benda tadi. Kalau boleh, PM saya. Itu isu kemanusiaan yang seharusnya sama sekali tidak boleh berlaku. Terima kasih.

■1230

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kita khususkan kepada pindaan Akta Sewa Beli.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, ya. Akta ini ialah sewa beli ya. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Masalahnya Yang Berhormat Menteri membentangkan ayam, perbincangan tentang itik.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya. Yang Berhormat, inilah kehebatan ahli wakil-wakil rakyat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya betul.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dia akan membuat contoh-contoh yang panjang...

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Siapa ayam dan siapa itik?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Untuk menerangkan keadaan sebenarnya. Akan tetapi saya hendak jawab Yang Berhormat Jelutong. Kalau sekiranya berlaku ketidakadilan, saya sokong Yang Berhormat, ketidakadilan itu mestilah diperbetulkan. Ketidakadilan tidak boleh. Saya sendiri kalau sekiranya benda itu tidak betul, saya akan tegur tidak betul. Akan tetapi jangan hukum kata ini ialah Barisan Nasional dan UMNO. Puak-puak UMNO, puak-puak Barisan Nasional, kami tidak tahu pun. Jadi, dihukum parti itu tidak bagus sikit ya, Yang Berhormat.

Kalau sekiranya ada benda-benda yang tidak betul di sini, kita perbetulkan. Kita kata, *"Ini kesalahan yang telah dilakukan oleh kerajaan yang lepas"*, tetapi jangan sebut perkataan Barisan Nasional atau UMNO sebab Tun Dr. Mahathir ialah pemimpin UMNO nombor satu dan semua kejayaan yang berlaku di Malaysia sekarang ini dibuat oleh Tun Dr. Mahathir sebagai Presiden UMNO, bukan Presiden PH lagi. Itu Putrajaya itu ialah dibina oleh Tun Dr. Mahathir. Ini kejayaan yang luar biasa bagi seorang pemimpin. Dibina sebagai seorang pemimpin UMNO, pemimpin Barisan Nasional.

Jadi, saya minta kalau boleh kuasa Menteri ini kita sokong. Buat, Yang Berhormat. Kalau boleh lagi banyak kuasa Menteri diberi, kita akan sokong. Kami buat dahulu, yang tentang Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat tentang. Jadi sekarang ini kami akan sokong.

Itu sebab saya menyokong ucapan Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu kerana ucapan yang sama telah dibuat dahulu



dan kami semua ini semasa dia berucap di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu masa itu, lebih kurang benda yang sama, kami semua melompat seronok seorang pejuang dunia yang boleh bercakap. Sekarang dia bercakap benda yang sama. Bukanlah Malaysia baharu. Malaysia baru-baru cakap semulalah. Akan tetapi benda yang sama yang telah dicakapkan dahulu. Saya penyokong, saya *print* ucapan Tun Dr. Mahathir dan saya edar dalam beberapa bahasa. Saya *print* guna duit saya sendiri kerana teruja dengan ucapan Tun Dr. Mahathir. Sudah pasti ucapan yang lebih kurang yang sama yang dibawa baru-baru ini, kita semua menyokong ya, kita semua menyokong.

Jadi Yang Berhormat, kami di sini bukan musuh. Kami ini orang yang bertolak-ansur ya, Tuan Yang di-Pertua yang budiman, yang arif. Jadi kami yang bertolak ansur yang hendak tengok rakyat diberi pembelaan. Buatlah apa sahaja. Kita tidak perlu bermusuh, kita tidak perlu mengungkit, tetapi kita hendak buat sesuatu yang kami akan menyokong dengan sepenuhnya. Jadi, cuba lihat ucapan, itulah daripada pemimpin Barisan Nasional yang hebat terkini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Arau.

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Hulu Langat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Hulu Langat. Silakan.

**12.32 tgh.**

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Baik. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri yang membentangkan usul ataupun pindaan akta rang undang-undang ini. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi, yang sentiasa mengingatkan Ahli-ahli Parlimen, Yang Berhormat supaya kita terfokus kepada apa yang kita bincangkan supaya kita dapat sama-sama menghargai masa kita. Ini kerana saya percaya kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat bercita-cita untuk balik sebelum jam enam petang. Janganlah kita berbahas sampai malam sehingga kita tidak mampu untuk memberikan tumpuan yang sebaiknya.

Saya ingin memberikan sedikit komentar terhadap apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Arau tadi tentang kebimbangan kita sekiranya satu kuasa autonomi yang diberikan penuh kepada Menteri. Ini kerana kalau kita lihat— saya sendiri terlibat dalam menyemak beberapa fail yang ada. Di Kementerian Kewangan sendiri, kita melihat bahawa memang ada suatu yang membimbangkan bagaimana Menteri menggunakan kuasa yang begitu, kadang-kadang sukar untuk dipertikaikan walaupun ia bertentangan dengan beberapa perkara yang dirasakan berbeza.

Akan tetapi, dalam konteks Kerajaan Pakatan Harapan ini, kami sentiasa memberikan peringatan kepada para Menteri yang mana mereka diberikan kuasa yang tertentu untuk membuat keputusan supaya kuasa Menteri itu tidak terbatas kepada batang tubuhnya sahaja. Akan tetapi, sudah tentu kami akan meminta Menteri-menteri yang diberikan kuasa ini menubuhkan komiti jawatankuasanya di peringkat kementerian dan juga mereka yang dirasakan layak untuk bersama-sama dalam komiti itu dalam sama-sama membuat keputusan. Khususnya dalam apa yang kita hendak pinda ini iaitu kita ingin memberikan kuasa kepada Menteri agar Menteri ini dapat berdepan dengan pihak berkuasa, *relevant authority*, yang mengendalikan proses pemeriksaan kenderaan tersebut supaya tidak hanya pegawai sahaja yang berinteraksi dengan mereka tetapi dijelaskan ini kuasa Menteri untuk memutuskan fi yang akan dikenakan kepada pemilik-pemilik kenderaan ketika melakukan proses tukar milik itu.

Perkara kedua yang ingin saya sebutkan. Sudah tentu apabila kita Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Yang Berhormat dibentangkan dengan rang undang-undang ini, saya percaya semalam atau pagi tadi ramai di kalangan kita buat *homework* untuk membaca Akta Sewa Beli ini secara keseluruhannya supaya apabila dimasukkan dengan pindaan ini, kita dapat memahami proses keseluruhannya. Kita semua tahu bahawa apabila berlaku pembelian kereta-kereta terpakai ini, para pengguna yang membeli kereta itu dan para penjual, pemilik asal kereta itu akan melakukan proses tukar milik yang dikendalikan oleh Kementerian Pengangkutan. Akan tetapi dalam hendak menyempurnakan proses tukar milik itu, satu proses pemeriksaan terhadap sewa beli kereta itu sendiri akan dilakukan dan pemeriksaan ini dilakukan oleh Kementerian KPDNHEP ini.

So, dalam proses ini, saya ingin menimbulkan sebagaimana yang disebutkan oleh beberapa orang tadi dan saya tidak akan panjang untuk itu iaitu tentang monopoli yang diberikan kepada syarikat tertentu yang mana bila kita berikan monopoli itu, tidak berlaku persaingan yang sihat. Mereka merasakan merekalah satu-satunya dan tidak ada yang lain yang dilantik dan mereka tentunya akan merasakan dan memberikan tumpuan kepada syarikat mereka sendiri tanpa merasakan ada persaingan dan cabaran-cabaran yang lain.

Oleh sebab itu, saya berpandangan untuk mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya melihat balik monopoli yang kita berikan kepada PUSPAKOM itu supaya ia tidak diberikan kuasa yang sewenangnyanya dan berpanjangan sehingga berlaku apa yang berlaku. Saya sendiri pernah terlibat dalam proses

menukar kereta, enjin kereta dan saya dapati cukup membimbangkan. Walaupun disebutkan 55 cawangan PUSPAKOM yang ada di seluruh negara pihak kementerian akan menghantar pasukan yang akan melaksanakan proses naziran untuk melihatnya dan saya difahamkan sebanyak dua kali setahun akan dilakukan proses naziran itu, tetapi saya juga bimbang ia hanya berlaku ketika dimaklumkan kehadiran mereka yang terlibat melakukan proses naziran ini.

Akan tetapi kalau kita melihat di kaunter-kaunter PUSPAKOM itu, saya cukup bimbang. Ada di kalangan pengguna yang tidak reti isi borang dan mereka tidak mendapat layanan yang baik yang mereka ini memerlukan kepada bantuan dan pertolongan. Keduanya, saya juga bimbang kalau kita pergi ke kaunter-kaunter ini, kita akan dapati terlalu ramai *runners* yang akan memberikan perkhidmatan yang saya tidak pasti adakah mereka ini diberi *authority*. Ya, *runner* sangat membantu kerana dia akan bantu isi borang. Akan tetapi yang saya bimbangkan kebanyakan *runner* ini, mereka akan mengenakan bayaran tambahan yang kadang-kadang agak tinggi. Kemudian, bila *runner* ini terlibat, proses itu tiba-tiba menjadi mudah dan cepat. Saya tidak tahu adakah dia melalui proses yang betul. Potong *queue* orang ramai dan kadang-kadang ada kaunter khas untuk *runner* sedangkan orang lain terpaksa beratur. *Runner* ada kaunter khas.

Inilah perkara yang membimbangkan kita sebagai Ahli-ahli Parlimen supaya apabila perkara ini diluluskan nanti, bila berkaitan dengan fi, bukan hanya sekadar fi itu sahaja tetapi penguatkuasaan yang kita harapkan akan dapat membantu dan ini semua terletak di bawah *tagline* yang sentiasa kita sebutkan iaitu untuk memastikan *rahmatan lil alamin* dan apa juga yang kita sebutkan *maqasid syariah* untuk memastikan orang ramai sentiasa mendapat manfaat, masalah daripada apa yang dilakukan oleh kementerian-kementerian dan juga pada waktu yang sama memastikan supaya orang ramai tidak terdedah dengan sebarang bentuk penipuan, penambahan fi dan juga birokrasi yang akhirnya menyebabkan orang ramai jadi susah.

Sebenarnya saya menyokong apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri, cuma dengan beberapa peringatan yang kita berikan. Sekian, terima kasih.

■1240

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Hulu Langat. *[Disampuk]*

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Yang Berhormat Tanah Merah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat Tanah Merah ya.

**12.40 tgh.**

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengulas sedikitlah fasal Akta Sewa Beli ini. Cuma saya nampak ada sedikit pada hakikatnya pada hari ini, kita nampak ada diskriminasi antara kereta nasional dan kereta bukan nasional.

Ini kerana kalau di pasaran hari ini, kalau pengguna membeli kereta nasional, kadar *fees* yang dikenakan kepada kereta nasional anggarannya macam Proton ataupun Perodua, antara 3.3 hingga 3.5. Akan tetapi pengguna yang membeli bukan kereta nasional seperti Honda ataupun Toyota, *fees* yang dikenakan kepada pelanggan hanya 2.6 hingga 2.8. Jadi, jelas ada perbezaan. Bererti sepatutnya, sebagai bangga dengan kereta nasional, kita menyokong projek kereta nasional dan sepatutnya, kalau pengguna membeli kereta nasional, pihak bank mengenakan caj yang lebih rendah pada kereta nasional. Bukannya kereta yang bukan nasional lebih tinggi seperti Honda dan Toyota ataupun biarlah sama.

Ini contoh satu jenis diskriminasi. Kadar untuk meluluskan juga untuk kereta nasional selalunya mengambil masa yang lebih lama berbanding dengan kereta yang bukan nasional. Begitu juga dari segi kadar antara model, contohnya Perodua. Kadar yang dikenakan kepada orang yang membeli model Alza, yang membeli model Myvi pun juga berbeza kadar *interest rate*. Jadi itu yang saya minta mungkin pihak kementerian boleh memikirkan hal ini supaya *standardize*. Biar satu kadar yang sama, yang tidak berbeza.

Begitu juga satu bank ke satu bank. Saya ambil contoh bank lah ya, kadar yang dikenakan oleh – kalau satu *customer* ini, dia pergi ke bank ini, bank ini mengenakan *interest rate* yang lebih tinggi, kadar, dengan bank yang lain. Saya tahu sekarang ini, apabila *fees* dikenakan, ada sekarang ini kelulusan agak ketat. Dia ada *scoring system*. Dia tidak *straight forward*, dia ...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Tanah Merah, minta laluan mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pendang minta laluan.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Silakan.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Tanah Merah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan – saya difahamkan, setiap permohonan untuk pinjaman kepada

bank, apabila diluluskan, bank telah memberi komisen sebanyak RM600 kepada ejen-ejen ataupun *used car dealer* yang membawa pinjaman ini kepada bank tersebut. Adakah betul atau tidak ini? Kedua, kalau betul, kenapa lagi *used car dealer* meletakkan caj kepada pembeli dengan *processing fees*, '*... money*', *runner*, lagi apa bala lagi lah caj yang banyak dalam *breakdown* yang telah ditulis dalam *form* itu, yang menyebabkan pembeli terpaksa membayar semua, *the other words, pay for nothings, actually*. So, betul atau tidak?

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih. Memang, setahu saya dalam industri kereta, memang pihak bank apabila syarikat penjual kereta membantu pelanggan membuat pinjaman bank, pihak bank ada memberi macam satu komisen kepada pihak syarikat. Ada anggaran itu berbeza-beza, tetapi antaranya ada yang lebih kurang *fees* yang ditetapkan oleh Bank Negara, setahu saya lebih kurang RM600.

Cuma saya hendak cakap tentang *interest rate* inilah. Saya tentang *interest rate* ini, ia perlu diambil kira, sebab ramai orang tidak tahu. Contohnya, saya ambil contoh Maybank. Kalau orang yang membeli Axia, Maybank caj 3.4 peratus. Akan tetapi, kalau RHB membeli Axia, hanya 3.3 peratus. Public Bank, 3.3 peratus. Kereta yang sama, tetapi kita pergi bank yang berbeza, caj berbeza dan pula *interest* yang dikenakan kepada – dan kelulusan juga sangat ketat. Sekarang ini kereta yang saya persoalkan, kenapa pelanggan yang membeli kereta nasional begitu ketat sangat kelulusan dan mengambil masa yang lama.

Kemudian, isu tentang tarik kereta ini lah. Saya tentang tarik kereta ini juga banyak pelanggan ataupun pengguna ataupun *public* tidak tahu, tidak sedar. Kadang-kadang, mereka sudah dua bulan tidak bayar, selepas 21 hari, memang lah pihak bank berhak untuk menarik kereta. Akan tetapi, apabila mereka menggunakan perkhidmatan penarik-penarik kereta, ada kala penarik kereta bila kita sudah tarik, dia tidak hantar ke bank. Dia guna kereta itu, dia *pass* kepada orang tertentu untuk pakai. Akan tetapi yang malangnya, pengguna masih dikenakan – pinjaman dia tetap berjalan. Akan tetapi dia tidak tahu yang kereta dia itu belum diserahkan lagi. Itu saya nampak ada *loophole* di situ. Sebab itu, pihak bank kena pastikan penarik-penarik kereta yang bertauliah. Kadang-kadang penarik kereta dia tahan, kadang-kadang kita tidak tahu, kita terlupa hendak bayar. "*Saya penarik kereta*", kita pun tahu kita tidak bayar, maka kita serahkan kereta. Ini banyak kelemahan di situ.

Juga, bila kereta itu kena lelong. Bila kena lelong, pengguna, apabila kereta kena lelong, dia beranggapan bila sudah lelong, selesailah hutang dia. Tidak. Hutang

dia tetap kena bayar. Maka katakan dia hutang itu, dia satu-satu jenis hutang, kereta yang dilelong kurang daripada harga hutang, ia tetap hendak kena bayar. Jadi kadang-kadang ini ada sindiket lelong ini. Dia jual harga-harga lelong itu bukan ikut harga pasaran, tetapi harga yang lagi orang itu sudah lah berhutang, bila sudah kena lelong dengan harga yang begitu murah, dia kena bayar lagi dan menyebabkan kes-kes yang pihak bank ambil tindakan bankrap dan sebagainya. Ini menambahkan lagi satu masalah. Sudahlah orang itu 'Sudah jatuh ditimpa tangga'.

Jadi, saya dari segi PUSPAKOM inilah – Isu tadi ada beberapa kawan yang bercakap tentang PUSPAKOM. PUSPAKOM ini juga saya setuju. Memang perlu dikenakan satu kadar. Sebab saya tengok, sekarang ini, asalkan tukar nama pinjaman dengan bank, bank caj antara RM50 ataupun RM60. Itu pun berbeza pula. Kalau kereta yang macam sedan, *fees* dia lebih murah. Kalau yang MPV dan sebagainya, Vellfire dan sebagainya, lebih tinggi. Sepatutnya samalah. Jadi tidak sepatutnya ada dua kadar yang berbeza, sebab *inspection* tetap *inspection*.

Isu PUSPAKOM ini pula, setiap kali musim perayaan, masa itulah ada masalah. Ini adalah unsur-unsur kita tidak mahu menuduh, tetapi hakikatnya berlaku isu-isu yang hendak cepat, hendak potong *queue*, yang ini berlaku. Contoh banyak, macam contoh kereta-kereta *used car* bila hendak tukar nama, kereta-kereta yang *used car* saya setuju, polisi ini bagus sebab kita hendak pastikan kereta-kereta ini boleh berada di jalan raya. Akan tetapi, kebanyakan kereta-kereta contohnya tayar dia sudah haus. Akan tetapi oleh sebab dia hendak lulus juga, kalau tidak, tidak lulus, maka adalah berbagai-bagai kaedah yang kata pintu belakang supaya luluskan juga. Isu macam tayar botak, kereta itu asap banyak, sepatutnya tidak diluluskan. Jadi, sebab itu penguatkuasaan perlu diperketat. *[Disampuk]*

Jadi saya mintalah kepada pihak kementerian dari segi PUSPAKOM ini sebenarnya banyak. Kalau saya hendak sebut sini masa banyak – yang macam contohnya hendak dari segi caj *fees* inilah. Macam contohnya, kalau kereta ini kereta yang CBU ini, bila dia masuk sahaja, dia sudah kena bayar RM50. Akan tetapi, bila *customer* hendak buat pinjaman, dia kena buat *inspection* sekali lagi. Sudah kena RM60. Jadi dua kali. Ini saya nampak ada kelemahan-kelemahan dari segi situ. Kenapa perlu sampai dua kali?

Jadi, saya rasa itu sajalah. Saya menyokong akta ini. Cuma saya harap, pertama isu yang saya bangkitkan *interest rate* kereta tempatan harus sama ataupun lebih rendah daripada kereta yang bukan nasional. Ini ramai orang yang tidak tahu. Kedua, *approval* untuk kereta nasional oleh pihak bank selalunya mengambil masa

yang lebih lama. Saya tidak tahu kenapa, tetapi pihak bank sepatutnya berbangga dan menyokong kereta nasional, sepatutnya memudahkan. Setiap bank hari ini berbeza-beza. Macam saya beri contoh tadi, berbeza. Bukan sahaja satu bank itu model sahaja berbeza, lulus bank berbeza-beza tetapi setiap bank itu berbeza. Contohnya kalau macam saya kata, Axia, *rate* dia lain, Myvi lain. Sepatutnya samalah, *customer* tetap yang sama. Kenapa ada beza-beza pula? Jadi, itu saja. Terima kasih, saya menyokong akta ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Saya menjemput Yang Berhormat Kalabakan

**12.50 tgh.**

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menyentuh fasal Akta Sewa Beli, sangat dekat di hati saya. Saya kerja 20 tahun, pengurus sewa beli di bank. Jadi, tadi Yang Berhormat Tanah Merah membangkitkan fasal *interest rate* untuk kereta nasional. Ia memang sudah berlarutan berpuluh-puluh tahun. Dahulu saya pernah tanya sama Bank Negara, alasannya dulu kereta nasional sangat murah. Pulangan kepada bank sangat rendah, jadi *interest rate* dinaikkan sedikit. Akan tetapi sekarang sehingga kini kereta nasional sudah mahal, *interest rate* pun masih mahal. Saya tanya sekali lagi sebelum saya bersara daripada bank, alasannya risiko tinggi. Perniagaan sewa beli kereta di bank ini memang risiko tinggi sebab susut nilai kenderaan. Hari ini beli RM50,000, esok nak jual sudah jadi RM40,000. Itu risikonya yang kami hadapi waktu di bank.

Jadi, di sini saya ingin menyokong pindaan ini. Salah satu alasannya ialah untuk menyeragamkan kepada pihak-pihak bank, pemberi pinjaman sewa beli, institusi kewangan dan syarikat-syarikat kredit supaya semua melaksanakan pemeriksaan sebelum memberi pinjaman. Akan tetapi untuk pengetahuan, selama ini pihak JPJ sudah menetapkan satu pemeriksaan dilakukan sebelum pertukaran nama dilakukan ya. Salah satu daripada ketetapan, laporan PUSPAKOM B5 diberikan bersama borang pertukaran nama, bersama insurans untuk pertukaran nama di JPJ, sudah dilaksanakan sekian lama. Akan tetapi saya ingin bertanya, ada beberapa jenis barang sewa beli antaranya bas, *consumer goods*, kenderaan bermotor, kenderaan orang sakit cacat, motosikal, motokar, teksi dan kereta sewa. Kita mahu tanya sama ada *fees* yang akan dikenakan terhadap jenis-jenis barangan ini adakah berbeza atau ditetapkan dengan satu *fees* yang tetap? Ada dua jenis sewa beli barangan ya. Satu,

*scheduled goods* dan satu lagi *unscheduled goods*. *Scheduled goods* ini ia mengikut Akta Sewa Beli. *Unscheduled goods* ini ia tidak semestinya mengikut Akta Sewa Beli. Jadi, adakah juga akan dilaksanakan ke atas barang-barang tidak dalam jadual?

Satu lagi saya minta kalau boleh untuk keselesaan pembeli kereta *second hand*, terpakai, kalau boleh lah, kita minta satu fi lagi dimasukkan, fi siasatan ke atas kenderaan dengan Jabatan Kastam atau PDRM. Hal ini sebab ada kes-kes terjadi, selepas pengguna membeli kereta *second hand*, kereta disita oleh Jabatan Kastam disebabkan oleh cukai yang tidak dibayar penuh. Tiba-tiba ia ada satu kes *underpaid tax*. Itu satu kelemahan lah. PDRM juga begitu. Kalau boleh, PDRM pun kita minta buat satu siasatanlah, satu fi untuk buat siasatan di PDRM. Saya juga ingin meminta kepada Yang Berhormat Menteri kerana di tempat saya di Tawau hanya ada satu PUSPAKOM yang meliputi beberapa tempat, termasuk Kunak, Semporna, Tawau dan Kalabakan. Kawasan yang terlalu luas, pengguna merungut kerana hanya ada satu pusat pemeriksaan di sana. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri mempertimbangkan permintaan inilah. Jadi, satu lagi saya mohon pemindaan ini, *fees* nya janganlah ditinggikan. Oleh sebab saya hairan, di sini ada RM60 ditetapkan, di tempat saya RM40 sahaja. Kenapa berbeza, saya pun tak tahu. Jadi, itu satu permintaanlah daripada warga di sana. Jangan ditetapkan. Oleh sebab mereka dengar RM60, mereka sudah takut. Di sana masih RM40 lagi. Jadi, saya dengan ini menyokong pindaan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Kita ada lima minit lagi. Mungkin boleh digunakan untuk satu lagi pembahas. Ada? Tidak ada? Jadi, saya ingin menjemput Yang Berhormat Tebrau.

**12.56 tgh.**

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kerana mengizinkan saya berbahas tentang Rang Undang-Undang Sewa Beli (Pindaan) 2018. Perbahasan saya agak pendek dan semoga berfokus. Saya difahamkan bahawa seksyen 4G telah dimasukkan dalam Akta 212, bertujuan untuk memastikan kenderaan bermotor terpakai yang disewa beli di pasaran merupakan kenderaan yang selamat untuk berada di atas jalan raya dan mengekang penjualan kenderaan potong sambung serta kenderaan curi. Saya difahamkan juga pemeriksaan sewa beli adalah pemeriksaan



sebagai tambahan kepada pemeriksaan tukar milik yang berada di bawah seliaan Kementerian Pengangkutan. Kedua-dua pemeriksaan adalah berbeza iaitu pemeriksaan sewa beli melibatkan 22 item, dengan izin. Manakala pemeriksaan tukar milik cuma melibatkan empat item sahaja.

Ini bermakna, pemeriksaan sewa beli lebih luas dan merupakan langkah perlindungan kepada pengguna dan institusi kewangan yang lebih berkesan. KPDNHEP melantik PUSPAKOM untuk menjalankan pemeriksaan ke atas kenderaan bermotor terpakai. Pada masa ini, kadar fi yang dikutip semenjak pelaksanaan pemeriksaan sewa beli adalah berdasarkan persetujuan yang dicapai antara PUSPAKOM dan KPDNHEP. Selama ini, Menteri KPDNHEP tidak mempunyai kuasa untuk mengawal selia kadar fi dan perjanjian antara PUSPAKOM dan KPDNHEP akan tamat pada 17 Disember 2018. Oleh yang demikian, Yang Berhormat Menteri bercadang untuk membuat pindaan ke atas Akta 212 dengan memasukkan satu subseksyen yang baharu iaitu subseksyen 1A, selepas subseksyen 1, di bawah seksyen 4G. Ini adalah dengan tujuan memberi kuasa kepada Menteri KPDNHEP untuk mengawal selia kadar fi mengikut keperluan semasa dan kadar tersebut akan dipastikan munasabah dan tidak membebankan pengguna. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apa jenis kaedah dan pendekatan Yang Berhormat Menteri akan guna untuk menetapkan fi pemeriksaan sewa beli? Apa jenis pengukur atau *yardstick*, dengan izin, akan diguna untuk memastikan kadar fi yang dikenakan tidak membebankan pengguna dan adalah munasabah?

Adakah KPDNHEP akan memberhentikan monopoli PUSPAKOM dengan membuka peluang kepada syarikat swasta lain? Oleh sebab Kementerian Pengangkutan juga memerlukan pemeriksaan tukar milik dan empat item yang perlu pemeriksaan juga diperlukan oleh KPDNHEP. Adakah fi yang dikenakan oleh Kementerian Pengangkutan diberikan *rebate* di bawah fi pemeriksaan sewa beli untuk mengelakkan fi yang sama dikenakan dua kali atas pengguna? Dengan ini, Tebrau akan menyokong Rang Undang-Undang Sewa Beli (Pindaan) 2018.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sekarang sudah pukul satu. Jadi, kita sambung pada pukul 2.30. Masa baki ialah 5 minit 36 saat. Silakan.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Okey, jika jawapan kepada soalan-soalan saya, munasabah dan jelas, Tebrau akan sokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, tak perlu masa baki? Terima kasih. Padat dan ringkas. Jadi, kita bersambung semula pada pukul 2.30 petang.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang]**

■1430

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli Yang Berhormat, Majlis disambung semula dengan perbahasan. Memandangkan ramai yang telah mengambil bahagian dalam debat dan pindaan ini hanya melibatkan satu seksyen sahaja, saya hadkan masa perbahasan kepada lima minit setiap orang. Siapa lagi yang berminat? Yang Berhormat Lembah Pantai. Sila.

**2.33 ptg.**

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya gembira untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang untuk meminda Akta Sewa Beli 1967. Saya ada beberapa *point* sahaja yang ingin dibangkitkan kerana saya percaya sahabat saya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah berucap dan telah membangkitkan banyak *point* yang bernas. Ini lebih berkaitan dengan isu pengiraan *fee*.

Yang Berhormat Johor Bahru ada menyebut tadi tentang sama ada perkiraan *fee* ada terikat dengan izin *level of performance* daripada pihak PUSPAKOM. Saya setuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Johor Bahru tadi. Bagi saya, persoalannya adalah bagaimana *fee* ini, adakah Yang Berhormat Menteri boleh memberikan sedikit penjelasan ataupun penerangan bagaimana *fee* ini akan dikira dan sekiranya wujud faktor-faktor? Apakah faktor-faktor tersebut?

Memandangkan bagi saya ia dari segi prinsip ada beberapa perkara, bila masa kita ingin memudahkan dan memastikan kenderaan-kenderaan dengan izin *second hand* mudah untuk diperolehi dan dibeli dengan selamat, memastikan tahap keselamatannya terjamin dan pada masa yang sama kita juga mempunyai satu perbincangan tentang hala tuju masa depan dasar automotif. Ke mana perginya, apakah hala tuju negara kita? Ini memandangkan kalau kita lihat di kawasan Kuala Lumpur semakin hari semakin bertambah jumlah kenderaan termasuklah juga kenderaan-kenderaan *second hand*.

Bagi saya, semestinya apabila kita lihat kepada pindaan yang ingin dibuat pada hari ini, ia lebih khusus berkenaan dengan *fee* yang akan dikenakan. Akan tetapi dari

segi keseluruhannya, adakah kita boleh melihat satu perubahan dasar pada masa yang saya yang kita bincangkan tentang dengan izin *national car* yang ketiga, kereta kebangsaan yang ketiga. Apakah sebenarnya masa depan dari segi pengangkutan awam?

Jadi saya berasa terpanggil untuk membangkitkan isu ini memandangkan memang kita ingin lebih ramai yang boleh menggunakan ataupun menyewa beli kenderaan mereka sendiri tetapi pada masa yang sama kalau kita lihat di kawasan Kuala Lumpur sendiri mungkin terlalu banyak kereta. Adakah kita mempunyai satu pandangan yang lebih jauh untuk mengurangkan pembelian kereta persendirian dan kita meningkatkan juga penggunaan pengangkutan awam.

Jadi sama ada berkait ataupun tidak, saya ingin tahu pandangan daripada Yang Berhormat Menteri.

Kedua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada dari segi statistik, adakah kita mempunyai apa-apa maklumat statistik dari segi masalah ataupun kemalangan-kemalangan yang melibatkan kenderaan bermotor *second hand* yang mana sekiranya kalau kita lihat dari segi pengiraan *fee*, sekiranya wujud satu kelompangan di situ, maka semestinya kami bersetuju, saya sendiri bersetuju.

Akan tetapi dari segi statistik, adakah ada maklumat terperinci mengenai jumlah kenderaan terutama *second hand* yang terlibat dalam kemalangan terutama kemalangan yang meragut nyawa. Ini kerana bagi saya, sekiranya ada satu peningkatan dari segi masalah ataupun dari segi kemalangan yang melibatkan kehilangan nyawa, yang melibatkan kenderaan bermotor *second hand* seperti ini, maka mungkin kita boleh kirakan salah satu daripada faktor yang akan diambil kira oleh Yang Berhormat Menteri dalam menetapkan *fee* ini adalah memastikan tidak ada ruang-ruang ataupun dengan izin *loopholes* yang boleh digunakan oleh pihak-pihak tertentu untuk meluluskan kenderaan-kenderaan bermotor *second hand* yang sebenarnya tidak *roadworthy*, dengan izin. Saya setakat itu sahaja. Saya menyokong usul ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Padang Serai. Sila.

### **2.38 ptg.**

**Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri. PUSPAKOM adalah satu ejen yang menentukan kenderaan-kenderaan di atas jalan raya dalam keadaan selamat. Tidak dinafikan, setiap

kenderaan seperti lori, bas dan juga kenderaan jual beli perlu mengadakan pemeriksaan lanjut terlebih dahulu.

Namun, beberapa perkara haruslah diambil kira terutama sekali apabila sesebuah kenderaan itu dihantar untuk diperiksa bahawa perlulah adil dan tidak ada memberi masalah-masalah kepada tuan kenderaan. Di samping itu juga, saya ingin menambah sedikit iaitu apabila sesebuah kenderaan itu diperiksa pertama kali, hanya bayaran dibuat sekali sahaja. Jika dia gagal, mereka perlulah beri percuma untuk diteruskan. Bukan setiap kali pergi, tiap kali bayar. Ini memudahkan ataupun kita sudah beri galakan kepada penyelewengan ataupun rasuah di institusi tersebut.

Namun, di samping itu juga saya ingin cadangkan bahawa pemeriksaan dilakukan kalau boleh di waktu cuti umum, cuti hari Ahad ataupun lain-lain hari supaya mudah untuk kenderaan-kenderaan pergi ke tempat tersebut untuk buat pemeriksaan. Oleh sebab jika pergi hari-hari seterusnya, mereka bolehlah gunakan kenderaan tersebut untuk menjalankan tugas-tugas harian dan bolehlah mereka menambah pendapatan. Kalau jika hari kelepasan am dan sebagainya, mereka ada *free* dan juga dengan izin, mereka boleh datang ke tempat itu untuk buat pemeriksaan.

Di samping itu juga saya mencadangkan kenderaan-kenderaan yang sedia ada perlulah memberi masa seperti kalau sekiranya ada sesuatu pemeriksaan ditetapkan, mestilah ditetapkan sebelum *road tax* itu ditamatkan. Bukannya hari ini tamat, hari ini periksa, esok katakan gagal, sudah jadi satu masalah apabila kita balik dan sebagainya. Jadi kemalangan, satu soal yang perlu kita jawab.

#### ■1440

So, oleh itu kenderaan itu perlulah sebelum *road tax* itu tamat, sekurang-kurangnya 10 hari kita bagi untuk diperiksa di PUSPAKOM. Bukannya akhir-akhir sekali, hari ini *road tax* mahu mati, hari ini bagi tarikh. Itu adalah menyusahkan pemandu dan juga pemegang lori.

Di samping itu juga, lori-lori tersebut haruslah jangan *queue up*. Kita tengok di kawasan terutama sekali di kawasan pemeriksaan Seberang Jaya, kalau dia orang pergi pukul 8.00 pagi, sehingga pukul 9.00 malam tidak dapat balik, tunggu sehingga giliran mereka. Saya ingat satu hari atau satu setengah hari dihabiskan di situ saja. So, oleh itu kalau tempat-tempat keadaan begitu kita haruslah mendirikan satu lagi tempat pemeriksaan untuk dibesarkan ataupun memudahkan pemandu-pemandu itu pergi diperiksa dengan cepat dan sebagainya. Sekiranya dalam dua jam boleh periksa dan sebagainya, mereka boleh keluar daripada tempat tersebut dan mereka meneruskan tugas-tugas harian. Itu adalah kita mencadangkan.

Di samping juga harga-harga mestilah berpatutan. Kita tidak mahu sekali bayar sahaja. Walaupun harga mahal sedikit, tapi sekali bayar saja. Itulah sebab orang kata kalau lima kali hendak pergi, lebih baik dia rasuah. Bila rasuah, kita salahkan orang yang bagi rasuah dan orang yang menerima rasuah. Siapa yang menggalakkan? Kita yang bagi dia bayar, bayar, bayar. Lebih baik dia bayar lima kali katakan RM100, lebih baik dia bagi RM100 kepada pihak yang, senang disettlekan. So, oleh itu kita pertama sekali bayar, yang kali kedua semua, tiga, empat itu *free*, tidak ada bayaran. So senang, tidak ada rasuah dan tidak ada dan sebagainya.

Dengan ini saya berharap dan sokong penuh dan kita berharap satu daripada Yang Berhormat Menteri dan juga saya cadangkan pada Yang Berhormat Menteri untuk adakan satu lagi PUSPAKOM di kawasan Kulim-Bandar Baharu sebab memandangkan di kawasan Pulau Pinang memang sesak dan sebagainya. Kita bercadang daripada pihak Yang Berhormat Menteri di kawasan sendiri mengadakan satu PUSPAKOM di selatan negeri Kedah supaya kita elakkan daripada kesesakan-kesesakan seperti berikut. Dengan itu saya menyokong penuh dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Sebelum saya jemput ahli Yang Berhormat yang seterusnya, boleh sesiapa ahli Yang Berhormat yang berminat berdebat, sila berdiri atas tempat. Dua orang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kubang Kerian. Selepas ini Yang Berhormat Tanjung Malim menutup tirai. Sila.

#### **2.43 ptg.**

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. [Membaca sepotong doa]* Pertama sekali saya ingin mengambil bahagian dalam membincangkan tentang pindaan kepada Akta Sewa Beli 1997 untuk melihat kepada beberapa perkara yang sebahagian besar telah pun disentuh oleh Ahli-ahli Parlimen yang lain, Ahli Yang Berhormat yang lain. Cuma apa yang ingin saya sebut ialah soal penggunaan kenderaan *second hand* ataupun merupakan satu isu yang besar yang berlaku dalam negara kita dan pemeriksaan PUSPAKOM antara aspek yang kedua ialah bagi mengawal supaya mengurangkan kadar kemalangan dalam pengangkutan awam dan sebagainya.

Untuk aspek yang pertama saya melihat bahawa kerajaan perlukan pindaan ini bagi menetapkan suatu fi, suatu bayaran yang dikenakan, di tetapkan oleh pihak Menteri. Saya lihat bahawa soal besar di sini ialah Menteri akan mendapat tugas tambahan bagi menetapkan fi bagi setiap kenderaan. Apa yang penting ialah laporan pemeriksaan yang dijalankan ini, sejauh mana ianya berjaya mengurangkan kadar kemalangan yang bukan hanya terletak pada aspek kenderaan tetapi juga aspek pemanduan jalan raya dan sebagainya. Kita berdepan dengan isu sebagaimana dibangkitkan oleh ramai Ahli Yang Berhormat, pemeriksaan PUSPAKOM yang dianggap satu bebanan kepada tuan punya kenderaan kerana faktor-faktor tadi, faktor lama menunggu, bayaran yang berulang kali dan ada elemen-elemen yang terdedah kepada unsur-unsur rasuah.

Saya bersetuju bahawa perlu diperbanyakkan pusat-pusat pemeriksaan ini bagi mengurangkan masalah yang berlaku di kalangan para pengguna. Di samping itu kita juga perlu melihat tentang sejauh mana kenderaan pengangkutan awam dan perdagangan ini sebab kalau kita tengok di jalan, walaupun mereka melakukan pemeriksaan, tapi banyak kes-kes yang kita tengok, kita mengekori kenderaan-kenderaan pengangkutan awam terutama lori-lori balak sebagai contoh, dengan asap yang hitamnya, yang dari segi logiknya tidak mungkin kalau dia melakukan pemeriksaan yang betul, berlaku demikian. Mungkin ada beberapa elemen perlu diperbaiki supaya benar-benar mencerminkan kenderaan ini selamat di jalan raya dan tidak mengancam pengguna-pengguna yang lain.

Kedua, isu yang berlaku tentang kenderaan *second hand* ini, mutakhir ini kita dengar banyak kenderaan daripada *Singapore* yang dibawa masuk ke Malaysia secara gelap dan wujudnya kenderaan klon. *Singapore* menetapkan sebuah kenderaan hanya dalam tempoh 10 tahun dan sebahagian daripada kenderaan itu sebenarnya sangat masih baik dalam perjalanan di *Singapore* yang sangat terhad. Saya cadangkan supaya pihak kerajaan daripada berdepan dengan isu kenderaan klon ini, untuk menimbangkan suatu permohonan supaya kereta daripada *Singapore* juga dibenarkan masuk secara rasmi ke negara kita sebagai kereta *second hand* dan kerajaan menetapkan suatu kadar tertentu yang munasabah supaya ia tidak membebankan kepada pengguna dan ini saya fikir perkara ini boleh dipertimbangkan supaya mengurangkan isu kenderaan klon.

Kenderaan klon berlaku bila kereta masuk dengan harga murah dan menyebabkan pengguna mengambil kesempatan di atas harga tersebut. Kalau sekiranya pihak kerajaan memberikan ruang ataupun mengiktiraf secara rasmi

kenderaan-kenderaan sebagaimana negara-negara luar yang lain, saya fikir ia berjaya, kita akan mengurangkan masalah kenderaan klon yang masuk ke Malaysia.

Di samping itu soal proses yuran yang dikenakan yang ditimbulkan oleh ramai Ahli Yang Berhormat. Saya fikir kita perlu melihat kembali tentang banyak mana kenderaan-kenderaan yang dibeli oleh pengguna kenderaan *second hand* ini terlalu besar. Itu menggambarkan tentang keadaan realiti kesusahan rakyat berdepan dengan masalah kewangan yang sedang dihadapi sekarang. Tetapi dalam, apa yang mendukacitakan kita, kenderaan yang ditarik balik ataupun ditarik, ditimbulkan oleh sebahagian daripada Ahli Parlimen tadi ialah tidak mengikut peraturan yang ada.

Kadang-kadang kita ditahan dalam keadaan yang mereka dipaksa sama ada benar atau tidak maklumat dan kita dapati ramai yang jadi mangsa kepada penarik-penarik kereta yang tidak berlesen. Jadi saya fikir, saya mencadangkan supaya selain daripada kita membuat pindaan kepada akta yang ada, beberapa elemen itu perlu dilihat. Mudah-mudahan kita dapat berjaya mengangkat suatu akta yang lengkap, sempurna bagi menjamin kebaikan kepada rakyat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tanjong Malim. Sila.

#### **2.48 ptg.**

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan ini untuk membahaskan Rang Undang-undang (Pindaan) Akta Sewa Beli 1967 yang dikemukakan oleh KPDNHEP. Tuan Yang di-Pertua, pindaan seksyen 4G yang memberi kuasa kepada Menteri untuk menetapkan fi yang dikenakan oleh pihak berkuasa relevan yang ditentukan oleh pengawal yang masuk bagi maksud pengisytiharan kenderaan motor terpakai di bawah seksyen ini, saya sokong. Akan tetapi sokongan saya ini bersyarat. Syaratnya adalah apabila Menteri diberi kuasa untuk menetapkan fi ini, saya harap, saya menyeru kepada pihak Yang Berhormat Menteri supaya kurangkan beban pengguna. Itu adalah teras dan itu adalah sebab saya hendak memberikan sokongan kepada rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita maklum, pembeli kenderaan terpakai adalah orang-orang yang dari golongan yang tidak begitu berada, yang mungkin kurang kemampuan untuk membeli kereta baru. Itu sebabnya mereka terpaksa membeli kenderaan terpakai. Itu sebabnya kita harus mengambil kira pengguna-pengguna ini yang tidak datang daripada golongan yang berada. So, apabila Menteri

diberi kuasa, saya harap supaya Menteri dapat mengurangkan fi dari fi yang ditetapkan sekarang.

■1450

Selain daripada itu, bukan sahaja fi harus dikurangkan tetapi saya juga ingin menyeru kepada pihak kementerian supaya fi untuk kenderaan yang datang kembali ke PUSPAKOM untuk kali kedua, ketiga dan keempat itu— mungkin saya tidak ambil pendirian Yang Berhormat Padang Serai yang kata selepas kali pertama kita *free* terus, tetapi saya lebih cenderung kepada kita kurangkan secara beransur-ansur. Katakan kali pertama RM60, kali kedua RM30, yang seterusnya keempat ke kelima kesemua RM10, RM10.

Jangan kita rasa, oh! sebab harga ini murah, lepas itu orang akan salah gunakan. Saya rasa tidak ada orang hendak datang dua tiga kali, empat kali sebab fi itu sangat murah. Siapa yang datang itu, dia kali pertama sudah gagal, dia sudah— orang kata *double whammy*, dengan izin. Sudahlah gagal, dia kena balik, dia kena *repair*, dia kena bayar lepas itu datang balik. So, saya rasa tidak ada orang akan hendak datang balik banyak kali sebab fi yang murah. Itu yang pertama.

Kedua, saya rasa rakan-rakan Yang Berhormat juga banyak yang sentuh tentang monopoli PUSPAKOM. Saya juga nak sentuh tentang ini. Apa yang diberikan kepada PUSPAKOM ini tidak memerlukan kepakaran yang luar biasa. Banyak bengkel, *workshop*, dengan izin, boleh buat. Kita tidak perlu hanya berikan monopoli itu kepada PUSPAKOM. Oleh sebab kita memberikan kuasa monopoli itu kepada PUSPAKOM, kita dapat banyak aduan termasuk mutu perkhidmatan yang rendah, termasuk kecekapan pengurusan pada tahap yang sangat tidak memuaskan. Saya dapat aduan daripada pengguna bahawa ramai staf PUSPAKOM mengambil sikap sambil lewa. Orang datang sudah *queue* panjang, pergi minum dan lain-lain. Ada banyak aduan macam itu. Ini tidak padan dengan kutipan hasil yang mencecah kira-kira RM10 juta sebulan.

Oleh itu, demi manfaat rakyat supaya dapat menikmati mutu perkhidmatan yang tinggi dengan bayaran yang munasabah, saya menyeru kepada kementerian supaya kita buka kepada lebih banyak operator supaya perniagaan ini tidak dikuasai oleh PUSPAKOM sahaja. Mungkin kita tidak dapat buka kepada semua orang, semua operator tetapi mungkin kita boleh beri kepada lebih daripada satu operator— mungkin lima, mungkin sepuluh— supaya mereka ada persaingan antara satu sama lain. Saya rasa itu sahaja, saya menyokong. Terima kasih.



**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Malim. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa perbahasan untuk pindaan rang undang-undang ini telah tamat. Sebanyak 14 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Masa 30 minit, sila.

**2.53 ptg.**

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat. Saya bangun untuk menggulung satu perbahasan yang diberikan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan Rang Undang-undang Akta Sewa Beli.

Saya harus mulakan dengan merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada 14 Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian tidak termasuk celahan yang menyentuh pelbagai perkara tetapi berkisar di bawah satu paksi yang sama iaitu mahukan semangat di sebalik pindaan undang-undang ini haruslah meletakkan kepentingan pengguna yakni rakyat pada kedudukan nombor *wahid*.

Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya dari Bera memulakan hujah dengan membangkitkan sekurang-kurangnya dua perkara. Pertama tentang biaya. Akta Sewa Beli 1967 ini antara pinjaman berasaskan kepada sistem konvensional dan pinjaman berasaskan kepada *shariah compliances*. Saya akui bahawa Akta Sewa Beli 1967 yang terpakai sekarang kekal menjadi panduan sama ada pinjaman dibuat berasaskan kepada *conventional system* ataupun kepada *shariah compliances*. Akta ini menjadi panduan kepada kedua-dua kaedah pinjaman. Namun, saya menyambut baik syor daripada sahabat saya ini kalau nanti ada keperluan untuk mewujudkan satu akta sewa beli khas yang sepenuhnya untuk mengawal selia pinjaman yang berasaskan kepada *shariah compliances* sebagai suatu akta tersendiri.

Buat masa sekarang, saya suka memaklumkan bahawa Akta Sewa Beli 1967 kekal menjadi bukan sahaja menjalankan Akta Sewa Beli berasaskan kepada amalan konvensional, namun kesedaran terutama di kalangan orang Islam untuk memenuhi pinjaman berasaskan kepada *shariah compliances* ini, akta ini sekadar menjadi panduan. Kewujudan satu akta tersendiri belum lagi tetapi saya menyambut baik syor yang diangkat oleh sahabat saya dari Bera.

Perkara kedua yang dibangkitkan oleh sahabat saya dari Bera ialah berkaitan dengan perkara tentang ejen tarik kereta. Sama ada dia melakukan juga tindakan selepas waktu pejabat dan sebagainya. Benar, Tuan Yang di-Pertua, di bawah bidang kuasa kementerian ini ialah mengeluarkan lesen atau permit kepada ejen pemilikan semula. Gelaran itu lunak bunyinya— kerja dia tarik keretalah— tetapi istilah yang digunakan ialah ejen pemilikan semula. Kementerian ini ketika mengeluarkan permit kepada ejen-ejen ini, pertama, mereka kena dengar taklimat, mereka kena lalui kursus. Kementerian juga secara berterusan mengadakan perbincangan dengan institusi kewangan tentang tanggungjawab dan peranan mereka. Maknanya bukan dengan sebab hendak tarik kereta kerana peminjam tidak bayar, maka dia boleh sahaja pasang siapa-siapa. Tidak boleh. Kalau dia hendak dapatkan perkhidmatan ejen EPS ini, ada tatacaranya.

Jadi, sesi dialog berterusan di antara pemegang permit yang dipanggil EPS ini melalui persatuan-persatuan mereka dengan institusi kewangan diteruskan. Kalau nanti walaupun setelah kita mengambil semua langkah perlindungan ini supaya tak berlaku tindakan yang bercanggah dengan norma-norma masyarakat, namun masih ada juga umpamanya aduan— memang ada aduan yang dikenakan. Maka, kementerian ini turut menerima sejumlah aduan.

Saya boleh berkongsi di sini di antara Januari hingga Julai 2018, sebanyak 58 aduan telah dibuat oleh rakyat terutama yang membabitkan kenderaan mereka ditarik. Apabila kita semak aduan-aduan itu, ia berkaitan dengan pemilikan atau tarik itu dilakukan dengan kasar, EPS itu tidak tunjukkan permit bahawa dia itu ada lesen untuk tarik kereta, dia tidak bagi masa kepada penyewa itu untuk mengambil barangan peribadi dalam kereta yang ditarik ataupun dia tidak mengeluarkan senarai inventori tentang keadaan barang semasa proses tarik balik itu.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, pencelahan.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** Sila.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kebenaran diberi oleh Yang Berhormat Menteri untuk mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Dengan penuh semangat.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, saya meneliti jawapan Yang Berhormat Menteri dengan menggaris panduan

beberapa perkara yang membolehkan penarik kereta ini melakukan tugas mereka. Namun apa yang berlaku pada hari ini ialah di luar apa yang Yang Berhormat Menteri laporkan tadi.

Pertama sekali, dilihat daripada segi perlakuan penarik kereta ini yang terlalu biadab hinggak dalam rumah pun mereka sanggup masuk tanpa meminta kebenaran daripada sekuriti dan sebagainya dan melakukan tarikan dengan cara mengugut tanpa ada pemiliknyanya ataupun keluarga mereka berada dalam rumah. Apa yang jelas ialah mereka menggunakan kuasa keganasan dan ekstremnya yang berlaku juga di jalan-jalan raya. Bila mana berlaku—sebab ia berlaku kepada saya. Walaupun saya Ahli Parlimen tetapi ada kereta yang tidak bayar sebab maklumlah Ahli Parlimen gaji bukan mahal sangat. Jadi apa yang berlaku ialah dia *block*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sekarang sudah bayar kah belum? Sekarang sudah bayar belum?

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Berlaku.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sudah?

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Sudah bayar sebab dia sudah ganas sangat. Kita ini penakut, jadi kita bayarlah. [*Dewan ketawa*]

#### ■1500

Jadi apa yang berlaku ialah kita kadang terlupa. Berlakunya itu. Di jalan raya besar pun mereka *block*. Saya pernah mengalaminya begitu dan saya akui bahawa sesuatu kuasa penguatkuasaan yang boleh menyekat kesamsengan mereka ini supaya tidak menakut-takutkan rakyat kerana rakyat ini, Tuan Yang di-Pertua, dia ada pelbagai kategori, Yang Berhormat Menteri. Ada kategorinya semasa dia hendak pinjam dia layak kerana dia bekerja dan sebagainya. Dalam keadaan bila dia tidak bekerja, dibuang kerja ataupun direntikerja sentara atau *retrenchment*, pendapatan mereka sudah tentu mengecut. Bila mengecut, dia tak mampu hendak bayar mengikut bulanan dijanjikan dalam *agreement* itu. Jadi dia tertangguhlah. Bila tertangguh, janganlah dia disemakkan otaknya sehingga ditindas mentalnya sebegitu rupa.

Jadi saya melihat bahawa satu undang-undang yang boleh memberi juga penguatkuasaan dan memastikan walaupun mereka mendapat lesen tarik kereta ini tetapi pastikan mereka juga ada adab dan ada peribahasa atau peri— tak ada sikit hati perut untuk mereka ini juga menilai orang yang hendak ditarik itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Apa pandangan Menteri dengan keadaan senario yang berlaku sebegini banyak? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat ini mencelah atau berbahas? Dahsyat. Sila. Yang Berhormat Menteri benarkan Yang Berhormat Bera.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya dari segi akta, itu sudah *complete* seperti saya katakan. Cuma, kelemahan dari segi penguatkuasaan. *In fact*, dulu yang kata samseng itu, siapa yang hendak menjadi *repossesses* itu kena mendapat kelulusan daripada pihak polis dulu, nama disaring dan sebagainya. Akan tetapi jikalau tidak ada penguatkuasaan, apa pun undang-undang yang kita perkenalkan, ianya tidak akan berlaku seperti yang kita kehendaki.

Saya ucap terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat kerana ingin mengkaji sewa beli syariah *compliance* ataupun islamik punya peminjam sewa beli islamik ini. Akan tetapi perlu disegerakan, Yang Berhormat, sebab hari ini kerana tidak adanya undang-undang yang boleh menjamin hak mereka kerana tidak ada lagi undang-undang sewa beli Islam ini, undang-undang yang ada pada hari ini walaupun kita bahas macam mana pun masih tidak boleh melindungi penyewa beli secara islamik ini. Jadi sebab itu perlu disegerakan.

Satu lagi, Yang Berhormat, saya ambil kesempatan ini, ada lagi sewa beli yang tidak termasuk di bawah akta ini, sebagai contoh syarikat-syarikat kredit. Syarikat yang menjual kereta terpakai ini dia ada *credit company*, syarikat kredit sendiri yang dia membuat dari segi pinjaman ini syarat *terms* dan sebagainya adalah dari syarikatnya sendiri. Mungkin, saya percaya, tidak termasuk di bawah Akta Sewa Beli ini. Jadi saya harap apa-apa kelompangan yang berlaku, sila saya harap Yang Berhormat dapat lihat secara terperinci dan kalau perlu pindaan, kita buat pindaan, kalau tidak, adakan akta ataupun undang-undang yang baharu.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya daripada Kapar dan Bera. Saya berpegang kepada prinsip bahawa satu undang-undang ini ianya bersifat dinamik. Dia bukannya suatu yang statik. Sebab itulah fungsi Dewan adalah untuk dari semasa ke semasa melakukan pindaan.

Di luar sana kesedaran tentang perlunya melakukan proses amalan sewa beli berasaskan kepada syariah ini sangat menebal. Jadi apakah kita mampu

menguruskan mengikut akta sedia ada? Tentu sekali tidak. Apakah ianya perlukan satu semakan dan jika perlu mengadakan suatu akta dan pindaan segera, saya bersetuju. Cuma, pindaan pada hari ini adalah menjurus kepada tentang menetapkan fi mengenai pemeriksaan oleh PUSPAKOM ke atas kenderaan sewa terpakai.

Namun, ketika berbahas di peringkat dasar ini, tajuk-tajuk yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat saya mengambil maklum dan membuat catatan dengan tekun untuk balik dan berbincang dengan pegawai-pegawai kementerian untuk menyegerakan di sana. Rakan saya daripada Kapar tadi ketika mencelah, saya suka menyebut bahawa apabila Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengeluarkan lesen EPS tadi— EPS ini istilah untuk ejen tarik kereta yang berlesen. Ini supaya, pertama, memudahkan kita memantau jikalau ada insiden tarik kereta yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Kapar dan juga rakan-rakan yang membahas yang lain.

Suka saya maklumkan bahawa kalau di sana insiden yang berlaku itu lebih kepada, mirip kepada amalan gengsterisme di mana individu yang terlibat bukan di kalangan pemegang lesen ataupun permit ejen pemilikan semula (EPS), aduan boleh dibuat oleh pihak yang terlibat. Jadi kalau EPS ini, dia pertama sekali dia kena tunjuk permit dia. Kedua, dia kena tunjuk kad pengenalan. Ketiga, dia kena tunjuk perintah untuk pemilikan semula. Dia kena tunjuk semua itu. Kalau dia yang dapat permit, dia tak boleh wakil kepada orang lain tolong tarik bagi pihak dia.

Kemudian waktu operasi, seperti Yang Berhormat Bera sebut, buat masa sekarang kekal panduan itu di antara sembilan pagi sehingga sembilan malam. Dia tak boleh tarik kereta subuh-subuh, tak boleh. Dia tak boleh tarik pada pukul 9.30. Jikalau itu berlaku juga, maka menjadi kewajipan pihak yang terlibat itu membuat aduan kepada kementerian. Apakah selama ini ada aduan dibuat? Ada dan tadi saya bacakan statistik termasuklah jenis-jenis aduan membabitkan apa. Akan tetapi jikalau berlaku soal kekasaran yang mirip kepada amalan gengsterisme, yang itu pihak yang terbabit harus segera melaporkan kepada pihak berkuasa keselamatan. Baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada rakan saya daripada Johor Bahru yang bertanya apakah di dalam Akta Sewa Beli 1967 sekarang yang membabitkan servis daripada PUSPAKOM, kalau berlaku perkhidmatan yang ditawarkan atau dilakukan itu tidak sempurna, apakah ada ruang di mana PUSPAKOM boleh dikenakan penalti atau rebat kembali.

Saya akui bahawa di dalam perjanjian di antara PUSPAKOM dengan kementerian, elemen penalti dan rebat itu belum lagi wujud. Namun yang saya hendak

sebut adalah kerana perjanjian di antara PUSPAKOM dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah pun tamat— sekarang tempoh interim sampai Disember. Sekarang adalah dalam tempoh di mana kementerian sedang menguruskan perolehan ini. Ertinya dia terbuka, bukan sahaja PUSPAKOM. Kalau di luar sana ada syarikat lain yang ada kepakaran untuk menawarkan perkhidmatan yang sama, mereka boleh sahaja menyertai proses perolehan ini. Kalau nanti kementerian memasuki fasa perundingan dengan pihak yang menawarkan perkhidmatan ini— PUSPAKOM ataupun lain-lain pihak— sudah tentu idea Yang Berhormat Johor Bahru tadi untuk memasukkan perkara dari hal boleh kita kenakan penalti kalau perkhidmatan yang dibuat kemudian tak mencapai KPI dia yang selayaknya pengguna dapat, kita boleh memikirkan untuk memasukkan soal penalti ataupun rebat.

Hari ini satu-satunya panduan yang kita gunakan di antara kita kerajaan dengan PUSPAKOM adalah PUSPAKOM ada beberapa KPI yang dia mesti penuhi. Ini disebut sebagai *Key Performance Indicators for Puspakom*. Panduan ini. Setelah saya teliti, tidak ada perkara yang dari hal penalti dan juga rebat. Ini memberi idea baharu kepada kementerian kelak nanti bila kita memasuki fasa perundingan baharu kerana tempoh sekarang telah tamat, kita boleh memasukkan.

Ramai Ahli Yang Berhormat membangkitkan soal monopoli. Saya hendak sebutkan bahawa kerajaan telah pun menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk mengkaji semula amalan perniagaan dan perkhidmatan yang bersifat monopoli, bukan sahaja PUSPAKOM tetapi termasuk perniagaan dan perkhidmatan yang lain-lain.

Untuk PUSPAKOM, pusingan pertama Jawatankuasa Kabinet ini bersidang telah pun kita berbincang berkenaan dengan perkhidmatan PUSPAKOM ini. Buat masa sekarang, kita faham bahawa PUSPAKOM ini adalah merupakan anak syarikat milik penuh DRB-Hicom dan dahulunya tugas PUSPAKOM ini dilakukan oleh JPJ khususnya pegawai pemeriksa kenderaan motor.

Kemudian apabila hak eksklusif diberikan kepada PUSPAKOM, mereka menjalankan perkhidmatan itu sehingga sekarang dan jenis-jenis pemeriksaan kenderaan motor ini semuanya di bawah bumbung mereka termasuklah pemeriksaan berkala, pemeriksaan tukar milik, pemeriksaan awalan, pemeriksaan sukarela, pengesahan pelan kenderaan dan sebagainya.

#### ■1510

Namun, satu komponen yang berkaitan dengan kementerian ini ialah pemeriksaan yang mesti dilakukan kalau ia membabitkan kenderaan motor terpakai

dan ia melibatkan 22 jenis pemeriksaan. Ia berbeza dengan tukar milik, rakan saya daripada Yang Berhormat Kalabakan. Kalau tukar milik, ia cuma melibatkan empat dan bayarannya tidak sampai RM60. Akan tetapi kalau pemeriksaan yang tujuannya untuk sewa beli, ia buat masa sekarang, ketika Menteri belum ada kuasa, fi itu adalah di antara pengawal bagi pihak kementerian dengan PUSPAKOM. Sekarang amalannya adalah RM60.

Dibangkit oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, apakah ia berbaloi? Apa yang disemak itu, ada 22 perkara. Semakan berkenaan dengan sebelum mereka itu melayakkan atau diberi kelulusan. 22 item itu, kalau boleh Yang Berhormat, saya bacakan, termasuklah ia kena ada pengesahan identiti, nombor casis, nombor enjin, nombor pendaftaran, cermin *tinted* atau tidak yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Beruas, keadaan badan kenderaan itu, *wheelhouse* nya, *pillar* nya, potong sambung nya, jenis bahan bakar, lantai, kerangka casis, tayar, *engine mounting*, penyaman udara, *odometer*, penyenyap dan paip ekzos, kotak gear, pelepasan asap, gelincir sisi, sistem *suspension*, sistem *break* kenderaan. 22 item, cajnya RM60. Daripada RM60 itu, dapat kepada kerajaan adalah 12.5 peratus. Lain itu dapat pada PUSPAKOM. Angka ini adalah antara pengawal kementerian sekarang belum pindaan ini diluluskan dengan PUSPAKOM.

Tadi dicadangkan oleh rakan saya daripada Yang Berhormat Bagan Serai. 12.5 peratus ini kecil. Sepatutnya ini sumber pendapatan kerajaan, dia suruh tambah. Saya akan teliti cadangan itu supaya nanti kalau kita masuki fasa perundingan dengan *service provider* - sekarang kita dalam proses itu, kita boleh membincangkan tentang kadar yang patut kerajaan ambil. Saya juga ...

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Menteri, boleh sedikit? Yang Berhormat Bagan Serai.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** Ya, sila.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana Menteri memberikan perhatian kepada perkara yang saya sebutkan tadi. Sebab saya melihat kepada *relevant authority* ini hanya satu iaitu PUSPAKOM selama ini. Perkara ini memberikan keuntungan kepada PUSPAKOM, juga memberikan keuntungan kepada negara, juga mesti memberikan keringanan, jangan bebankan rakyat. Jadi dalam aspek yang saya katakan naikkan ke 12.5 *percents* contohnya tadi, ialah seperti 'Menarik rambut dari tepung, rambut jangan putus, tepung jangan berselerak'. Jadi kita jaga rakyat, kita jaga dia juga dan di samping itu kerajaan juga dapat imbuhan itu. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** Terima kasih sahabat saya dari Yang Berhormat Bagan Serai. Saya juga ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua tentang keprihatinan rakan-rakan bahawa kemungkinan wujudnya amalan rasuah dalam proses mendapatkan perkhidmatan PUSPAKOM ini.

Pertama, penggunaan *runner*. Itu pilihan pada pengguna. PUSPAKOM dia ada sistem membolehkan kita buat tempahan secara *online*. Jadi kita pelan awal, kita boleh masuk jadual secara *online*. Ada atau tidak PUSPAKOM bergerak? Ada. Sekarang pun sudah ada. Akan tetapi dia tidak boleh buat pemeriksaan sampai 22 item. Sebahagiannya kena pergi ke bengkel. Akan tetapi apa yang penting dalam pemeriksaan kalau PUSPAKOM bergerak ini, ia adalah mengenai *identification*, pengenalpastian nombor enjin dan nombor casis. Itu penting untuk membolehkan kita tahu ini kenderaan curi, kenderaan potong dan sebagainya. Jadi, perkhidmatan sudah pun ada.

Saya juga ingin menarik perhatian terhadap beberapa perkara ...

**Tuan Haji Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Yang Berhormat Menteri, mohon mencelah. Yang Berhormat Johor Bahru.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** Ya, sila.

**Tuan Haji Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Terima kasih kepada jawapan Menteri, sangat memuaskan. Maksudnya, dalam soal macam mana ada ruang untuk kerajaan berunding dengan syarikat PUSPAKOM selepas ini. Cuma berkaitan dengan perkhidmatan *runner*. Walaupun rakyat ataupun pengguna mempunyai pilihan iaitu dengan membuat temu janji melalui *online* ataupun menyusun ataupun memilih *runner* untuk ke sana, kadang-kadang sebenarnya sebagai pengguna, mereka sebenarnya tiada pilihan. Contohnya, apabila mereka ke kedai *used car*, mereka ini telah mengenakan caj untuk pemeriksaan tersebut yang mana caj tersebut kadang-kadang melampau tinggi, yang mana tidak masuk akal.

Pandangan saya, kalau di peringkat kementerian, kita tahu bahawa pengguna menggunakan khidmat *runner* ini sebab itu pilihan yang mereka ada. Kalau di peringkat kementerian boleh selia ataupun memantau supaya ia merupakan suatu industri yang baru yang mana ada terdapat perkhidmatan servis untuk membantu pemeriksaan ini, mungkin perlu ada juga penyeliaan supaya caj yang dikenakan oleh orang tengah ini tidak melampau-lampau. Terima kasih Menteri.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** Terima kasih sahabat saya daripada Yang Berhormat Johor Bahru. Saya menyambut baik syor itu agar kementerian ikut memantau. Sebab penggunaan *runner*, kalau kita tengok dalam



sejarah *delivery system* dalam negara kita, dulu macam Jabatan Imigresen, JPJ sendiri, dulu ataupun kerap perkhidmatan *runner* digunakan. Sebab ia berkaitan dengan kecekapan sistem penyampaian. Akan tetapi hari ini kalau kita tengok, istilah *runner* itu tidak ada lagi dalam Jabatan Imigresen. *Passport* itu boleh siap dalam masa satu jam, dua jam. Kenapa isu *runner* masih timbul dalam perkhidmatan PUSPAKOM? Aspeknya ialah sistem penyampaiannya. Saya akui ada kelemahan dan itu kita tidak boleh nafikan.

Oleh kerana itu, fungsi kementerian untuk mengawal selia, akan saya teliti kerana kalau di sana misalnya, sebahagian besar Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan kita yang berbahas tadi, turut membayangkan kemungkinan berlakunya amalan rasuah di dalam mendapatkan perkhidmatan ini. Saya hendak sebut bahawa, di dalam perjanjian di antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dengan PUSPAKOM, kalau ada laporan dibuat berkenaan rasuah, kemudian dibawa ke mahkamah, disabitkan kesalahan, mengikut peruntukan dalam perjanjian, kementerian boleh menamatkan perjanjian dengan PUSPAKOM. Kalau ada rasuah berlaku, kemudian pihak pengguna membuat laporan, disiasat oleh pihak berkuasa, dituduh di mahkamah, disabitkan hukuman, diberi peluang bela diri, masih lagi PUSPAKOM kalah. Kalau sudah sampai ke situ, perjanjian di antara kementerian dengan PUSPAKOM sebenarnya membenarkan perjanjian itu ditamatkan.

Jadi, saya suka mengambil perhatian Ahli Yang Berhormat supaya kalau terdapat atau berlaku amalan ini dalam pengetahuan kita, saya syorkan supaya ia diberikan perhatian kerana rasuhalah yang menjadi penyakit yang merencatkan banyak perkara yang berkaitan dengan kepentingan rakyat di negara kita.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih. Saya tertarik dengan apa yang telah dijawab oleh pihak Menteri. Jadi setakat ini daripada pemantauan pihak kementerian, adakah kes-kes yang telah dilaporkan dan telah disabitkan kesalahan berkaitan dengan isu rasuah dengan PUSPAKOM ini?

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** Terima kasih rakan saya daripada Yang Berhormat Rantau Panjang, kakak saya. Saya sebutkan bahawa dalam setakat penggulungan yang sedang saya buat, perkara itu tidak ada dalam pemakluman kita.

Oleh sebab itu saya anjurkan kalau berlaku begitu. PUSPAKOM ini yang sedang kita bahaskan adalah perkara yang membabitkan perjanjian PUSPAKOM dengan kementerian, dalam soal pemeriksaan kenderaan bermotor terpakai. PUSPAKOM juga ada perjanjian dengan Kementerian Pengangkutan.

Jadi perkara yang kita hendak ubah atau hendak pinda ini berkaitan dengan kuasa Menteri. Tadi dibayangkan ada kebimbangan bahawa kalau kuasa itu diberi kepada Menteri – ini disebutkan oleh Yang Berhormat Arau tadi, kemudian disinggung juga oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang lain, kalau-kalau – Sila, Yang Berhormat Arau baru masuk [*Yang Berhormat Arau masuk ke dalam Dewan*] – kalau-kalau kuasa kepada Menteri itu dilaksanakan secara tidak bertanggungjawab.

■1520

Kuasa ini Tuan Yang di-Pertua, adalah dari hal penetapan *fee* atau kenaaan caj ke atas perkhidmatan. Sekarang ini ada tidak *fee* dikenakan? Ada tapi ia nya tidak berkaitan bidang kuasa Menteri. Oleh sebab kalau kita semak dalam pindaan ini Tuan Yang di-Pertua, dalam naskhah asal pindaan, disebut dengan jelas fasal sekarang sebelum pindaan, kita rujuk pada sub seksyen 4G, *Declaration on second-hand motor vehicle - 4G.(1) Where goods to be comprised in a hire-purchase agreement is a second-hand motor vehicle, the person who intends to enter into the hire-purchase agreement in respect of such second-hand motor vehicle shall declare in writing any defects of the second-hand motor vehicle in accordance with the inspection report by the relevant authority determined by the Controller.*

*Relevant authority* – PUSPAKOM, ini yang dulu, yang sekarang kita nak masukkan adalah *the inspection report, refer to in sub section 1, shall be subject to the payment of the prescribed fee*, ia sebut secara *affirmative*. *Shall be subject to the payment of the prescribed fee*. Sebelum itu tidak ada. Jadi, dengan adanya ini, kalau nanti kita memasuki fasal perundingan dalam sistem perolehan sekarang dengan *service provider* yang lain, saya sebut PUSPAKOM pun boleh masuk, lain-lain *service provider* yang ada kepakaran seperti mana PUSPAKOM tawarkan boleh memasuki fasal perundingan apabila kita keluarkan notis nanti. Waktu itu kalau Dewan meluluskan, maka pihak kementerian akan memasuki fasal perundingan itu dengan lebih sedikit *bargaining power*.

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Mohon mencelah, mohon mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Labis. Boleh tidak? Di belakang.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** Ya, silakan.

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya saya ingin tahu, kita sudah bincang mengenai laporan pemeriksaan. Apakah sebenarnya nilai laporan pemeriksaan tersebut dari segi selepas pemeriksaan dijalankan? Misalnya, adakah laporan tersebut akan diterima pakai atau diiktiraf oleh mana-mana pihak? Misalnya mahkamah. Ingin saya tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** Saya tidak jelas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Adakah laporan PUSPAKOM ini diiktiraf oleh mahkamah ataupun mana-mana agensi?

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** Ya, sudah semestinya Tuan Yang di-Pertua, kerana ini peraturannya adalah dalam akta, termaktub dalam akta, terikat dengan perjanjian yang saya bacakan tadi itu adalah dalam dokumen perjanjian yang namanya *The Government of Malaysia and PUSPAKOM Sdn. Bhd. Hire-Purchase Inspection Service Agreement*. Ia nya satu dokumen undang-undang yang mengikat, *binding* dan *legitimate*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yes.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** Sudah tentu kalau ia nya membabitkan perkara-perkara perundangan misalnya, sudah tentu ia nya terpakai. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada...

**Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]:** Tambah sikit, tambah sikit.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** *Sorry*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Masa sudah tamat, yang tidak sempat itu, saya cadang berikan jawapan bertulis.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Boleh Yang Berhormat Menteri? Yang Berhormat Menteri ada pantun?

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

***[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]***

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

***[Fasal-fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada undang-undang]***

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

***[Majlis Mesyuarat bersidang semula]***

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Kamarudin Jaffar) dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG KANAK-KANAK DAN ORANG MUDA (PEKERJAAN) (PINDAAN) 2018**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

#### **3.27 ptg.**

**Menteri Tenaga Manusia [Tuan M. Kulasegaran]:** Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966, Akta 350 adalah undang-undang buruh yang mengawal selia penggajian kanak-kanak dan orang muda di sektor swasta. Akta 350 memperuntukkan kanak-kanak dan orang muda hanya boleh diambil kerja dalam pekerjaan-pekerjaan tertentu yang dinyatakan di bawah akta ini. Ini bertujuan bagi memastikan penggajian kanak-kanak dan orang muda tidak menjejaskan kesejahteraan mental dan fizikal serta keperluan pendidikan mereka. Akta 350 hanya terpakai di Semenanjung Malaysia dan dikuatkuasakan oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia. Bagi Sabah dan Sarawak, peruntukan seumpamanya Akta 350 diperuntukkan dalam Ordinan Buruh Sabah Bab 67 dan Ordinan Buruh Sarawak Bab 76 yang masing-masing dikuatkuasakan oleh Jabatan Tenaga Kerja Sabah dan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak.

Sejak mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 1966, Akta 350 telah dipinda sekali iaitu pada tahun 2010. Antara pindaan utama pada masa itu adalah meminda tafsiran umur kanak-kanak daripada bawah 14 tahun kepada belum mencapai 15 tahun dan umur orang muda daripada antara 14 hingga 16 tahun kepada belum mencapai 18

tahun. Menurut statistik penyiasatan tenaga buruh yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan pada tahun 2017, kira-kira 440,500 orang penduduk bekerja terdiri daripada individu berumur antara 15 hingga 19 tahun, bersamaan dengan tiga peratus daripada jumlah penduduk bekerja. Secara relatifnya, golongan inilah yang akan mendapat manfaat daripada penambahbaikan Akta 350.

#### ■1530

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah menganggotai Pertubuhan Buruh Antarabangsa atau *International Labour Organization* (ILO) sejak tahun 1957. Setakat ini Malaysia telah meratifikasikan lima daripada lapan konvensyen utama, *core conventions* ILO. Dua daripada konvensyen utama tersebut berkaitan buruh kanak-kanak dan orang muda iaitu *Minimum Age Convention 1973* dan *Worst Forms of Child Labour Convention 1999*, C.182. Malaysia meratifikasikan C.178 dan pada 9 September 1997 dan C.182 pada 10 November 2002.

Sejak Malaysia meratifikasikan kedua-dua konvensyen ini, ILO telah membuat teguran kepada Malaysia kerana peruntukan dan pelaksanaan Akta 350 tidak selari dengan prinsip konvensyen tersebut. Secara keseluruhan, *International Labour Organization* telah membuat lima kali *observation* dan lima kali *direct request* berhubung C.318 dan enam kali *observation* dan enam kali *direct request* berhubung C.182.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebagaimana kita sedia maklum Malaysia telah menandatangani perjanjian perkongsian *Trans-Pacific Partnership Agreement* (TPPA). Perjanjian ini kemudiannya dijenamakan semula sebagai *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP) susulan penarikan diri Amerika Syarikat. Pada masa ini kerajaan sedang mengkaji dengan teliti berhubung penyertaan Malaysia dalam CPTPP ini. Untuk Kementerian Tenaga Manusia, tumpuan utama adalah untuk memastikan pemantauan ke atas bab buruh CPTPP sekiranya Malaysia menyertai perjanjian ini.

Bab buruh adalah satu daripada tiga puluh bab yang perlu dipatuhi oleh negara-negara yang terlibat dalam CPTPP. Secara dasarnya bab buruh CPTPP memperuntukkan supaya setiap negara hendaklah menerima pakai dan mengekalkan dalam undang-undang dan peraturan serta amalan masing-masing berhubung hak-hak yang terkandung dalam deklarasi Pertubuhan Buruh Antarabangsa, *International Labour Organization* (ILO) dan *Declaration on Fundamental Principles and Rights at Work 1998*.

Dalam konteks kanak-kanak dan orang muda dalam pekerjaan, Deklarasi ILO 1998, ini merujuk kepada pemansuhan secara berkesan amalan buruh kanak-kanak. Larangan terhadap amalan terburuk buruh kanak-kanak dan lain-lain perlindungan kepada kanak-kanak dan orang di bawah umur yang berkait langsung dengan C.138 dan C.182.

Walau apa pun pendirian kerajaan berhubung hala tuju dan kemungkinan besar penyertaan Malaysia dalam CPTPP, pindaan Akta 350 ini tetap diteruskan kerana selari dengan komitmen kerajaan untuk memastikan perlindungan hak pekerja di Malaysia setara dengan piawai antarabangsa termasuklah dengan konvensyen-konvensyen yang digariskan oleh *International Labour Organization* (ILO). Jelas pindaan Akta 350 ini adalah sebahagian langkah pembaharuan yang holistik kepada landskap undang-undang buruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, secara amnya rang undang-undang ini bertujuan untuk mencapai tiga objektif utama seperti berikut:

- (i) memperkukuh penguatkuasaan dan larangan eksploitasi kanak-kanak dan orang muda dalam pekerjaan;
- (ii) memastikan undang-undang buruh selari dengan piawai antarabangsa khususnya konvensyen *International Labour Organization* (ILO); dan
- (iii) menyesuaikan peruntukan akta dengan keperluan semasa termasuk memperjelaskan peruntukan kabur seperti berkaitan umur yang sebelum ini menimbulkan tafsiran berbeza.

Rang Undang-undang Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) (Pindaan) 2018 ini mengandungi 9 fasal dan dua jadual seperti yang berikut:

Fasal 1 yang mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan;

Fasal 2 yang bertujuan untuk meminda tafsiran yang digunakan dalam seksyen 1A akta ini iaitu “*child*”, “*light work*”, “*Minister*” and “*young person*” serta memasukkan tafsiran baru “*family*”.

Tafsiran “*child*” dipinda daripada “*Any person who has not completed his fifteen years of age*” kepada “*A person under the age of fifteen years*” supaya konsisten dengan tafsiran yang digunakan dalam artikel 2, C.138. Pindaan tafsiran ini juga bertujuan untuk memastikan tidak ada kekeliruan mengenai takrif apabila menentukan usia kanak-kanak dalam konteks pekerjaan.

Dengan definisi baru ini mana-mana orang di bawah umur 15 tahun akan dianggap sebagai kanak-kanak. Tafsiran "*family*" pula dimasukkan selepas tafsiran *entertainment* iaitu "*family means a parent, sibling or guardian who has custody, of a child or young person*". Untuk menegahkan maksud *family* kepada hanya ibu bapa, adik-beradik dan penjaga sahaja kerana akta sedia ada tidak menjelaskan hak hubungan kekeluargaan. Tafsiran ini bertujuan untuk mengelakkan eksploitasi dan perlu dibaca dengan perenggan 2(2)(a) dan seksyen 2(3)(a) Akta 350.

Tafsiran "*light work*" dipinda supaya konsisten dengan tafsiran yang digunakan dalam artikel 7, C.138. Pindaan tersebut adalah seperti berikut, "*light work means any work performed by a child or young person which is not likely:*

- (a) *to be harmful to his health, mental or physical capacity; or*
- (b) *to prejudice his attendance at school that includes any place which teaches any religion, his participation in vocational orientation or training programmes approved by the competent authority or his capacity to benefit from the instruction received*".

Tafsiran "*Minister*" dipinda dengan menggantikan perkataan "*labour*" kepada "*human resources*" sebagaimana akta-akta terkini di bawah Kementerian Sumber Manusia. Tafsiran "*young person*" dipinda pula daripada "*Any person who not been a child has not completed his eighteen years of age*" kepada "*A person under the age of eighteen years*" supaya konsisten dengan tafsiran yang digunakan dalam artikel 3, C.138.

Dengan definisi baru ini, mana-mana orang yang telah mencapai usia 15 tahun tetapi berada di bawah 18 tahun adalah ditafsirkan sebagai orang muda.

Fasal 3 rang undang-undang ini meminda seksyen 2 Akta 350.

Subfasal 3(a) memasukkan senarai '*hazardous work*' atau pekerjaan berbahaya dalam *Fourth Schedule*.

Subfasal 3(b) memperuntukkan larangan daripada mengambil pekerja kanak-kanak bekerja dan orang muda dalam pekerjaan berbahaya atau pekerjaan lain selain daripada yang diperuntukkan dalam seksyen ini. Sub fasal ini juga memperuntukkan pengecualian yang membenarkan orang muda bekerja terlibat dalam pekerjaan berbahaya dengan *personal supervision* jika orang muda itu di bawah kontrak perantisan atau sedang menjalani latihan vokasional. Ini bertujuan untuk melindungi dan melatih orang muda yang ingin bekerja dalam pekerjaan berbahaya.

Subfasal 3(c) memasukkan umur minimum yang dibenarkan untuk *light work* iaitu hendaklah tidak kurang daripada 13 tahun supaya selari dengan artikel 7, C.138.

Sub fasal ini juga memasukkan senarai pekerjaan yang kanak-kanak dan orang muda tidak boleh terlibat sama sekali seperti yang diperuntukkan dalam *Fifth Schedule*. Secara amnya senarai dalam *Fifth Schedule* adalah pekerjaan yang boleh menjejaskan moral kanak-kanak dan orang muda.

Subfasal 3(d) memansuhkan peruntukan berkaitan pekerjaan domestik supaya orang muda tidak boleh bekerja sebagai pekhidmat domestik kerana pekerjaan ini memerlukan waktu bekerja yang panjang dan boleh menjejaskan perkembangan orang muda.

#### ■1540

Subfasal ini juga memansuhkan perkataan '*bars and club*' supaya orang muda tidak dibenarkan bekerja di tempat tersebut oleh kerana ia tidak bersesuaian dan boleh menjejaskan moral orang muda. Peruntukan ini tidak menghalang orang muda dalam pekerjaan ini di kelab sukan atau lain-lain kerana pekerjaan tersebut tidak dikategorikan dalam *third schedule*.

Subfasal 3(e) dan 3(f) masing-masing memansuhkan larangan yang tidak membenarkan kanak-kanak dan orang muda untuk bekerja dalam pekerjaan di bawah tanah dan *hazardous work* kerana peruntukan tersebut telah dimansuhkan dalam senarai *Fourth Schedule*.

Fasal 4 bertujuan untuk memansuhkan tajuk dan seksyen 8 berhubung gaji minimum kerana peruntukan tersebut telah diambil kira di bawah Akta Majlis Perunding Gaji Negara 2011.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 11(1) supaya selari dengan prosedur pendakwaan yang terkini.

Fasal 6 meminda seksyen 14 mengenai penalti yang dicadang dinaikkan sebagai langkah pencegahan dan menunjukkan tahap keseriusan kesalahan di bawah akta ini. Pindaan ini mencadangkan supaya hukuman penjara dinaikkan daripada tidak melebihi satu tahun kepada tidak melebihi dua tahun dan denda daripada melebihi RM5,000 kepada tidak melebihi RM50,000. Bagi kesalahan berulang, hukuman penjara dicadang dinaikkan daripada tidak melebihi tiga tahun kepada tidak melebihi lima tahun dan denda daripada tidak melebihi RM10,000 kepada melebihi RM100,000.

Fasal 7 adalah pindaan berbangkit daripada pemansuhan seksyen 8.

Fasal 8 bertujuan memasukkan subseksyen baru iaitu 15A yang memberi kuasa kepada Menteri untuk meminda jadual-jadual di bawah akta ini melalui pemberitahuan dalam warta.



Fasal 9 bertujuan mewujudkan dua jadual baru iaitu *Fourth Schedule* mengenai senarai *hazardous work* bagi subseksyen 2(1) dan *Fifth Schedule* bagi subseksyen 2(2B) mengenai senarai pekerjaan yang kanak-kanak dan orang muda tidak boleh diambil bekerja. *Forth Schedule* dan *Fifth Schedule* masing-masing selaras dengan Artikel 3 dan 4c 182.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, rang undang-undang bagi meminda Akta 350 ini akan meningkatkan perlindungan kepada kanak-kanak dan orang muda dalam pekerjaan terutamanya daripada eksploitasi dan diskriminasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Peruntukan Akta 350 yang ditambah baik supaya selari dengan Konvensyen ILO ini menunjukkan komitmen Kerajaan Pakatan Harapan dalam merealisasikan janji Buku Harapan dan mengangkat standard perburuhan negara ke tahap yang lebih tinggi di peringkat antarabangsa.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama yang tidak berbelah bahagi dalam menjayakan Rang Undang-undang Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) (Pindaan) 2018 khususnya kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Peguam Negara serta para pegawai beliau.

Saya juga berterima kasih kepada rakan-rakan Menteri dan pegawai kerajaan daripada Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Kementerian Industri Utama atas sokongan dan pandangan mereka dalam merealisasikan pembentangan Rang Undang-undang Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) (Pindaan) 2018 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Saya jemput Yang Berhormat Kapar.

**3.45 ptg.**

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang sungguh budiman. Yang berhormat Menteri, saya meneliti hujahan Menteri atas pindaan Akta 350 yang menjurus kepada kanak-kanak yang perlukan pembelaan dan tidak dibuat sebagai mengeksploitasikan keluarga, ekonomi dan negara.

Saya mengambil peluang ini untuk menyinggung permulaan bicara saya dalam mendefinisikan menurut CRC iaitu sebarang pekerjaan yang dilakukan oleh kanak-kanak memberi kesan berikut:

- (i) mengganggu kesihatan fizikal, mental, sosial, moral, kesihatan dan pendidikan;
- (ii) menyebabkan kanak-kanak tidak dapat bermain atau menyertai aktiviti-aktiviti yang perlu untuk perkembangan fizikal dan mentalnya; dan
- (iii) mengeksploitasikan ekonomi.

Saya ingin merujuk kepada beberapa perkara yang menjadi bantahan terhadap buruh kanak-kanak ini. Seperti mana yang telah dimaklumkan, kanak-kanak sepatutnya menghabiskan masa di sekolah. Kanak-kanak terdedah kepada waktu kerja yang lama dan boleh memudaratkan kesihatan melibatkan kerja paksa, eksploitasi daripada ganjaran yang tidak setimpal dengan kerja yang dilakukan.

Di sini saya ingin menyinggung tentang pindaan yang telah pun diberikan untuk dibuat pindaan yang membolehkan beberapa perkara terpanggil. Seperti mana yang kita tahu, bagaimana pula dengan penggiat seni, kanak-kanak seni yang sepatutnya dalam keadaan mereka dijaga dalam persekolahan tetapi mereka diberikan tawaran untuk berlakon, menyanyi dan sebagainya itu. Adakah ini juga terlibat dalam segi permasalahan kanak-kanak itu juga dalam kumpulan ini? Oleh sebab saya khuatir ibu bapa akan mengail untung daripada hasil seni ataupun kebolehan anak-anak itu daripada menumpukan kepada pendidikan.

Maka senario buruh kanak-kanak ini, satu, bekerja membantu tugas-tugas domestik keluarga atau diupah oleh orang luar. *International Labor Organization* (ILO) menganggarkan lebih 200 juta kanak-kanak bekerja dalam waktu kerja yang panjang. Belajar separuh, bekerja separuh dan dalam industri yang terdedah kepada risiko pencemaran yang tinggi.

Saya ingin juga mengulas tentang perkara punca, faktor kanak-kanak ini bekerja. Kemiskinan kanak-kanak terpaksa bekerja untuk membantu keluarga, amat malang. Kedua, kegagalan sekolah menyediakan persekitaran yang kondusif untuk

menyedarkan ibu bapa dan kanak-kanak kepentingan pendidikan. Di samping itu, faktor keluarga, ibu bapa kurang upaya, ibu lanjut usia, ibu bapa penagih arak dan dadah, perpecahan keluarga, penderaan kepada keluarga, kanak-kanak lari dari rumah.

Di samping itu, mengikut laporan antarabangsa, perlindungan di bawah Konvensyen 32 Kanak-kanak 1989, Tuan Yang di-Pertua, ILO *Programme on Elimination of Child Labor* (IPEC) yang mana ditubuhkan pada tahun 1992 dalam penyertaan 88 negara keahliannya mengatakan dengan jelas itu dalam perkongsian rakan termasuk kesatuan majikan, pekerja, agensi kerajaan antarabangsa, pihak swasta dan ini juga sebagai satu rujukan kepada perlindungan yang mana memberi kesan kepada akta ini diestablishkan.

Saya ingin menyinggung beberapa perkara yang saya lihat menjadi persoalan kepada laporan dalam negara. Macam pembaca berita dah, Tuan Yang di-Pertua. Dijelaskan di sini bahawa berdasarkan fakta kes, 12 Januari 2018 Sinar Harian melaporkan bahawa satu siasatan telah dijalankan sejurus menerima aduan dari pegawai pemeriksaan JTK Negeri Melaka mendapati majikan kilang berkenaan gagal mematuhi waktu kerja yang dibenarkan bagi 46 orang muda. Daripada laporan ini memberikan kesan kepada satu perkara yang saya telah pun perjuangkan beberapa penggal yang lalu iaitu penambahan JTK perlu diwujudkan yang mana telah dipersetujui oleh Kabinet yang lalu iaitu sebanyak 414 orang ini perlu diberikan penekanan supaya JTK dapat memantau, melaksanakan tugas mereka.

#### ■1550

Walaupun dalam peringkat awalnya MOF tidak bersetuju, walaupun dalam masa yang sama penjawat awam tidak setuju akta ini, tetapi desakan atas akta ini memerlukan sumbangan atau pengetahuan mereka. Ini kerana mengikut Konvensyen ILO 81, kawal selia, siasatan perlu dibuatkan berkala, berkali-kali dalam setahun. Akan tetapi kita tidak, kita tidak ada kerana *enforcement* ataupun penguatkuasaan ini tidak wujud, tidak memenuhi kehendak yang kita perlukan. Maka berlakulah sewenang-wenangnya eksploitasi kanak-kanak bekerja ini.

Malah, menjadi satu kerisauan di mana laporan yang telah dibuat oleh *Sinar Harian* yang menonjolkan atas kerisauan yang berlaku di Sabah. Ini *Utusan Malaysia* pada 19 Jun 2018— banyak sangat laporan berita— yang menegaskan bahawa sekitar lebih 200,000 kanak-kanak yang berusia lima tahun hingga 18 tahun dikesan bekerja membantu ibu bapa mereka dalam pelbagai sektor di Sabah. Mengikut laporan ini, sektor-sektor itu ialah sektor pelancongan, pertanian, perladangan, perikanan dan

pelbagai sektor ekonomi yang tidak formal di kawasan bandar dan menjadi nadi kepada sumber ekonomi penduduk di negeri itu.

Petunjuk daripada ini mengatakan bahawa kawal selia itu penting, Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita luluskan hak-hak itu dalam kategori kanak-kanak tidak boleh bekerja dalam keadaan sektor yang berbahaya tetapi kita tidak ada pemantauan, maka yang demikian saya sarankan kepada Yang Berhormat Menteri supaya memberikan pemantauan atau penguatkuasaan untuk memastikan tidak berlaku daripada apa yang kita lihat pada waktu ini yang menjadi kerunsingan.

Walaupun pada masa yang sama Yang Berhormat Menteri telah pun menjelaskan ILO telah pun menegur kita berkali-kali dan walaupun dalam masa yang sama di dalam kita hendak mendapat perjanjian TPPA yang memberikan kita syarat untuk menyertai keanggotaan itu telah pun membuat pindaannya, tetapi sekiranya pindaan itu masih kita tunggu dan dalam masa yang sama kita kena sediakan senjata atau mekanisme untuk memastikan pindaan ini terlaksana dengan bergaya— ini bermakna kita buat pindaan dan kita ada penguatkuasaan— maka saya ingin sarankan, di samping kita menjenguk isu hak kanak-kanak ini, dalam masa yang sama kita juga mesti memikirkan penguatkuasaan itu berjalan selari supaya pindaan ini tidak hanya di kertas tetapi di luar sana menjadi kenyataan.

Merumus terus kepada— saya pun tidak tahu berapa minit saya bercakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Lebih kurang 11 minit.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyinggung di bawah seksyen 8 atas pindaan ini dipotong kerana peruntukan ini telah meliputi Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2012. Saya hendak beritahu dengan kementerian bahawa, benar, ia diserahkan kepada Majlis Perundingan Gaji Negara. Tadi saya telah didatangi dengan, Yang Berhormat Menteri, satu petisyen bantahan daripada MTUC yang memperjelaskan tentang gaji minimum yang telah dipersetujui oleh Majlis Perundingan Gaji Negara atas sifat itu dicadangkan kepada Jawatankuasa Majlis Perundingan Gaji Negara.

Apabila diumumkan, ia tidak menepati apa yang dicadangkan oleh penyelaras gaji minimum dalam teknikal untuk diangkat kepada Kabinet. Sekiranya diangkat, malah laporannya diterima, tetapi hanya RM50 kenaikan itu dilaksanakan, saya mengambil peluang ini disifatkan atas ini berada di dalam kertas atau pindaan, ini memberikan ruang untuk saya membicarakan lebih daripada isu yang melibatkan secara langsung isu kanak-kanak ini.

Oleh sebab itu saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Menteri supaya gaji minimum ini perlu dikaji semula untuk memastikan pendapatan itu selaras dengan kehendak atau kos sara hidup. Ini kerana kita tidak boleh terima daripada apa yang dimaklumkan kepada saya itu. Ia di luar apa yang saya harapkan. Kenaikan RM50 ini tidak memberikan kesan baik kepada kos sara hidup waktu ini. Saya menyarankan kepada Yang Berhormat Menteri supaya mengkaji semula untuk memastikan bahawa cadangan yang dibuat oleh penyelaras *committee* ini supaya gaji yang dicadangkan itu diangkat sebagai gaji minimum yang dikuatkuasakan untuk dibuat pindaan. Ini memberikan satu isyarat bahawa kita tidak boleh mengabaikan ataupun kita tidak boleh membiarkan satu kelompok dalam kos sara hidup itu yang mewakili seluruh rakyat pekerja yang ada dalam negara ini.

Maka, saya pergi semula kepada soal yang merunsingkan kita tentang kanak-kanak. Ini yang memberikan kesan yang tidak begitu baik kepada negara. Walaupun dalam masa yang sama kita juga ingin memaklumkan tentang undang-undang ini yang menghalang secara total buruh kanak-kanak di Malaysia yang akan diluluskan, *insya-Allah*, pada hari ini, kita akan dapat menilai sama ada sejauh mana kualiti pindaan itu dilaksanakan. Di samping itu, polisi yang tidak campur tangan kerajaan adalah kerana buruh kanak-kanak secara tradisi boleh menjadi pola penghidupan sosial dan ekonomi harus juga diberi rujukan. Undang-undang yang menyediakan peraturan kepada pola buruh kanak-kanak sedia ada supaya sebarang penyalahgunaan dan mengeksploitasikan dapat dihalang dengan kadar yang maksimum. Di atas sifat itu, saya yakin dan percaya bahawa buruh kanak-kanak atau undang-undang ini ia dapat kita laksanakan dengan kolektif, dengan pelaksanaan, dengan kekuatannya, dengan rohnya supaya kanak-kanak ini kita akan menjadikan kanak-kanak yang berwawasan yang akan meneruskan agenda reformasi yang telah kita hidangkan ini.

Maka demikian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak-banyak. [*Tepuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Sekali lagi saya menyokong penuh atas cadangan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Belum habis ini, ada cerita lagi. Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Sekarang saya jemput suara dari wanita—Yang Berhormat Rantau Panjang. Selepas itu Yang Berhormat Sekijang. Sepuluh minit setiap orang.

**3.57 ptg.**

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) (Pindaan) 2018.

Anak adalah anugerah Allah yang sangat tinggi nilainya. Seharusnya menjadi tanggungjawab ibu bapa memberikan pendidikan yang sempurna, kasih sayang yang sempurna terutamanya di usia muda. Akan tetapi malangnya hari ini kita melihat dengan perkembangan dunia hari ini, sesetengah keluarga mereka meletakkan keutamaan dari sudut ekonomi keluarga. Kebanyakan yang terlibat adalah di kalangan golongan yang keluarga yang kurang bernasib baik. Jadi kita lihat fenomena hari ini menyebabkan ramai kanak-kanak dan orang muda yang menjadi bahan ataupun dieksploitasi sebagai buruh.

Sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi, dalam negara kita, statistik tahun 2017, lebih daripada 440,500 orang iaitu tiga peratus daripada penduduk negara terlibat, kanak-kanak terlibat di sektor pekerjaan. Mengikut laporan daripada Laporan ILO mengatakan bahawa pekerja buruh kanak-kanak di dunia hari ini melebihi daripada 157 juta orang yang berumur antara lima tahun hingga 18 tahun, yang mana 70.9 peratus terlibat di bidang sektor pekerjaan pertanian. Jikalau kita lihat daripada pindaan Akta 350 in i— Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian yang melakukan pindaan yang begini baik dan kami juga menyokong, menghargai usaha Kerajaan Pakatan Harapan untuk membela terutamanya buruh kanak-kanak dan orang muda. Kita mengharapkan dengan pindaan ini akan dapat memberikan keadilan yang terbaik terutamanya kepada buruh-buruh yang melibatkan kanak-kanak dan orang muda. Kita juga harap supaya tidak ada eksploitasi yang berterusan terutama yang melibatkan kanak-kanak dalam negara kita.

Saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian, daripada statistik yang dikeluarkan oleh pihak kementerian, berapakah jumlah yang melibatkan buruh kanak-kanak wanita? Juga, apakah sektor utama yang melibatkan buruh kanak-kanak dalam negara kita ini? Daripada pemantauan yang telah dibuat oleh pihak kementerian, apakah punca utama yang menyebabkan buruh kanak-kanak ini menjadi semakin membimbangkan statistik dalam negara kita? Apakah tindakan-tindakan yang telah diambil sebelum ini melalui akta yang sedia ada? Apakah laporan tindakan penyalahgunaan akta yang sebelum ini yang telah diambil tindakan dan yang telah

dikenakan hukuman setakat ini terhadap penyalahgunaan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh peraturan dalam Akta 350 ini?

■1600

Saya ingin juga penjelasan iaitu berkenaan dengan pemantauan terhadap buruh kanak-kanak ini. Apakah mekanisme yang telah digunakan oleh pihak kementerian untuk memantau, untuk memastikan buruh kanak-kanak ini tidak dipergunakan oleh majikan melampaui batas yang telah ditetapkan oleh undang-undang? Apakah pemantauan secara berkala ataupun laporan yang diterima ataupun ada satu agensi khas yang dilantik untuk memastikan agar tidak ada kanak-kanak dieksploitasi?

Kita lihat dalam perkembangan dunia hari ini dalam perniagaan *business online* hari ini, ramai pekerja muda digunakan sebagai pekerja *online* dan sudah tentu mereka bekerja ada di kalangan mereka di kalangan pelajar yang bekerja separuh masa dan sebagainya. Jadi kalau kita tengok dalam peraturan yang telah ditetapkan, pekerja muda tidak dibenarkan bekerja melebihi empat jam secara berterusan. Jadi macam mana pemantauan yang dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan majikan tidak mengambil kesempatan daripada pekerja muda terutama dengan perkembangan dunia digital hari ini peniaga menggunakan *business* melalui *online* dan sebagainya?

Begitu juga apakah program pendidikan terutamanya kepada pekerja kanak-kanak dan pekerja muda hari ini yang telah dibuat oleh kerajaan supaya mereka mengetahui hak mereka? Apa yang telah ditetapkan dalam peraturan undang-undang terhadap pekerja-pekerja kanak-kanak dan orang muda hari ini?

Begitu juga tentang gaji, kita menyambut baik apa yang dihasratkan oleh kerajaan iaitu supaya mengenakan gaji minimum. Sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Kapar tadi, saya juga merasakan ini adalah satu perkara yang sangat penting sebab ada sesetengah majikan mereka mempergunakan kanak-kanak memberi gaji yang sangat rendah dan mereka mengambil kesempatan di atas tenaga kanak-kanak ini. Jadi, apakah tindakan kerajaan? Setakat ini berapakah majikan yang telah dikenakan tindakan kerana mengaji dengan gaji yang tidak sepatutnya terhadap pekerja kanak-kanak dan orang muda hari ini?

Begitu juga saya ingin penjelasan tentang kebajikan kepada pekerja kanak-kanak dan orang muda ini. Apakah mereka diberikan perlindungan insurans ataupun mereka diberi apa-apa program yang boleh membantu mereka di saat mereka dalam melakukan kerja ini berlaku kemalangan dan sebagainya?

Begitu juga saya ingin tahu tentang tuntutan cuti. Apakah mereka diberikan hak cuti sebagaimana pekerja yang lain? Contoh cuti sakit, cuti tahunan ataupun cuti-cuti hak segala keistimewaan. Apa perkara ini termasuk dalam ruang lingkup ini?

Begitu juga saya ingin tahu tentang hak SOCSO. Apakah mereka dilibatkan? Sebab, kita tengok ada pekerja-pekerja kanak-kanak kebanyakan mereka— kita tengok pekerja kanak-kanak ada dua. Ada yang berdaftar dan ada yang tidak berdaftar kerana mereka terdiri daripada kanak-kanak dari warga asing kerana mereka tidak ada kad pengenalan, pendaftaran diri dan sebagainya. Mereka kebanyakannya tenaga ini dipergunakan oleh majikan. Mereka tidak berdaftar dan sudah tentu mereka tidak mendapat hak mereka untuk mendapatkan hak sebagaimana yang termaktub di dalam akta tidak dapat diteruskan.

Jadi, apakah mekanisme yang dibuat oleh pihak kementerian terutama di kawasan sempadan? Kawasan saya sendiri pun ramai kanak-kanak yang melibatkan warganegara jiran yang tidak ada pendaftaran, kad pengenalan, surat beranak dan sebagainya. Begitu juga termasuk Sabah dan Sarawak. Saya dimaklumkan dalam tahun 2017 sahaja, lebih daripada 200,000 tenaga buruh kanak-kanak di Sabah yang terlibat di ladang-ladang kelapa sawit dan sebagainya dan sebahagian mereka melibatkan anak-anak warga asing. Jadi macam mana mekanisme yang akan digunakan oleh kerajaan untuk memastikan kebajikan mereka?

Begitu juga saya mengharapkan supaya satu peraturan dimasukkan di dalam undang-undang iaitu hak kepada pekerja Islam. Sebelum ini saya utarakan sebab bila tidak ada disebutkan di dalam peraturan, kadang-kadang ada majikan yang mengambil kesempatan, contoh hak beribadah dan hak berpakaian patuh syariah. Begitu juga pekerja, contohnya orang muda, yang bekerja di rumah ataupun sebagai pembantu rumah, ada pekerja orang muda yang Islam dia diletakkan sebagai pembantu rumah kepada majikannya orang bukan Islam. Sudah tentulah menimbulkan masalah kerana ada peraturan-peraturan yang dilarang oleh syariah.

Begitu juga pekerja yang bukan Islam yang bekerja dengan majikan yang Islam yang mungkin ada sesuatu yang mungkin tidak selesa. Jadi sebab itulah sepatutnya kerajaan meletakkan satu peraturan untuk memastikan sensitiviti agama ini menjadi peraturan dalam peraturan kerja.

Begitu juga saya ingin tahu berapakah jumlah pekerja wanita— pekerja muda pada hari ini termasuk juga pekerja kanak-kanak yang sudah berdaftar di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial, SOCSO dan sebagainya, begitu juga di bawah KWSP. Setakat ini, apakah ada tindakan yang telah dibuat terhadap golongan-



golongan yang telah dinafikan hak mereka? Jadi setakat ini saya ingin tahu, berapa kes yang telah dikenakan tindakan terhadap pelanggaran terhadap akta ini?

Jadi dengan itu saya harapkan, *insya-Allah*, dengan penggubalan dasar pekerjaan untuk kanak-kanak dan orang muda pada hari ini akan dapat menambahkan lagi kebajikan terutama kepada kanak-kanak dan orang muda. Saya mengharapkan paling penting ialah pendidikan. Pendidikan bukan sahaja kepada pekerja tetapi pendidikan kepada masyarakat, pendidikan kepada ibu bapa untuk memberi kesedaran kepada mereka bahawa anak-anak adalah anugerah Allah yang sepatutnya masa muda ini diberi dengan ilmu dan pengetahuan, dididik dengan akhlak yang baik dan bukan menjadi alat untuk bahan mencari ekonomi semata-mata.

Setakat itu sahaja. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Sekijang.

#### **4.06 ptg.**

**Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmanir Rahim*. Mengenai buruh kanak-kanak ini, kita kena kaji dahulu keadaan sosioekonomi keluarga itu sendiri. Tidak ada keluarga yang mempunyai pendapatan tinggi akan rela anaknya bekerja. Akan tetapi oleh sebab keadaan sekarang terutama sekali negara kita kerana ekonomi yang tidak menentu itu, ramai ibu bapa pun kadang kena keluar bekerja dan ada masanya juga memerlukan anak-anak membantu sama.

Jadi kalau dikirakan umur yang dibenarkan iaitu antara 13 tahun sehingga 15 tahun, itu ialah dari Tingkatan Satu sehingga Tingkatan Tiga dan di bawah 17 tahun itu ialah Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima. Jadi sepatutnya kanak-kanak bersekolah dan kalau saya tidak silap, mengikut Akta Kanak-kanak 2001, pendidikan itu adalah wajib. Jadi setakat itu saya tidak tahu macam mana status kewajipan anak-anak bersekolah.

Akan tetapi kita ambil kiralah memang ibu bapa yang memerlukan yang ingin meninggikan ataupun memperbaiki taraf ekonomi memerlukan pendapatan yang lebih, mereka sanggup bekerja siang malam dan tidak cukup dengan itu, sekiranya ada anak-anak pula dan anak-anak ini pula biasanya mereka adalah daripada taraf akademinya yang tidak begitu baiklah dan mereka juga rasa tanggungjawab untuk membantu keluarga, jadi dengan itu mereka bekerja.

Akan tetapi seperti yang telah diberitahu tadi, tempat-tempat yang mereka boleh kerja dan tidak boleh bekerja seperti yang telah dimaklumkan oleh Menteri Sumber Manusia. Tempat yang mereka boleh melakukan kerja seperti mungkin di gimnasium, di *cyber cafe*, mungkin di restoran dan sebagainya tetapi kita kena tahu waktu bekerja itu adakah akan menjejaskan pendidikan di sekolah. Sebab saya sekarang berceritakan mengenai kanak-kanak yang masih bersekolah dan yang perlu bekerja kerana untuk membantu keluarga mereka sendiri. Jadi dengan adanya kanak-kanak di tempat-tempat yang saya rasa selamat, tidak menjadi masalah.

Akan tetapi yang penting di sini adalah tanggungjawab ibu bapa itu sendiri. Kita tidak boleh menyalahkan masyarakat, kita tidak boleh menyalahkan sesiapa. Untuk membenarkan anak-anak bekerja ini adalah datangnya daripada ibu bapa sendiri. Kalau ibu bapa sudah memberi kebenaran dan anak-anak itu rela bekerja, saya rasa tidak ada masalah untuk kita sebagai ahli masyarakat untuk melihatnya dari segi positif.

Akan tetapi yang akan saya pertikaikan di sini adalah pendidikan mereka, adakah akan terjejas? Sebab kalau Tingkatan Satu ke Tingkatan Tiga itu, mereka akan bersedia untuk menghadapi PT3. Kemudian di Tingkatan Lima bila berumur 17 tahun, mereka akan menghadapi SPM.

#### ■1610

Jadi di sini, macam mana anak-anak ini hendak membahagikan waktunya? Adakah ditentukan waktu kerja itu, mereka boleh bekerja waktu siang sahaja ataupun boleh bekerja siang dan malam? Kalau malam itu pula, sehingga pukul berapa, terutama sekali bagi anak-anak perempuan?

Saya sendiri telah melihat semasa saya berhenti di R&R Seremban pada pukul 10 malam lebih, tiga orang kanak-kanak perempuan, memang anak-anak muda, menjual ubat-ubat pada mereka yang singgah di situ. Apabila saya tanya, "*Sekolah atau tidak?*". Dia kata, "*Sekolah*". "*Sekolah mana?*", dia sebutkanlah nama sekolah itu, tahfiz ya? Saya kata, "*Kenapa awak keluar menjual ubat ini?*" "*Kami diarahkan, kami disuruh untuk menjualnya*". Saya hanya mengucaplah, saya boleh mengucap, "*Masya-Allah*".

Dalam pukul 10 malam lebih ini, kanak-kanak perempuan dibiarkan pergi kepada sesiapa yang ada di R&R itu untuk menjual ubat-ubatan. Jadi rasa saya, perkara ini juga harus kita ambil berat terutama sekali ahli masyarakat. Kita tidak mahu lagi ada anak-anak perempuan selepas waktu malam, tidak kiralah pada pukul 7 malam atau pukul 8 malam atau pukul 9 malam atau pada pukul 10 malam tetapi

harap perkara ini dapat dibendung. Apa yang menyedihkan, mereka kata mereka bersekolah dan esoknya pun memang hari sekolah.

Jadi, ada beberapa perkara lain yang ingin saya sentuh tentang kita mudah mencemuh ibu bapa yang membenarkan anak mereka untuk bekerja. Kita tidak tahu sebenarnya macam mana keadaan hidup di rumah. Kadang-kadang ibu bapa itu mempunyai anak seramai tujuh atau lapan orang dan disertai pula oleh bapa mereka yang sudah uzur atau ibu mereka yang sudah uzur. Mereka juga terpaksa menanggung ibu bapa mereka ini dan juga anak-anak yang ramai.

Jadi, keadaan ekonomi inilah yang menyebabkan ibu bapa bekerja dan terpaksa juga meminta supaya anak-anak ini dapat menambahkan pendapatan. Rasa saya, kalau ibu bapa ini mempunyai fikiran yang waras, boleh berfikir, mereka sendiri dapat menyekat ataupun menasihatkan anak mereka ataupun menghantarkan anak mereka ke tempat-tempat kerja yang tertentu sahaja.

Seperti mana yang kita telah tahu, mereka ini tidak boleh terlibat dengan kerja-kerja yang berat, kerja-kerja yang memudaratkan tubuh badan mereka dan sebagainya. Oleh itu, rasa saya kalau mereka mahu bekerja pun, macam mana keadaan majikan yang hendak mengambil mereka bekerja itu? Katakan pada waktu cuti sekolah, katakan pada bulan 11 atau bulan 12, sebulan lebih anak-anak ini tidak akan pergi ke sekolah dan mereka perlu bekerja untuk menampung saraan keluarga. Jadi, di sini mesti ada pemantauan dan juga pihak sekolah mesti dihubungi. Ibu bapa perlu memberitahu pihak sekolah, mungkin guru kelas, guru mata pelajaran ataupun guru kaunselor sekalipun menyatakan anak mereka terpaksa bekerja kerana hendak menampung saraan keluarga.

Sekiranya benda ini berlaku, ada perhubungan baik antara ibu bapa dengan pihak sekolah, rasa saya pihak sekolah pun faham akan keadaan murid-murid ini. Pihak sekolah juga akan membantu. Rasa saya tidak ada masalah dalam hal ini. Cuma, sekarang saya ingin tahu, gaji ataupun upah yang akan diberikan kepada kanak-kanak yang bekerja ini atau orang-orang yang akan bekerja ini. Adakah sesuka hati majikan itu memberi...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan.

**Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]:** Ataupun ada garis-garis tertentu?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Minta penjelasan.

**Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]:** Ya?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Sekijang, minta penjelasan. Saja hendak bagi kuat sikit. Hendak minta penjelasan.

**Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]:** Oh!

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Boleh? Ini fasal – Hendak minta penjelasan. Yang Berhormat? Yang Berhormat, Arau minta penjelasan. “Ya, ya, ya”.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Silakan Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Okey, Yang Berhormat Sekijang. Yang Berhormat sebut fasal R&R, kemudian kita diganggu oleh anak-anak kecil ini. Kita tengah makan, jadi dia datang minta duit, kadang-kadang menjual barang dan sebagainya. Apakah Yang Berhormat ingin bertanya kepada Menteri, apakah minta sedekah ini juga dianggap sebagai satu pekerjaan? Ini kerana, mereka minta sedekah bukan untuk mereka, tetapi untuk ketua mereka ataupun maahad tahfiz *kah* dan sebagainya. Jadi apakah meminta derma ini adalah satu pekerjaan dan tindakan akan diambil oleh Menteri berkenaan?

Saya akan cakap tajuk saya nanti. Saya cuma hendak bersama dengan Yang Berhormat. Saya kena di semua tempat R&R, di mana ada yang datang minta derma dan tunjukkan mereka daripada maahad tahfiz, rumah anak yatim. Rumah anak yatim selalu ya, rumah anak yatim. Dia sebut rumah anak yatim di satu tempat, yang saya tahu tetapi dia berbohong. Dia bukan duduk di situ, dia di tempat lain. Saya tanya rumah tahfiz ini ada pokok depan itu? Dia kata, “Tidak ada pokok”. Padahal di situ ada pokok besar satu, saya tahu. Jadi, dia menyuruh anak-anak ini berbohong, di samping dia meminta sedekah dan sebagainya. Jadi, apakah ini juga dianggap sebagai pekerjaan kepada kanak-kanak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Silakan Yang Berhormat Sekijang. Teruskan.

**Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]:** Terima kasih. Sebenarnya saya ingin juga pihak Menteri peka terhadap perkara yang berlaku ini di kalangan kanak-kanak. Mungkin mereka kata derma, mungkin mereka menjual. Pada saya, sama ada meminta derma atau menjual itu tidak menjadi perkara utama. Akan tetapi, yang ingin saya utarakan di sini ialah kanak-kanak perempuan selepas pukul 10 malam masih merayau-rayau di kawasan R&R dan mungkin di kawasan-kawasan lain, itu saya tidak pasti.

Seterusnya, tentang keluarga ini tadi ya. Kita hanya boleh melihat, kita tidak tahu keadaan keluarga tersebut. Seperti mana pepatah Melayu mengatakan, ‘Betapa berat mata memandangi, berat lagi bahu memikulnya’. Jadi, pada keluarga yang sosioekonomi mereka rendah ini, perlu ada pemantauan dari pihak-pihak tertentu.

Misalnya, daripada ketua-ketua kampung untuk mengetahui macam mana keluarga ini dapat dibantu. Kalau boleh saya minta supaya— saya merayu supaya anak-anak ini meneruskan persekolahan mereka dan tidak perlu bekerja sebab kita...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Sekijang, masa sudah tamat sepuluh minit. Masa sudah tamat. Teruskan.

**Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]:** Jadi, itu sahaja. Saya hendak teruskan sedikit sahaja lagi, sekejap ya. Ini tentang bayaran itu tadi dan waktu bekerja. Adakah mengikut masa 9 pagi sehingga 5 petang, ataupun had masa yang terhad? Selain itu juga satu lagi, saya hendak tahu, adakah mereka dibenarkan bekerja sebagai *babysitter*, misalannya di rumah-rumah jiran dan sebagainya? *Babysitter*, iaitu menjaga kanak-kanak iaitu kanak-kanak daripada umur 13 sehingga 17 tahun itu tadi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Sekijang.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Jelebu, Jelebu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya kena cari sebelah sini pula.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Jelebu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Dipersilakan Yang Berhormat Arau.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Masjid Tanah ya selepas ini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya ada laluan hijau, *green lane* ya. Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Minta laluan Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya berikan kepada Yang Berhormat Arau dulu.

#### 4.18 ptg.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Okey, okey. Terima kasih. Kita mulakan balik, itu sudah start, terlajak sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita lihat bahawa seksyen 14 iaitu dimasukkan penalti yang meningkat daripada setahun kepada dua tahun, RM5,000 menjadi RM50,000, tiga tahun menjadi lima tahun, RM10,000 menjadi RM100,000.

Jadi ini adalah peningkatan penalti kepada majikan yang memberikan peluang pekerjaan kepada anak-anak. Yang Berhormat, kalau saya menjadi Yang Berhormat bukan, seksyen ini patut dihapuskan. Kita bukan kenakan penalti. Sepatutnya kita ambil peluang sebab Kementerian Yang Berhormat ini ambil peluang untuk mana-mana majikan yang memberikan pekerjaan kepada anak-anak, anak-anak ini kita bagi kaunseling ataupun bagi peluang pendidikan. Bukan kita pergi hukum majikan.

Sekarang ini tugas kita ialah mengutip sebanyak mungkin mana-mana anak-anak yang berada dengan mana-mana majikan supaya kita berikan kaunseling ataupun bagi pendidikan vokasional kah dan sebagainya. Bukan kita pergi hukum. Oleh sebab Kementerian Yang Berhormat ini kalau setakat menghukum, saya tengok ini ialah Yang Berhormat selalu tegur kami dulu masa dalam kerajaan, selalu menghukum tetapi tidak pernah mendidik. Sekarang ini kita semua menghukum. Jadi, majikan ini bukan— Seseengah majikan kita mahu hukum yang ini, bukan sahaja— Kalau sekiranya majikan itu mungkin di kalangan keluarga, dia akan tutup perniagaan.

#### ■1620

Sekarang ini hendak bekerja susah Yang Berhormat, peluang pekerjaan kurang. Kalau sekiranya kita menghukum macam ini, saya rasa kita akan menjadi masalah. Kita jadi negara menghukum orang, bukan negara mendidik orang. Yang Berhormat patut masuk di bawah klausa ini, suatu *clause* yang tangkap dan kumpulkan mereka ini, kita bagi pendidikan. Barulah nampak ada nilai kasih sayang. PH ini ialah kerajaan yang baharu, baharu beri kasih sayangnya itu yang paling penting. Supaya anak-anak kita ini— dia sekarang ini menghadapi masalah undang-undang, kalau kita tangkap dia, kena pergi mahkamah dan sebagainya. Mungkin Yang Berhormat sebagai peguam seronoklah benda ini tetapi kami rakyat tentulah tidak seronok, sebab apa? Kita terpaksa— kos meningkat. Padahal seseengah majikan itu bagi peluang pekerjaan, bukan di atas dasar hendak bagi, hendak ambil buat kanak-kanak tetapi sebab simpati dengan kanak-kanak dan juga keluarga ini yang tidak ada peluang pekerjaan. Apabila kita semua sudah lengkap semua, Malaysia ini peluang pekerjaan cukup, orang bekerja semua...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelevu]:** Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...baru kita menghukum. Akan tetapi kita...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelevu]:** Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...menghukum dalam keadaan...

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Minta penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Boleh Yang Berhormat Arau?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Jelevu, ya.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Saya, saya...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelevu]:** Saya hendak— mana satu ini?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dua, dua. Selepas ini, dia.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Saya terkejut juga Yang Berhormat Arau menyatakan demikian kerana mungkin Yang Berhormat Arau tidak baca akta ibu. Yang Berhormat Arau tidak baca Akta 1966. Akta ini, *I mean* seksyen 14 menyatakan bahawa pelanggaran terhadap— kalau majikan upah kanak-kanak berumur 10 tahun ataupun upah orang muda bekerja di tempat-tempat yang berbahaya, baru hukum. Itulah tujuan melindungi, asas akta ini, pindaan ini, untuk melindungi kanak-kanak. Saya rasa akta terkeliru dengan perdebatan ini.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelevu]:** Yang Berhormat Arau, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Arau dan bersetuju juga dengan pandangan Yang Berhormat Bukit Bendera. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Arau, kemungkinan kalau pengambilan pekerja kanak-kanak ini dalam kelompok suasana pekerjaan keluarga. Perniagaan keluarga, menambah pendapatan keluarga, mungkin pandangan Yang Berhormat Arau itu adalah merupakan satu pandangan yang boleh dipertimbangkan oleh pihak kerajaan iaitu *educate* golongan-golongan ibu bapa dan penjaga yang menggunakan, mengeksploitasi kanak-kanak sebagai penambah pendapatan kepada keluarga. Cuma saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Arau, bagaimana kalau ada majikan yang mengambil kesempatan di atas kanak-kanak yang lain sebagai satu perkara untuk mengurangkan kos penggajian kepada pekerja-pekerja lain. Umpamanya, ambil kanak-kanak supaya mudah untuk menyelesaikan masalah mendapatkan tenaga kerja, pertama. Kedua, mengambil kanak-kanak kerana kos penggajian kepada kanak-kanak ini adalah jauh lebih murah berbanding dengan pekerja-pekerja yang lain. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ucapan Yang Berhormat Jelevu adalah dimasukkan di dalam ucapan saya. Kita tanya kepada Menteri, biar Menteri yang menjawab, itu yang terbaik. Berhubung dengan Yang Berhormat Jelutong, saya juga bersetuju ya bahawa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Bukan Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Bukit Bendera.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Bukit Bendera, *sorry*. Saya teringat Yang Berhormat Jelutong selalu menggunakan bahasa hebat, itu sebab saya- orang cakap Bukit Bendera pun saya sudah samakan. Jadi Yang Berhormat, saya sedar ini kedudukan penalti yang dicadangkan. Akan tetapi saya masih berfikir supaya dimasukkan klausa baru untuk memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri untuk lebih kepada tujuan pendidikan. Mengenakan hukuman yang sebegini berat, majikan mana pun memang tidak mahu melanggar undang-undang ini. Mereka kalau boleh hendak buat yang terbaik tetapi kalau mereka cuba menggunakan, mengeksploitasi kanak-kanak, kita setuju. Akan tetapi biarlah kerajaan baharu sekarang ini, kerajaan yang lebih menunjukkan kasih sayang. Bukan yang menghukum. Ini bukan negara polis, ini bukan negara penguat kuasa, inilah negara yang memberi, yang mempunyai harapan. Inilah yang dimaksudkan harapan ini ialah harapan supaya ada nilai-nilai kasih sayang itu dengan mengurangkan bahagian menghukum.

Menteri ini adalah kawan baik saya dan kami sering berbincang. Saya percaya dia boleh memikirkan perkara ini supaya kementerian ini ada bahagian. Bahagian kaunseling, itu yang penting. Oleh sebab apabila kita tangkap anak itu, bukan masalah dengan majikan, masalah anak ini daripada keluarga mana, mungkin daripada keluarga miskin dan sebagainya. Jadi, ada bahagian kaunseling untuk memastikan supaya benda ini tidak berterusan. Dalam masa yang sama, kita menolong memberi didikan kepada anak-anak.

Akan tetapi kadang-kadang kita memikirkan bahawa kalau pendidikan pergi kepada Menteri 'warna stoking', Menteri Pendidikan. Bukan macam itu, tidak boleh main *pass* macam itu ataupun Menteri 'liberal agama', tidak boleh. Kita kena bagi kepada kementerian ini sendiri. Kementerian ini sendiri yang mengelolakan masalah yang dihadapi. Inilah yang terbaik untuk sesuatu kementerian itu lebih berkesan dengan mereka mengendalikan sendiri perkara-perkara yang menimbulkan masalah di kementerian mereka.

Tadi saya hendak sambung Yang Berhormat Sekijang tadi ya. Jadi, saya- Yang Berhormat Sekijang menyebut bahawa tentang daripada maahad tahfiz. Dalam perjalanan kehidupan saya di jalan raya ini walaupun saya tertangguh sekejap berjalan kerana tidak berapa sihat tetapi sepanjang masa saya berjalan. Saya menjaga bencana. Saya belum jumpa lagi yang kes anak-anak daripada maahad tahfiz. Akan tetapi rumah anak-anak yatim banyak, semua kawan-kawan saya ini mengalami daripada rumah anak-anak yatim. Dia pun beritahulah, daripada rumah anak-anak



yatim mana-mana. Dia mesti menggunakan kanak-kanak sebab simpati kita lebih kepada kanak-kanak. Ini kita tidak perlulah menghukum ustaz itu sampai RM50,000 sebab menggunakan kanak-kanak.

Akan tetapi yang pertama sekali, kita hendak tanya, adakah meminta derma dan meminta sedekah menggunakan kanak-kanak ini ialah dianggap juga pekerjaan sebab ia merupakan sumber pendapatan. Kalau pekerjaan, maka Yang Berhormat kena ada *the so called* bahagian kaunseling yang saya maksudkan tadi supaya rakyat Malaysia itu dibina di atas dasar pendidikan, bukan di atas dasar penguatkuasaan, hukuman dan sebagainya. Jadi, saya menyokong Yang Berhormat, pindaan ini dan Yang Berhormat buatlah yang terbaik supaya bahagian pendidikan itu diperhebat di kementerian Yang Berhormat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Saya persilakan Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Dia kata hendak lima minit sahaja.

#### 4.27 ptg.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Lima minit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan ringkaskan perbahasan saya. Terlebih dahulu saya ingin berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan saya peluang untuk berbahas. Dua, tiga hari Yang Berhormat Jelutong hanya tertarik dengan perbahasan pada hari ini. Akan tetapi sebelum itu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia. Memang menjadi sejarah hari ini di dalam Parlimen. Pertama kalinya selepas kita merdeka, seorang Menteri kerajaan keluar ke pintu pagar Parlimen untuk menerima satu memo daripada pihak-pihak yang membantah. Tidak pernah, tidak pernah dalam sejarah kita di Malaysia, Menteri Barisan Nasional–UMNO tidak pernah keluar untuk menerima apa-apa memo dan sebagainya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ini adalah...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan. Yang Berhormat tanya Menteri, siapakah Menteri pada zaman tersebut yang *pi* terima macam-macam memorandum di sana? Yang Berhormat, saya di antara orang yang selalu pergi ke

sana. Tadi pun saya berhenti. Yang Berhormat tidak berhenti, saya berhenti dan bagi sokongan supaya gaji minimum bukan RM1,050 tetapi RM1,150. Saya menyokong tadi.

**Seorang Ahli:** RM1,500.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** RM1,500.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya— tetapi Yang Berhormat Arau hari ini memang *handsome* lah. Nampak macam P. Ramlee, pakai songkok dengan cermin mata hitam. Akan tetapi saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Teruskan Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** ...sekali lagi ingin merakamkan penghargaan saya. Ini adalah pendekatan yang memang kita selalu amalkan dalam Pakatan Harapan. Walaupun kita tidak sehaluan, ada perbezaan pendapat, kita sebagai kerajaan akan menerima apa-apa teguran. Pada masa yang sama, saya cuma ingin memberikan pendapat saya.

Apabila saya melihat rang undang-undang yang telah diletakkan di atas meja saya, saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat bahawa undang-undang ini pada asalnya telah pun diluluskan pada tahun 1966. Kebanyakan daripada terma-terma yang digunakan adalah dalam bahasa Malaysia. Dengan izin, saya mohon merujuk kepada muka surat enam, *work conducted in hazardous environment*, terdapat lebih kurang 10 atau 15 jenis pekerjaan yang telah ditafsirkan. Akan tetapi hairannya ia tidak diterjemahkan dalam bahasa Malaysia.

#### ■1630

Jadi saya cuma ingin menarik perhatian Yang Berhormat, kalau boleh perkara ini diberi perhatian. Kakitangan di pejabat Yang Berhormat bolehlah juga disarankan untuk menyediakan tafsiran-tafsiran dalam bahasa Malaysia.

Bahasa Malaysia adalah bahasa ibunda kita yang perlu kita martabatkan. Kalau Barisan Nasional dan UMNO sudah perintah 60 tahun, tidak boleh bazirkan masa untuk memberi perhatian kepada perkara ini, tahulah kita dahulu UMNO pernah menuduh DAP anti-Melayu, anti-bahasa Malaysia dan sebagainya. Sekarang sekurang-kurangnya Pakatan Harapan boleh memberi perhatian kepada perkara ini dan menyediakan penterjemahan dalam bahasa Malaysia supaya apabila rang undang-undang ini diluluskan, peguam ataupun pihak-pihak tertentu boleh mengambil

perhatian dan memahami dengan lebih terperinci. Umpamanya kita beri perhatian kepada perkara B.1.(i) dalam muka surat enam. “*Work that produces ionizing radiation or work in an environment with ionizing radiation*”. Apakah tafsirannya dalam bahasa Malaysia? Saya ingin mengetahui. Ini adalah perkara-perkara yang harus diberi perhatian.

So, saya ingin menyarankan kepada Yang Berhormat, kita tahu bahawa Yang Berhormat adalah seorang yang berjiwa rakyat, seorang yang bertungkus-lumus bekerja, tiap-tiap hari saya difahamkan, kadangkala tidur pun lebih kurang dua ke tiga jama sahaja. Jadi saya minta kalau boleh Yang Berhormat memberi penekanan kepada perkara ini dan menyediakan tafsiran-tafsiran supaya kita tidak menjadi seperti Barisan Nasional UMNO seperti dahulu. Walaupun selalu menguar-uarkan kononnya memartabatkan bahasa Malaysia tetapi perkara ini langsung tidak diberi perhatian.

**Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat. Minta penjelasan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Jadi saya mohon... Silakan. Saya beri, sila.

**Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kelmarin saya bercakap, Yang Berhormat tidak tengok saya bercakap. Yang Berhormat jangan sebut UMNO-Barisan Nasional dahulu. Sebahagian besar daripada pemerintahan kami ialah diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Mahathir. Kalau Yang Berhormat bantai dia, Yang Berhormat menghina Tun Mahathir. Mana boleh macam itu. Kami pun sokong Tun Mahathir, Yang Berhormat kena sokong.

Akan tetapi cara Yang Berhormat hentam UMNO itu, hentam Tun Mahathir. Kena ingat semua 90 peratus daripada kehebatan negara ini dibina pada zaman Tun Mahathir. Kalau maki dahulu, maki dia, bukan maki kami. Kami kemudian, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Jadi dengan– terima kasih Yang Berhormat Arau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Mohd Rashid Hasnon]:** Ada 13 saat lagi.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Untuk makluman Yang Berhormat Arau, saya cuma ingin mengakhiri perbahasan saya dengan pantun.

*Mahathir Mohamad, Anwar Ibrahim,*

*Gandingan hebat masa depan terjamin,*

*Dari Langkawi kita ke Port Dickson,  
Sekarang Pakatan Harapan sampai di Putrajaya.*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Tidak kena.

**Beberapa Ahli:** Tidak kena, tidak kena, pantun itu tidak kena.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Jelutong, saya ingin menjemput Yang Berhormat Masjid Tanah. Silakan.

**4.33 ptg.**

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Terima kasih. Terima kasih saya ucapkan kepada...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Jelutong, pantun tidak betul itu. Pantun dia salah.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Nasib baik bukan orang Melaka. Nasib baik bukan orang Melaka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang untuk memberikan saya bersama-sama berbahas pada petang ini. Setinggi tahniah dan penghargaan saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri bersama dengan kementerian di atas usaha yang telah diberikan bagi sama-sama melihat dan juga membincangkan bagi melindungi dan juga menghargai khusus untuk kanak-kanak di dalam sektor guna tenaga kerja di Malaysia.

Sebagaimana yang telah disebut oleh imam Ibnu al-Arabi, "*Anak-anak adalah amanah Allah.*" Jika dibiasakan dengan kebaikan, maka sebahagian daripada kebaikan itu akan dapat kepada ibu bapa. Akan tetapi sekiranya anak-anak itu diabaikan maka celaka akan berlaku kepada anak itu dan sebahagiannya juga akan pulang balik kepada ibu dan ayah. Maka dosanya dibebankan kepada ibu bapanya atau walinya.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat sejak akhir-akhir ini banyak pihak yang mula membuka mata tentang isu guna tenaga kerja kanak-kanak. Banyak yang menimpa anak-anak dan kita Malaysia cukup bertuah kerana kita masih lagi menghargai dan juga melihat tentang peri pentingnya hubungan kekeluargaan, peri pentingnya anak-anak ini dalam sektor institusi kekeluargaan yang memberi kepada potensi negara akan datang. Menurut sebagaimana Organisasi Buruh Antarabangsa yang telah menyebut seramai 152 juta kanak-kanak yang terlibat dalam sektor industri buruh kanak-kanak ini. Manakala di Asia Pasifik juga terlibat lebih kurang dalam 11 peratus

dan itu juga adalah merupakan jumlah yang agak tinggi dan di Malaysia pastinya tidak terkecuali.

Sebagaimana yang telah disebut oleh sahabat-sahabat yang tadi, yang mana menyebut laporan juga mengatakan bahawa 200 ribu buruh kanak-kanak yang terlibat di dalam sektor guna tenaga kerja ini cukup amat merisaukan dan juga amat membimbangkan khususnya untuk kita. Kita sebagai ibu dan ayah yang pastinya boleh membandingkan tentang keadaan mereka. Mungkin disebabkan oleh kemiskinan, disebabkan oleh faktor keluarga, disebabkan oleh persekitaran mereka yang menyebabkan mereka terdedah, yang memerlukan mereka untuk bekerja.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah berbaloi dengan menaikkan umur daripada 14 tahun ke 15 tahun dan juga kita perlu lihat *nature* seorang kanak-kanak itu bagaimana. Waktu umur itu mereka sepatutnya berada di sekolah, sewaktu umur itu mereka bermain dengan kawan, sewaktu umur mereka itu perlu dilindungi dan juga mereka itu harus dihargai, disayangi dan sebagainya.

Akan tetapi pada waktu itu, untuk kanak-kanak yang tidak berkemampuan, mereka terpaksa bekerja. Mereka sepatutnya berhak kepada kesihatan, hak kepada keselamatan, hak kepada mereka untuk dihargai dan berada di dalam komuniti mereka yang patut dilindungi sejak daripada mereka itu dilahirkan. Bayangkan kalau kita melihat bahawa anak-anak ini bekerja di ladang, berpanas dalam membuat kerja-kerja yang tidak sepatutnya untuk misal kata anak yang sekecil sembilan atau 10 tahun bekerja di ladang dan membuat kerja berat.

Saya cabar Yang Berhormat Bagan Serai kalau tengok, suruh dia buat kerja ladang, *confirm* dia pun tidak boleh buat. Sebab apa? Dia selalu *check* orang sahaja dekat klinik. Jadi, bayangkan ketahanan yang mereka ada itu tidak sama dengan ketahanan yang ada pada fizikal seorang yang dewasa dan apatah lagi ketahanan mental. Di negara kita ini, ketahanan mental untuk kanak-kanak sudah semakin ramai.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Masjid Tanah. Boleh sekejap?

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Silakan.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Masjid Tanah sama ada bersetuju atau tidak apabila kanak-kanak ini kita benarkan menjalankan tugas sebagai pekerja walaupun ringan atau berat, mereka terdedah kepada kemalangan. Apabila berlaku kemalangan, adakah mereka ini juga dilindungi oleh insurans, SOCSO ataupun pelbagai perkara

yang boleh mendatangkan faedah kepada mereka apabila berlakunya kematian, kecacatan ataupun sebagainya apabila mereka dibenarkan bekerja. Terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Jelebu di atas soalan itu sebab itu adalah merupakan satu soalan yang – perkara yang perlu diberi perhatian. Kalau yang dewasa ini pastinya terikat dengan kontrak dan sebagainya, EPF, SOCSO dilindungi. Adakah kerajaan bersedia untuk memberikan skim perlindungan kanak-kanak yang bekerja ini? Adakah kerajaan akan mempertimbangkannya?

Dari segi penguatkuasaan dan juga pemantauan, pindaan terhadap subseksyen (14), sub (1) dan saya hendak tanya sejauh mana kesediaan pihak kerajaan, pihak kementerian untuk *bombard* isu ini dengan izin, adakah dengan menaikkan tempoh satu kepada dua tahun, tiga kepada lima tahun, lima ribu kepada 50 ribu dan 10 ribu kepada 100 ribu adalah berbaloi? Adakah ia mencukupi?

Dengan kita menggadaikan masa depan kanak-kanak ini yang belum tentu pastinya cerah ataupun tidak dan mereka terpaksa melupakan padang mainan mereka semata-mata untuk mencari sesuap rezeki. Adakah kita bersedia untuk mengenakan tindakan yang lebih berat untuk mereka khusus untuk majikan-majikan yang tidak bertanggungjawab? Apatah lagi untuk sektor pekerjaan yang melibatkan, yang boleh membahayakan kepada kanak-kanak ini.

Begitu juga saya juga melihat kepada data UNICEF pada tahun 2015, lebih kurang 60 ribu kanak-kanak yang bekerja di Sabah yang mana antara mereka itu ramai kanak-kanak daripada warga negara Indonesia dan Filipina dan ini adalah satu jumlah yang cukup besar. Bagaimana pula keadaan kanak-kanak ini? Adakah kita pihak kerajaan bersedia untuk menangani pekerja buruh kanak-kanak ini untuk mereka turut juga dilindungi? Ini kerana saya faham kita ada ordinan yang melindungi untuk Sabah dan Sarawak yang mungkin berbeza. Akan tetapi saya ingin tahu bagaimanakah kesediaan pihak kerajaan dalam menangani perkara ini?

■1640

Seterusnya, apakah cara pihak kerajaan akan guna pakai oleh kementerian untuk mengesan buruh kanak-kanak ini dalam sektor-sektor yang tidak terlibat sebagaimana yang dinyatakan. Memang banyak yang dinyatakan tetapi hari ini sebagai mana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Rantau Panjang dan juga kawan-kawan yang lain, ada sektor-sektor yang kadang-kadang kita terlepas pandang ataupun pada masa akan datang. Contohnya, dalam sektor sosial media yang hari ini telah menggunakan kanak-kanak yang juga mengeksploitasikan kanak-kanak. Kalau

kita tidak bendung, kalau kita tidak lindung kanak-kanak ini, siapa lagi yang akan lindung dan juga jaga mereka.

Saya perlu merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan kerana dengan memberikan peluang kepada *stateless children* ini. Sekurang-kurangnya kita dapat mengurangkan jumlah buruh kanak-kanak yang tidak opsyen untuk mereka bersekolah, akan tetapi mereka terpaksa bekerja. Ini kerana mereka tidak ada pilihan lain selain daripada untuk meneruskan kehidupan mereka. Sekurang-kurangnya dengan adanya pilihan untuk mereka bersekolah di sekolah pihak kerajaan, pastinya ia akan memberi sinar untuk kanak-kanak ini.

Saya juga ingin bertanya kepada kementerian, adakah pihak kementerian mempunyai mekanisme ataupun cara untuk mengukur ataupun bercadang untuk memperluaskan skop ini kepada bentuk-bentuk pekerjaan, sama ada secara sukarela atau dipaksa. Atau adakah, sekiranya *production* itu adakah ia untuk digunakan sendiri. Contohnya buah yang dipetik di ladang itu adalah untuk kegunaan keluarga ataupun adakah untuk kegunaan *mass* dan sebagainya. Adakah kita mempunyai ukuran ini? Sekurang-kurangnya sekiranya ada ukuran ini, ia penting untuk dapat membantu sekiranya terdapat segala permasalahan selepas ini.

Akhir sekali, saya ingin menggesa pada pihak kementerian walaupun terdapat pindaan yang dibuat dan juga dilihat ini begitu prihatin tetapi kita juga lihat bahawa perlunya pada penguatkuasaan, pemantauan dan sebagainya. Akan tetapi, saya juga harap pihak kerajaan dapat bekerja rapat dengan sektor-sektor lain, kesatuan sekerja, masyarakat, NGO dan sebagainya untuk kita pada suatu hari nanti mungkin dapat mewujudkan satu Pelan Bertindak Kebangsaan Buruh Kanak-kanak khusus untuk menangani masalah ini. Dengan itu, Masjid Tanah menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Masjid Tanah.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Jelebu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya ingin menjemput Yang Berhormat Lipis.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Baru bangun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Awal dah.

4.42 ptg.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua... [Disampuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Lima minit.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** ...kerana mengizinkan saya turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) (Pindaan) 2018 pada hari ini.

Masalah ini sebenarnya masalah yang tidak asing lagi. Seluruh negara sebenarnya perkara ini berlaku. Kalau mengikut laporan statistik daripada ILO pada tahun 2017, kita mencecah sehingga 152 juta kanak-kanak di seluruh dunia berumur antara 15 ke 17 tahun terbabit sebagai buruh iaitu 64 juta kanak-kanak perempuan dan 88 juta kanak-kanak lelaki.

Jadi, ekoran daripada ini, kita sebagai negara yang cukup baik sekarang ini, cukup makmur dan sebagainya angka buruh kanak-kanak ini lebih meningkat mencecah ratusan ribu yang berlaku di dalam dunia. Sebab itu, saya dapat mengamati satu ucapan Yang Berhormat Menteri daripada Ipoh Barat yang membuat sidang media pelancaran *World Day Against Child Labour 2018* yang pada bulan lepas bahawa buruh kanak-kanak di Malaysia masih terkawal. Kalau sedemikian rupa, saya merakamkan ucapan tahniah.

Cuma, saya hendak tahu apakah perkataan terkawal? Adakah ia terkawal sedangkan rakan-rakan saya tadi ada menyebut, bahawa di Sabah sahaja mencecah sehingga 200,000 lebih, buruh kanak-kanak di Sabah. Jadi, bukan kita hendak mengata soal Sabah. Terdapat mungkin daripada buruh asing yang ramai di Sabah tersebut. Akan tetapi, ini mungkin salah satu langkah yang diambil oleh pihak Menteri bahawa perkara ini dipandang serius untuk kita laksanakan bagi mengatasi masalah yang timbul pada hari ini.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Lipis. Yang Berhormat Lipis. Boleh minta sekejap. Saya minta maaf kerana saya terpaksa mencelah kerana kekurangan masa. Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Lipis baca ILO ada 152 juta, 157 juta. Masalah buruh kanak-kanak ini Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja untuk negara Malaysia tetapi di seluruh dunia. Kenapa buruh kanak-kanak ini bertambah ramai kerana populasi masyarakat dan rakyat bertambah ramai. Lagi negara yang banyak rakyat, lagi banyak buruh kanak-kanak.

Contohnya di India. Lagi ramai jumlah buruh kanak-kanak di India, lebih ramai daripada populasi rakyat di Malaysia. Cuma, saya hendak tanya kepada Yang



Berhormat Lipis. Setuju atau tidak kita minta kepada kementerian, ada tidak buat satu kajian impak tentang buruh kanak-kanak ini untuk negara kita supaya daripada kajian ini boleh kita jadikan sebagai satu *benchmark* bagaimana untuk kita mengatur urus landasan supaya kanak-kanak ini tidak diperjudikan nasib dan masa depan mereka, khususnya dalam soal pendidikan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Lipis.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Dia dah makan masa saya seminit lebih. Akan tetapi, saya tahu tujuan dia untuk dapat ucapan. Oleh sebab saya rasa dah tidak sempat hendak berucap, dia gunakan masa saya untuk berucap.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya setuju dengan Yang Berhormat Jelebu. Boleh masuk dalam ucapan saya sebenarnya. Oleh sebab dalam ucapan saya pun ada menyebut bahawa mestilah kita menjejak angka, berapakah data-data, kita ingin tahu jumlah buruh kanak-kanak di negara kita ini sendiri. Oleh sebab kita memang boleh lihat di mana-mana sebenarnya, di kawasan saya, kawasan terpencil. Akan tetapi dia mungkin ada beberapa faktor seperti yang dikatakan oleh rakan-rakan saya sebentar tadi. Mungkin disebabkan kemiskinan, ibu bapa terpaksa bawa anak, mungkin terpaksa ibu bapa yang susah, daif, sakit dan sebagainya. Terpaksa meletakkan bahawa anak mereka ini perlu bekerja untuk menampung sara hidup.

Dalam soal kementerian, sebenarnya saya puji Yang Berhormat Menteri untuk buat langkah perkara ini. Sebab kita hendak kawal. Akan tetapi, dalam kawalan kita ini kita hendak melihat juga apa masalah dan boleh kita mendapat data yang berlaku di negara kita ini. Risikonya sangat tinggi kepada buruh kanak-kanak ini, kawan-kawan kata tadi SOCSO dan sebagainya, mungkin kemalangan, mungkin tidak boleh diinsuranskan kerana di bawah umur untuk mendapatkan pekerjaan ini. Masa sangat singkat, mencemburui. Selalu orang gunakan perkataan itu.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Saya hendak mencelah sedikit fasal SOCSO. SOCSO. Fasal SOCSO.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Jadi, dalam soal ini saya ingat ini Yang Berhormat yang itu akan bagi pada Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa sudah habis.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Ha? Okey, okey.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Ha, tengok dia sudah bagi *signal* akan bagi pada Yang Berhormat Parit Sulong. Ini memang Yang Berhormat Parit Sulong selalu dapat punya. Jadi, soal ini untuk meringkaskannya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Soalnya saya hendak bertanya berapa ramai kah kekuatan penguatkuasaan kita sebenarnya? Saya tidak tahu sebenarnya angka, berapa ramai kah kakitangan di Kementerian Sumber Manusia? Apa yang saya dimaklumkan terlalu kecil jumlah kakitangan di— kalau ini saya cadangkan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua supaya dalam sidang bajet yang dibentangkan pada 2 hari bulan ini, kementerian tambahlah kakitangan. Kalau tidak cukup, ambil daripada, tambah bajet untuk menambahkan kakitangan. Kalau boleh buat R&D untuk menentukan hala tuju negara kita. Oleh sebab itu saya menyokong kerana ini kesan yang baik. Maknanya untuk negara kita dalam keadaan ekonomi pada hari ini dan sebagainya. Saya percaya banyak yang bertumpu kepada perladangan.

Jadi, kalau bertumpu perladangan, perlu banyak buruh sebenarnya. Jadi, terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan pada saya untuk berbahas pada petang ini. Saya rakamkan ucapan terima kasih dan saya mohon menyokong usul ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bukit Bendera.

**4.49 ptg.**

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyertai perdebatan Rang Undang-undang Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) (Pindaan) 2018. Tuan Yang di-Pertua. Hari ini ialah 17 Oktober merupakan *International Day for the Eradication of Poverty*. Hari antarabangsa untuk penghapusan kemiskinan dan tema tahun ini "*coming together with those furthest behind, build an inclusive world of universal respect for human rights and dignity*." Oleh itu, buruh kanak-kanak juga berkaitan dengan kemiskinan, berkaitan dengan hak asasi manusia. Objektif pindaan seperti yang telah dibincang secara panjang lebar oleh Yang Berhormat Menteri ialah pematuhan terhadap konvensyen *International Labour Organization (ILO)* iaitu *Minimum Age Convention 1973* yang telah diratifikasikan oleh Malaysia pada tahun 1997 serta *Worst Forms of Child Labour Convention 1999* yang telah diratifikasi oleh Malaysia pada tahun 2000.

■1650

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita imbas kembali perundangan terhadap umur minimum untuk pekerjaan didapati ia boleh dirujuk balik 100 tahun lalu. Iaitu *Minimum Age (Industry) Convention 1919* (ILO) iaitu 100 tahun lalu berakhirnya perang dunia pertama. *Minimum Age Convention* tersebut ialah 14 tahun. Oleh itu sepanjang sejarah perundangan, kita juga kalau *Children and Young Persons Ordinance* pada tahun 1947. Pada waktu itu, kanak-kanak ditakrifkan sebagai 12 tahun dan *young person* 16 tahun. Sepanjang 100 tahun ini kita melihat, dari 14 tahun sehingga hari ini 15 tahun. So, tempoh 100 tahun kita maju satu tahun sahaja. Definisi untuk kanak-kanak sekarang ialah untuk akta ini, 15 tahun dan *young person* antara 15 tahun hingga 18 tahun.

Saya ingin menarik perhatian dari segi sejarah, kerana saya lihat bahawa sekarang zaman berbeza, cabaran juga berbeza. Pada masa ini, cabaran baru ialah *Industry Revolution* ke-4. Berbeza dengan *Industry Revolution* Pertama pada 100 tahun lalu. Saya meminta Yang Berhormat Menteri memberikan satu polisi *paper* untuk menunjukkan kesiap siaga kerajaan untuk menyediakan kanak-kanak dan orang muda untuk alam pekerjaan. Untuk zaman Revolusi Industri ke-4, ini juga termasuk *reform* dalam segi akademik sekolah, *reform* dari segi pendidikan teknikal dan latihan vokasional. Ini memastikan bahawa tiada anak-anak dan orang muda tertinggal di belakang. Seperti pepatah bahasa Inggeris, "*No child is left behind*".

Yang Berhormat Menteri perlu juga memantau pelaksanaan akta pindaan ini supaya tidak prejudis dengan peluang kanak-kanak dan orang muda untuk menghadiri sekolah. Saya faham di kawasan-kawasan sosioekonomi yang mencabar, kanak-kanak dan orang muda perlu bekerja untuk membantu kehidupan keluarga. Adalah diharapkan supaya latihan-latihan awal yang mereka terima dalam usia muda dapat membantu mereka maju ke kedudukan yang lebih baik dalam pendapatan ekonomi keluarga. Adalah menjadi tugas kerajaan untuk memastikan hak-hak sivil, ekonomi, kesihatan dan kebaikan kanak-kanak dan orang muda terbela.

Sejajar dengan pindaan jadual, saya dapati bahawa pindaan jadual perlu dibuat dari semasa ke semasa sejajar dengan perkembangan global. Sama ada inisiatif ILO, United Nations dan juga pasaran buruh yang berubah dari segi sains, teknologi, inovasi *cross border*, *trade* dan *digital economy*. Pekerjaan akan menjelma dalam pelbagai bentuk dan *social protection* yang cukup perlu diwujudkan. Saya meminta supaya pindaan akta ini, bukan atas Kertas Statut sahaja, bukan atas untuk memenuhi keperluan ILO sahaja.

Akan tetapi, penguatkuasaan ditingkatkan di seluruh negara untuk memberikan makna terhadap pindaan akta ini sama ada terdapat pendaftaran, *registration* dilakukan untuk menjaga hak buruh orang muda. Saya minta pihak kementerian juga melihat akta-akta lain seperti Akta Pekerjaan, *Industrial Relations Act*, Akta SOCSO, EPF, *Employment Insurance Scheme* dan sebagainya. Supaya buruh kanak-kanak dan orang muda nasib mereka boleh terbelak. Oleh itu, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Saya ada 13 lagi senarai yang hendak berbahas. Oleh itu...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Boleh, saya sekejap saja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya..

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah siap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya menjemput Yang Berhormat...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Jelebu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Jelebu.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pendek, saya potong pendek, bagi pendek sahaja Tuan Yang di-Pertua. Boleh duduk Yang Berhormat Parit Sulong sekejap? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pertama saya hendak terus pada poin saya Tuan Yang di-Pertua. Adakah pihak kementerian mempunyai data terkini tepat mengenai pecahan pekerja kanak-kanak dan orang muda ini mengikut negeri? Kita hendak kena pergi ke *micro manage* dulu, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Sektor pekerjaan bangsa dan jantina. Apakah pola perubahan jumlah pekerja kanak-kanak ini dalam tempoh lima tahun terkebelakang? Supaya kita boleh buat *comparison*, sama ada masalah buruh kanak-kanak ini akan bertambah daripada tahun ke tahun.

Tuan Yang di-Pertua, jika dilihat dari satu segi yang lain, pekerja separuh masa dalam kalangan pelajar bawah usia 16 tahun semakin meningkat dan seharusnya mereka mesti tahu akan hak mereka supaya mereka tidak terus ditindas. Ini kerana apabila mereka tidak tahu hak mereka sebagai pekerja sambilan, sebagai pekerja tetap ataupun pekerja yang sementara. Maka, pihak majikan akan mengambil kesempatan di atas kelemahan buruh kanak-kanak ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya juga kepada pihak kementerian sepanjang tahun 2017 sehingga ke suku ketiga tahun 2018, berapakah jumlah laporan

yang diterima oleh pihak kementerian berkenaan eksploitasi buruh kanak-kanak? Berapakah pula jumlah syarikat ataupun majikan yang telah diambil tindakan kerana mengajikan ataupun menggunakan kanak-kanak ini sebagai salah satu daripada *exit plan* ataupun pelan keluar mereka bagi mencukupkan tenaga pekerja bagi mereka?

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya janji sekejap sahaja. Saya hendak secara umumnyalah. Saya sudah fikir-fikir masalah penggajian buruh kanak-kanak ini. Kita ada lima faktor utama yang menyebabkan, yang telah dikenal pasti mungkin berkaitan dengan buruh kanak-kanak di seluruh dunia. Pertama kemiskinan. Saya sudah sebut dalam celahan saya bahawa faktor kemiskinan sesuatu negara itu adalah antara faktor penyumbang terbesar kepada buruh kanak-kanak yang semakin hari semakin bertambah. Akan tetapi, kita jangan lupa Tuan Yang di-Pertua, bahawa kemiskinan keluarga itu juga menyebabkan sumbangan dan juga menyebabkan bertambahnya buruh kanak-kanak di kalangan keluarga-keluarga miskin.

Walaupun ini merupakan satu perkara yang menyalahi sebahagian daripada undang-undang dan peraturan Akta Buruh di dalam Perlembagaan kita, tetapi di sesuatu tempat umpamanya kawasan pedalaman. Seperti Parit Sulong umpamanya, banyak buruh kanak-kanak yang digaji oleh keluarga mereka. *[Disampuk]* Maksudnya macam masyarakat Orang Asli di kawasan Parit Sulong.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Saya ada pembetulan sedikit. Parit Sulong dia separuh bandar, kalau hendak ikutkan Batu Pahat tu dia lagi *rural* daripada Parit Sulong.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Parit Sulong minta celahan lain kali.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Minta celahan.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Sama ada saya bagi atau tidak bagi.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Sama, sama kawasan kita sama.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Lagi dua minit sahaja.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Saya membantu juga ni Yang Berhormat Batu Pahat.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Okey, tinggal dua minit. Contoh, saya hendak bagi tahu Tuan Yang di-Pertua. Contohnya, macam masyarakat Orang Asli, satu keluarga masyarakat Orang Asli, masyarakat yang susah tetapi mereka ada enam orang anak, ada sepuluh orang anak. Seawal 10 tahun, 13 tahun, 14 tahun, 15 tahun mereka kerah pergi panjat petai. Adakah ini dianggap sebagai pekerja atau buruh

kanak-kanak yang mendatangkan pendapatan? Maknanya, apa yang saya boleh kata bahawa, dalam perkataan apa? Maknanya...

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Bukan. Kaedah dan keadaan ini adakah boleh kita anggap sebagai buruh ataupun menggunakan kanak-kanak sebagai punca pendapatan kepada keluarga mereka? Satu perkara.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, sekarang BR1M sudah tidak ada, bantuan nelayan sudah tidak ada, bantuan kepada golongan FELDA tidak ada. Ini semua penyumbang kepada bertambahnya buruh kanak-kanak. Jadi kementerian kena ambil satu langkah tegas supaya keadaan ini tidak boleh dieksploitasi oleh mana-mana pihak dan mengambil kesempatan ke atas kanak-kanak ini tadi.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, kanak-kanak sebagai buruh murahan, *cheap labour* dengan izin saya sudah sebut tadi. Jadi majikan ambil kesempatan hendak untung banyak tidak payah bayar SOCSO, tidak payah bayar EPF, tidak payah bayar insurans, tidak payah bayar segala perkara, maka ambil kanak-kanak dan *in fact* tidak adapun rekod pekerja ini di dalam rekod staf mereka di dalam syarikat dan juga agensi yang terlibat Tuan Yang di-Pertua.

Perkara ketiga, kurang prihatin dan kepentingan pendidikan di kalangan ibu bapa. Mereka fikir bahawa anak-anak ini pergi belajar pun tidak ada makna. Ini kerana apa? Lulus universiti tidak ada kerja. Keluar universiti tiada karier. Mereka fikir bahawa *scroll*— macam anak saya *scroll* dapat ijazah kelas pertama, ada tiga orang Tuan Yang di-Pertua. Masih tidak ada kerja. Ibu bapa mesti fikir hantar universiti tidak ada kerja, baik daripada kecil pergi jaga gerai, pergi panjat petai atau pergi buat kerja sampingan boleh bagi *income* kepada keluarga dan sebagainya.

Ada dua lagi Tuan Yang di-Pertua, saya minta tolong bagi saya masa sedikit. Satu sikap masyarakat, yang keempat ni Tuan Yang di-Pertua sikap masyarakat. Penggunaan kanak-kanak sebagai buruh ada kaitannya dengan sikap masyarakat yang menerima perkara ini sebagai satu norma kehidupan atau norma sosial yang menjadi amalan di kalangan masyarakat luar bandar dan masyarakat pendalaman. Mungkin di *urban area* ini tidak menjadi masalah, tetapi masalah masyarakat miskin ini sudah merupakan satu *typical exercise* dengan izin yang diamalkan oleh masyarakat yang kurang pendapatan di kalangan keluarga mereka. Selebih-lebih lagi bagi keluarga Melayu Tuan Yang di-Pertua.

■1700

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah faktor sosial. Faktor sosial ini maknanya seperti sebagai Ahli Parlimen, sebagai wakil rakyat— Yang Berhormat Rasah pun setuju dengan saya, saya fikir. Kita wakil rakyat kampung. Ibu bapa datang, ibu bapa bercerai, anak jadi mangsa. Ibu bapa sakit buah pinggang, bapa sakit buah pinggang, mak sakit buah dada, anak jadi masalah. Kanser buah dada maksud saya, minta maaf. Ibu bapa kena tangkap dadah, mak kena tangkap jenayah, anak jadi mangsa. Ini semua adalah penyumbang kepada buruh kanak-kanak yang tidak terkawal.

Akhirnya saya hendak minta daripada pihak kementerian supaya satu kajian terperinci boleh diambil dan menetapkan satu garis panduan supaya eksploitasi kanak-kanak ini tidak berleluasa lebih-lebih lagi untuk masa-masa tahun-tahun yang akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Saya jemput Yang Berhormat Tangga Batu.

#### **5.01 ptg.**

**Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan cuba mengelakkan menyentuh perkara yang sama. Akan tetapi tujuan saya adalah untuk mengukuhkan hujah menyokong pindaan rang undang-undang. Jadi saya menyokong pindaan yang dibuat ini demi menambah baik akta dan juga menjaga kepentingan kanak-kanak dan orang muda agar kebajikan dan pelajaran anak-anak ini tidak terganggu.

Mereka adalah generasi pewaris pemimpin negara. Jika kita gagal menjaga kebajikan dan pendidikan kanak-kanak, maka negara dalam hala tuju yang pincang. Kita maklum, terdapat kanak-kanak yang terpaksa bekerja kerana kemiskinan. Namun, kita perlu melihat bidang-bidang diceburi kanak-kanak ini untuk bekerja adalah selamat untuk mereka.

Tan Sri Lee Lam Thye, Naib Pengerusi Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia mendedahkan statistik melibatkan pelajar sekolah dalam kegiatan jenayah dalam tahun 2017 adalah membimbangkan. Pergaulan bebas dan peningkatan jenayah kanak-kanak sebegini juga didorong oleh pengalaman mereka bergaul dengan pelbagai jenis orang muda dan dewasa semasa bekerja.

Jika diperhatikan, anak-anak muda kita sekarang banyak bekerja di bidang-bidang seperti berikut. Pertama, selain daripada perladangan tadi, tetapi sekarang yang kita lihat kalau di kawasan saya yang diberitahu oleh guru-guru, pertama, di kedai-kedai makan. Kedua, perkhidmatan katering, orang kahwin dan majlis-majlis lain.

Ketiga, kedai-kedai *top up*. Seperti yang dinyatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kita, contohnya Yang Berhormat Kota Melaka, sekarang kedai-kedai *top up* ini adalah menjadi kedai judi *online*. Jadi ini pun perlu diperhatikan supaya kanak-kanak ini tidak terlibat secara langsung dan menjadi *master* pula dalam hal ini.

Keempat, jualan macam tadi itulah yang disebut oleh Yang Berhormat Sekijang tadi, jualan barang, ubat dan di R&R iaitu untuk kanak-kanak yang kadang-kadang sampai pukul 12 tengah malam apabila kita singgah di R&R, mereka masih berada di situ. Sekarang lagi ialah anak-anak, contohnya yang pelarian Rohingya, menahan kita di *traffic light* ataupun di lampu isyarat, membahayakan keadaan mereka. Adakah akta ini meliputi mereka anak-anak pelarian ini yang kita tahu memerlukan kewangan?

Saya menyokong pelaksanaan kerana definisi yang lebih jelas dan penegasan dalam pelaksanaan. Ibu bapa dan penjaga perlu diperingatkan anak-anak ini adalah amanah mereka. Masyarakat perlu mengingatkan anak-anak tentang keutamaan hidup iaitu pelajaran adalah yang utama dan jika bekerja dengan tujuan membeli *handphone* yang canggih dan *top up*, maka keutamaan sudah terkesamping.

Pihak sekolah apabila ditanya tentang pencapaian pelajar— kerana kita sekarang hujung-hujung tahun ini banyak pihak sekolah menjemput graduasi pelajar Tingkatan Lima dan sebagainya— mereka menjawab bahawa pencapaian adalah sederhana. Ini adalah segelintir saja, beberapa buah sekolah mungkin di sana di kawasan saya. Ini kerana ramai yang bekerja. Apabila ramai yang bekerja, nanti mereka penat, mereka ponteng sekolah. Tumpuan dia punya kerja sekolah, ulang kaji ini terjejas yang menyebabkan *result* ataupun keputusan peperiksaan tidaklah seperti yang diharapkan. Ini mempunyai hubung kait langsung dengan apabila mereka bekerja.

Kita perlu betulkan perkara ini, Ahli Yang Berhormat sekalian, agar berada di landasan yang betul. Kita jumpa beberapa orang anak-anak yang tidak bersekolah. Dalam masa begini, kita pun pelik macam mana ada anak-anak yang tidak bersekolah kerana kemiskinan. Kajian perlu dibuat secara menyeluruh adakah kenyataan ini benar. Ini supaya jangan kita menjadi apa yang dikejar tak dapat dan yang dikendong keciciran.

Ada dua perkara yang saya ingin persoalkan. Pertama, ibu bapa dan penjaga tadi hasil daripada pindaan akta ini, jika melanggar akta ini, dia akan dipenjarakan. Apabila dipenjarakan, siapa pula yang akan menjaga anak-anak ini? Jadi kita punya hukuman itu, kalau boleh kita bersikap lebih kepada pengajaran dan bukan *deterrent*. Mungkin boleh difikirkan.



Kedua, apakah implikasi bagi negara seperti Malaysia yang meratifikasi 18 konvensyen antarabangsa tetapi tidak ambil tindakan untuk meminda undang-undang buruh selain dari undang-undang ini? Adakah *sanction* atau sekatan akan dikenakan ke atas kita?

Jadi dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang pindaan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Saya ingin menjemput Yang Berhormat Parit Sulong.

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** Pasir Puteh belum lagi, Tuan Yang di-Pertua.

#### 5.06 ptg.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih. Saya secara ringkas saja sebab banyak telah diperkatakan oleh rakan-rakan tadi. Saya juga setuju bahawa banyak faktor sebenarnya menjadi punca kepada kewujudan buruh kanak-kanak ini yang seperti dinyatakan kawan-kawan seperti kemiskinan, faktor sosial keluarga, terpaksa bekerja untuk menampung keluarga dan yang lain-lainnya.

Saya melihat bahawa kerajaan memanglah ada telah menetapkan bahawa setiap kanak-kanak yang bekerja ini mempunyai ataupun berhak untuk mendapat gaji yang sama rata dengan golongan dewasa berdasarkan Perintah Gaji Minimum. Akan tetapi, masih saya tengok terdapat kelompokan sosial ke atas pindaan ini.

Jadinya yang pertama, saya tengok walaupun kanak-kanak berhak ke atas gaji minimum, mereka masih tidak tertakluk kepada potongan caruman PERKESO yang melindungi mereka daripada sebarang kecelakaan dan juga kemalangan sewaktu bekerja seperti orang dewasa. Apabila perkara ini berlaku, ianya mungkin akan lebih memudaratkan berdasarkan kepada usia mereka.

Jadinya pertanyaan saya kepada pihak kementerian adalah, adakah kementerian akan membuat satu *amendment*, dengan izin, kepada Akta SOCSO? Mungkin kalau ianya dibawa ke dalam Dewan ini, mungkin boleh disekalikan bersama dengan SOCSO untuk perubahan SOCSO ataupun *amendment* SOCSO kepada suri rumah, membolehkan suri rumah untuk mendapat peluang mendapatkan SOCSO juga memandangkan ianya akan dimasukkan ke dalam Dewan. Mungkin ia boleh dibawa bersekali.

Kemudian, saya juga hendak bertanya kepada pihak kementerian, adakah ada badan penguat kuasa yang diwujudkan oleh pihak kementerian yang ditubuhkan

khusus untuk memantau kebajikan kanak-kanak ini? Memandangkan dalam keadaan usia mereka yang masih muda dan juga dalam keadaan yang terdesak, penting untuk satu badan ini diwujudkan dalam kementerian untuk memantau kebajikan-kebajikan mereka.

Keduanya adalah isu yang berkait rapat dengan eksploitasi buruh kanak-kanak. Ini di bawah peruntukan seksyen 29A Akta Pendidikan 1996 yang telah menetapkan bahawa setiap kanak-kanak hanya diwajibkan menghadiri enam tahun pendidikan iaitu sekolah rendah sahaja.

Jadi saya hendak bertanya kepada pihak kementerian sebab ini untuk pendidikan kanak-kanak penting juga. Dalam waktu kita membenarkan mereka bekerja, saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian ada membuat cadangan mungkin berbincang dengan pihak Kementerian Pendidikan untuk berbincang mengenai di bawah Akta Pendidikan ini tempoh untuk diwajibkan ini mungkin dipanjangkan bagi membolehkan kanak-kanak ini mendapat hak pendidikan yang lebih sempurna? Ini kerana kalau kanak-kanak ini tidak dipaksa untuk menyambung pelajaran, mungkin mereka akan terperangkap dalam dunia mereka yang beranggapan bahawa *it's okay* ataupun itu perkara biasa untuk bekerja seawal usia yang dibenarkan di bawah akta ini.

Seterusnya di bawah seksyen 2(2) pula ada dinyatakan mengenai detil-detil dan juga jenis pekerjaan yang dibenarkan.

#### ■1710

Sudah semestinya *guideline* mengatakan bahawa sektor berbahaya dan berisiko itu tidak boleh disertai oleh kanak-kanak. Akan tetapi persoalan yang saya hendak ajukan kepada pihak kementerian, apakah jenis kawalan yang telah dilaksanakan oleh pihak kementerian dalam memantau pelaksanaan jenis-jenis pekerjaan yang dibenarkan oleh pihak kementerian? Hal ini kerana kes buruh kanak-kanak yang dilaporkan ini dalam kajian memaklumkan banyak terdapat di kawasan pedalaman dan mungkin mereka ini tidak tahu apa hak mereka sebagai seorang pekerja. Jadinya persoalan kemudiannya pula, siapa yang akan *educate* mereka? Saya khuatir penggubalan dasar yang dibuat ini memang bagus tetapi pada hakikatnya kanak-kanak akan terus dieksploitasi. Jadinya, bagaimana kementerian hendak memantau perkara ini supaya kanak-kanak kita dapat kita jaga?

Akhirnya, saya hendak minta kementerian juga menyatakan daripada jumlah yang telah dikenal pasti, berapakah kanak-kanak yang terlibat di bawah akta ini yang bekerja dan jumlah majikan yang telah didapati bersalah, yang telah *hire* pekerja-

pekerja yang melakukan kerja-kerja yang dilarang? Di mana *minor* ataupun pekerja bawah umur ini tetapi didapati bersalah, majikan *hire* mereka *but it is wrongdoing*, dengan izin. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Saya ingin menjemput seterusnya daripada Yang Berhormat Pasir Puteh.

#### 5.11 ptg.

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Syabas kepada Kementerian Tenaga Manusia yang telah berjaya membuat satu pindaan yang agak baik untuk kepentingan masa depan rakyat di dalam negara kita. Namun di sana, ada beberapa kelompangan yang perlu kita sama-sama lihat selepas daripada ini iaitu berkenaan dengan buruh kanak-kanak yang dicatatkan oleh sumber JKM, sebagai contoh pada Mac 2013, di mana faktor eksploitasi yang berlaku kepada kanak-kanak berpunca daripada keluarga, rumah kebajikan dan NGO-NGO yang ada di dalam negara kita.

Pada tahun 2012 mencatatkan kes yang dikesan sahaja 1,023 kes. Tahun 2013 meningkat kepada 3,831 kes dan mencatat kes pada tahun 2017 lebih daripada 15,000 kes. Jadi saya lihat kes ini sentiasa naik. Ada kanak-kanak yang terlibat dengan kerja yang sebegini rupa, akhirnya dia terlibat dengan beberapa kes jenayah dan kanak-kanak ini dimasukkan ke dalam kerangka pendidikan juvana. Itu adalah satu langkah yang berpatutan yang diambil oleh pihak kerajaan.

Namun saya ingin tekankan di sana ada kelompangan. Tindakan yang tegas kepada keluarga, tindakan yang tegas kepada rumah kebajikan, kepada NGO-NGO walaupun ada saya kira tidak berpadanan, perlu diambil satu kajian yang lebih teliti supaya eksploitasi ini kepada kanak-kanak tidak lagi berlaku dan angka itu tidak meningkat begitu ketara dari satu tahun ke satu tahun walaupun jumlah penduduk itu meningkat. Apa yang boleh kita sebut, jumlah penduduk meningkat, maka kes ini turut meningkat. Akan tetapi kalau kerajaan boleh menurunkan kes ini, ini adalah satu usaha yang sangat baik. Jadi saya ingin fokuskan di sini iaitu tindakan-tindakan yang lebih tegas dikenakan kepada pihak keluarga, pihak rumah kebajikan dan begitu juga NGO-NGO yang cuba mengeksploitasi pekerja dalam kalangan kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua iaitu berkenaan dengan orang muda dan pekerjaan. Di mana kita lihat kalau negara kita yang ingin kita fokuskan menjadi sebuah negara yang maju, kumpulan muda ini perlu diberi penekanan. Apa yang

berlaku dalam negara kita, golongan muda yang tidak ada jaminan pekerjaan daripada pihak kerajaan dan tidak ada satu tindakan yang lebih rasional bagi golongan muda yang tidak mendapat peluang pekerjaan sehingga kita lihat dalam negara kita ini, penganggur pada tahun 2016. Ini daripada Agensi Antidadah Kebangsaan, tahun 2016, sejumlah 4,533 daripada jumlah penganggur terlibat dengan dadah. Tahun 2017, 4,125 yang terlibat dengan dadah dan kebanyakan mereka ini yang berumur antara 20 hingga 24 tahun bagi tahun 2016 mencecah 5,572 kes dan tahun 2017 mencecah 4,706 kes.

Jadi isu yang seumpama ini, kita perlu tangani dengan pelbagai cara supaya kita apabila meminda Akta Kanak-kanak dan Orang Muda ini sekali gus, ia dapat menyelesaikan masalah yang agak kronik. Saya faham, menyelesaikan masalah ini amat kritikal, kronik. Akan tetapi alangkah baiknya sebuah kerajaan tiba-tiba berjaya yang mampu menjadi model dan contoh kepada negara-negara lain di peringkat antarabangsa.

Juga saya ingin menyarankan supaya kerjasama dibuat antara kementerian-kementerian bagi membolehkan mereka ini berhak untuk mendapat jaminan pekerjaan, jaminan pendidikan, jaminan kesihatan sebagaimana yang dirangka di beberapa negara yang lain kepada kumpulan sasar, yakni kepada generasi muda. Ada beberapa poin saya kira masa sudah tamat. Saya ucap ribuan terima kasih. *Wassalamualaikum warahmatullah.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tampin. Sila.

**5.17 ptg.**

**Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Pertamanya, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian yang telah mengemukakan satu akta yang berhubung kait dengan soal kanak-kanak, di mana kanak-kanak dan orang muda adalah masa depan negara. Ini disebabkan dengan adanya enakmen ataupun akta ini, sekurang-kurangnya kita dapat mencegah pada peringkat awal perkara-perkara yang boleh berlaku sebagaimana yang disebut oleh kawan-kawan kita tadi iaitu soal jenayah, soal pengangguran dan sebagainya. Dengan adanya akta ini, kita yakin dan percaya bahawa soal masa depan anak-anak ataupun masa depan warganegara akan boleh terjamin dengan syarat penguatkuasaan tentang enakmen ataupun akta ini dilaksanakan dengan sebaik

mungkin. Kita tidak mahu ada akta tetapi penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Banyak faktor yang menyebabkan berlakunya penggunaan tenaga kanak-kanak ataupun orang muda di dalam pekerjaan ini dan telah banyak disebut. Mungkin salah satu yang boleh saya sebut di sini ialah faktor iklan yang berlaku berleluasa di negara kita ataupun di seluruh dunia pada hari ini boleh menarik minat kepada orang-orang muda untuk terlibat dengan pekerjaan yang menyebabkan tenaga mereka dieksploitasi oleh pihak-pihak yang berkepentingan. Dengan iklan yang begitu luas dan mempengaruhi anak-anak muda yang cepat tertarik dengan iklan-iklan yang baik ataupun iklan-iklan yang boleh mempengaruhi, menyebabkan ia tercicir dari segi aspek pekerjaan, tercicir daripada aspek pendidikan dan pembelajaran kerana terpengaruh dengan iklan-iklan ini.

■1720

Saya ingin bertanya, apakah ada kaedah-kaedah, pendekatan-pendekatan yang akan digunakan oleh kementerian untuk membina satu gagasan supaya iklan-iklan yang disebarkan melalui media massa, melalui sesawang-sesawang ataupun elektronik media sosial yang lain yang boleh mempengaruhi anak-anak ini. Bagaimana kita boleh lakukan untuk menyekat perkara ini supaya tidak mempengaruhi anak-anak kita, kanak-kanak, terjerumus dengan perkara-perkara yang kita sebutkan tadi. Ianya dengan iklan-iklan ini, boleh mempengaruhi anak-anak kita untuk terlibat ataupun tidak mengikuti sistem pendidikan yang begitu baik. Dengan adanya undang-undang ini, kita yakin dan percaya bahawa imej negara akan sedikit sebanyak terpelihara kerana kita telah menjaga nama baik negara kita untuk kita melaksanakan, meletakkan kedudukan kanak-kanak itu di tempat yang sebenarnya.

Ini kerana kanak-kanak perlu belajar, perlu memenuhi keperluan dia dan sedikit sebanyak kita telah memenuhi apa yang dikehendaki di dalam agama kita itu sendiri iaitu kita mencegah perkara-perkara yang boleh menyebabkan perkara-perkara yang tidak kita ingini masa depan itu sendiri. Jadi, oleh sebab itulah dengan adanya undang-undang ini kita telah meletakkan sesuatu keputusan yang baik. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, sekiranya anak-anak ini terpaksa bekerja, apakah ada kaedah-kaedah, pendekatan-pendekatan yang boleh kita guna pakai untuk menjadikan anak-anak ini bukan sebagai buruh paksaan tetapi sebagai satu medan pekerjaan yang boleh menjadikan ianya warganegara yang lebih baik pada masa akan datang.

Oleh sebab soal buruh kanak-kanak ini, kita tidak boleh hendak hapuskan. Oleh sebab ianya telah berlaku bertahun-tahun, sehingga sekarang pun semakin hari

semakin meningkat. Mungkin ada kaedah bagaimana kita hendak membaiki sekiranya kanak-kanak ini terpaksa bekerja dan ianya boleh memajukan dirinya pada masa akan datang. Dengan ini saya memohon menyokong tentang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Tampin. Saya ada lebih kurang ada lima Yang Berhormat lagi yang akan membuat perbahasan. Yang Berhormat Pasir Gudang, Kota Kinabalu, Papar, Hulu Selangor dan Pontian. Saya ingin menjemput Yang Berhormat Kota Kinabalu.

#### **5.24 ptg.**

**Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]:** Ya, terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua, atas peluang yang diberikan bagi membahas rang undang-undang pindaan ke atas Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966. Objektif pindaan ke atas akta tersebut adalah untuk mematuhi konvensyen di bawah *International Labour Organization* (ILO) yang telah pun diratifikasi oleh Malaysia iaitu C138 *Minimum Age Convention 1973* dan C182 *Worst Forms of Child Labour Convention 1999*. Sebenarnya pindaan ini tidak akan ada bawa apa-apa kesan terhadap penduduk di kawasan saya di Kota Kinabalu. Oleh sebab akta tersebut hanya terpakai di Semenanjung Malaysia dan bukannya di Sabah dan Sarawak.

Namun demikian, di sini saya ingin menyatakan bahawa saya sokong pindaan ini bagi menambah baik undang-undang di Semenanjung Malaysia bagi memastikan perlindungan kanak-kanak senantiasanya diutamakan. Hak kanak-kanak untuk diberikan perlindungan daripada eksploitasi seharusnya diberikan keutamaan, tak kiralah agama, bangsa, kaum atau kewarganegaraan kanak-kanak tersebut.

Saya juga ingin menyatakan harapan setinggi-tinggi saya agar Kerajaan Negeri Sabah dan pihak kementerian juga akan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi meminda *Labour Ordinance* negeri Sabah, terutamanya dalam definisi *light work*, dengan izin, dan peruntukan dalam *Chapter 11* iaitu seksyen 72, 73 dan 73A hingga D. Ini supaya tidak wujudnya situasi di mana kanak-kanak di Sabah di pinggirkan dan tidak diberikan perlindungan seperti mana yang diberikan kepada kanak-kanak di Semenanjung Malaysia.

Saya percaya bahawa Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia sendiri telah pun membuat kunjungan rasmi kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah, juga Yang Berhormat Semporna pada 18 September yang lalu. Bagi tujuan

membincangkan dan mendapatkan persetujuan daripada Kerajaan Sabah dalam pindaan yang hendak diperkenalkan untuk *Labour Ordinance* Sabah.

Selain itu, saya ingin membangkitkan isu yang sangat serius iaitu sama ada akta ini akan terpakai tanpa pilih kasih kepada mana-mana pihak yang mengambil kesempatan ke atas kanak-kanak yang bermasalah. Permasalahan di sini saya maksudnya bukan masalah disiplin tetapi masalah status kerakyatan kanak-kanak tersebut dan ini termasuk kanak-kanak tanpa kerakyatan ataupun *stateless children*, dengan izin, dan kanak-kanak yang dilahirkan oleh pendatang tanpa izin dan tinggal di Malaysia. Kanak-kanak dari kategori ini adalah yang paling *vulnerable, the most vulnerable*, dengan izin, kepada eksploitasi.

Kanak-kanak daripada kategori ini selalunya diperalatkan oleh peniaga tempatan tetapi mereka tidak dapat membuat apa-apa laporan sebab takut ditangkap dan didera oleh pihak yang tertentu. Selalunya apabila laporan polis dibuat terhadap pihak-pihak ini yang mengeksploitasikan kanak-kanak *stateless children* atau asing ini, kanak-kanak *stateless* atau asing ini yang akan ditangkap pula. Mereka takut akan eksploitasi yang mereka akan dapat. Isu ini saya rasa bukan sahaja di Sabah dan saya percaya ia berlaku juga di Semenanjung Malaysia. Saya harap isu kanak-kanak *stateless* dapat diselesaikan atau diaddress oleh kerajaan baharu ini. Saya berpendapat bahawa Kerajaan Malaysia yang baharu mengambil pendirian yang lebih berperikemanusiaan dan mengekalkan *human dignity*, dengan izin, agar negara Malaysia dapat maju serentak dengan negara-negara maju yang lain. Oleh yang demikian, saya berharap agar pihak kementerian dapat memperkasakan penguatkuasaan. Tidak kiralah di Semenanjung Malaysia atau di Sabah dan memberikan layanan yang sama rata terhadap semua kanak-kanak selaras dengan konvensyen-konvensyen di bawah ILO. Itu sahaja yang saya ingin bahas, Tuan Yang di-Pertua. Dengan ini, saya mohon menyokong rang undang-undang pindaan ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu. Saya jemput Yang Berhormat Pasir Gudang.

**5.28 ptg.**

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya ingin menyampaikan ucapan tahniah kepada Menteri dan juga Kementerian Sumber Manusia, staf kementerian, kerana berjaya membentangkan Rang Undang-undang Kanak-kanak dan Orang Muda (Pindaan) ini. Saya beranggap

bahawa pindaan ini sangat penting kerana kanak-kanak merupakan anugerah, satu aset kepada negara kita. Kita Parlimen ini, Ahli-ahli Parlimen bertanggungjawab memastikan generasi yang akan datang, isu-isu yang tidak adil terhadap kanak-kanak ini dapat kita atasi, kita basmikan.

Saya hanya hendak timbulkan satu perkara sahaja iaitu rang undang-undang ini kalau lulus nanti, menjadi undang-undang, akta terpakai di Semenanjung dan Labuan. Manakala di Sabah dan Sarawak, ia ada Ordinan Buruh Sabah, Ordinan Buruh Sarawak. Jadi, saya ingin minta kepastian daripada Menteri supaya dapat berbuat sesuatu agar pindaan yang baik ini dapat diguna pakai, diterima di bawah Ordinan Buruh Sabah dan Sarawak kerana kita satu Malaysia. Maknanya, kanak-kanak ini semua rakyat kita, tak kiralah dia anak warganegara asing, pendatang dan sebagainya kan. Akan tetapi dia berada di bumi Malaysia kita ini. Setengah itu lahir di sini atau setengah itu dibawa- iaitu kanak-kanak di atas bumi Malaysia kita ini, kita sama-samalah jaga mereka. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

■1730

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Papar.

**5.31 ptg.**

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Syabas kepada Kementerian Sumber Manusia yang prihatin untuk membuat pindaan kepada Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966. Walaupun pindaan ini tidak termasuk kepada Sabah tetapi saya ikut untuk membuat perbincangan.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakannya kanak-kanak yang bekerja ini adalah disebabkan oleh dipaksa dan terpaksa. Disebabkan oleh keadaan kehidupan mereka yang susah dan serba kekurangan. Saya sendiri pernah bekerja makan gaji sebagai buruh kontrak pada umur 12 tahun sebagai buruh kontrak binaan dan juga jalanan. Begitu juga menuai padi dengan gaji RM3 sehari. Dengan pendapatan ini, saya gunakan untuk saya belajar dan membeli keperluan sekolah pada setiap hujung minggu.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan buruh di kalangan kanak-kanak berbeza antara satu negara dengan satu negara yang lain. Negara yang mempunyai banyak populasi yang tinggi serta taraf kemiskinan yang melampau menyaksikan ramai kanak-kanak yang keluar bekerja. Seperti yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat Jelevu, di



India misalnya bilangan pekerja di kalangan kanak-kanak menghampiri atau mungkin lebih tinggi daripada seluruh rakyat Malaysia.

Masalah buruh di kalangan kanak-kanak dan orang muda di Malaysia merupakan isu yang sering diperbahaskan. Walaupun peruntukan undang-undang ada mengenai ini terdapat majikan yang mengambil kesempatan dan daripada golongan kanak-kanak ini menjadikan mereka mangsa pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab demi untuk memaksimumkan keuntungan mereka dan disebabkan denda yang rendah yang perlu kita naikkan.

Tuan Yang di-Pertua, kanak-kanak muda yang disuruh bekerja memandu traktor di ladang-ladang pun ada dan ada di antara mereka tidak langsung mempunyai lesen apa-apa. Jadi apabila terjadi kemalangan, mereka yang selalu mendapat susah dan tidak *discover* oleh insurans ataupun diberi pampasan. Tuan Yang di-Pertua, penggunaan tenaga buruh dalam kalangan kanak-kanak terutamanya di Sabah amat membimbangkan kerana mereka bukan sahaja dikesan bekerja di kawasan pedalaman malah di bandar-bandar seperti menjual rokok dan meminta duit dari restoran ke restoran.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang Yang Berhormat Kapar telah jelaskan. Di Sabah, dianggarkan 200 ribu kanak-kanak dan remaja muda berusia lima hingga 18 tahun dikesan bekerja termasuk membantu ibu bapa mereka dalam pelbagai sektor di Sabah seperti perladangan, pertanian, pembuatan, pelancongan, perikanan dan sebagainya. Negeri Sabah yang unik daripada segi geografinya, demografi penduduknya, sosioekonominya menjadi pemangkin kepada perkara tersebut hingga sukar untuk pihak berkuasa mengesan dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Mereka melakukan pelbagai kerja termasuklah mengutip buah lerai, bekerja di tapak semaian sawit, penuaian, pembersihan dan pelbagai kerja-kerja berkaitan di kawasan ladang. Buruh kanak-kanak di Sabah boleh dibahagikan kepada dua kelompok iaitu kanak-kanak yang memiliki dokumen dan kanak-kanak yang tiada kewarganegaraan. Kumpulan yang tidak memiliki dokumen terbahagi kepada dua kumpulan iaitu orang tempatan dan orang asal iaitu mereka yang tinggal jauh di pedalaman di kawasan berbukit, sungai dan bergunung-ganang.

Masalah di Sabah mengenai kerakyatan dan pendatang asing atau tanpa negara ini bukan satu perkara yang baharu. Jika perkara itu gagal diselesaikan, maka masalah buruh dalam kalangan kanak-kanak akan berterusan dan meningkat. Imej negara akan tercalar sekiranya isu kanak-kanak yang dipaksa bekerja di negara ini terus berleluasa. Masa depan kanak-kanak ini akan menjadi gelap sekiranya mereka tidak mendapat pendidikan yang sewajarnya. Dari itu, saya menyokong pindaan Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 supaya dengan pindaan ini ia akan dapat juga dipakai oleh Ordinan Buruh Sabah. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Pagar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pontian. Sila.

**5.37 ptg.**

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada tiga sebab saya kira kenapa berlaku buruh kanak-kanak. Yang pertama, faktor ekonomi. Yang kedua, faktor pendidikan dan yang ketiga faktor keluarga. Saya ingin memberikan tiga cadangan.

Faktor ekonomi ini ialah kemiskinan. Sebagai contoh, Yang Berhormat Pagar tadi menyebut beliau pernah bekerja sewaktu kanak-kanak masa zaman sekolah. Saya juga pernah bekerja ketika cuti sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah. Saya kira Yang Berhormat Tanjong Karang juga begitu sebab kami bukan daripada keluarga kaya. Yang Berhormat Baling juga, dia baru menyebut beliau juga begitu. Kami daripada keluarga yang miskin. Macam ibu bapa saya penoreh getah, jadi saya membantu menoreh setiap kali cuti sekolah rendah dan cuti sekolah menengah.

Jadi kemiskinan faktor utama. Oleh kerana itu, saya ingin mencadangkan agar program Akhiri Zaman Miskin ataupun 1AZAM ini diteruskan. 1AZAM itu bermaksud, A.Z.A.M itu bermaksud "Akhiri Zaman Miskin" dan kita telah berjaya menurunkan kemiskinan tegar di Malaysia ini kepada 0.4 peratus. Itu kejayaan kerajaan terdahulu. Saya ingin mencabar kerajaan sekarang, 0.4 peratus itu jadi sifar kemiskinan tegar dalam masa beberapa tahun yang akan datang. Oleh kerana itu saya ingin mencadangkan yang pertama, teruskan program 1AZAM, "Akhiri Zaman Miskin".

Faktor yang kedua ialah faktor pendidikan. Mungkin mereka tercicir daripada pergi ke sekolah dan akibat daripada keciciran itu maka mereka bekerja. Dalam negara Malaysia kita ini, kita ada PIBG, kita ada JKKK atau Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung, Persatuan Ibu Bapa dan Guru.

Semua ini saya kira perlu menumpukan kepada sifarkan keciciran. Itu cadangan yang kedua, sifarkan keciciran. Kita berhentilah cerita pasal kasut putih tukar kasut hitam, stoking putih tukar stoking hitam. Baju putih tukar baju hitam agaknya. Kita lupakan perkara-perkara itu tetapi cuba kita buat satu jihad nasional, jihad pendidikan. Sifarkan keciciran. Apabila tidak ada keciciran di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah, tidak adalah lagi buruh kanak-kanak di dalam negara kita ini.

Faktor ketiga. Kehilangan ibu bapa, ibu bapa kurang upaya, ibu bapa lanjut usia, ibu bapa penagih arak atau dadah, perpecahan keluarga.

#### ■1740

Cadangan saya ialah supaya kita wujudkan apa yang dipanggil sebagai Program Keluarga Sakinah. Sakinah ini Yang Berhormat Menteri, bahasa Arab, dalam Al-Quran Sakinah ini maksudnya, maksudnya damai, maksudnya bahagia, keluarga bahagia, keluarga tenteram, keluarga aman, keluarga tenang. Akan tetapi negeri Johor yang mempelopori program ini, baru-baru ini Penggerak Warga Sakinah ini diberhentikan oleh Kerajaan Negeri Johor. Saya kira ia adalah satu tindakan yang tidak bertanggungjawab. Yang akhir ialah kita adakan segala-galanya ini. Pertama teruskan 1AZAM, "Akhir Zaman Miskin", yang kedua Program Sifar Keciciran, yang ketiga ialah Keluarga Sakinah.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Sikit boleh.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang akhir ialah supaya kita adakan segala-galanya ini secara NBOS, bersepadu. Kita dulu ada program *National Blue Ocean Strategy* mohon izin, bersepadu. Sebagai contoh kehilangan ibu bapa, ibu bapa kurang upaya, ibu bapa lanjut usia, kemudian anak-anak bekerja, ini kerja JKM. Di sini ada Yang Berhormat Segambut.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Mencelah sikit boleh Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Segambut, dia jaga JKM ini, hilang ibu bapa, ibu bapa kurang upaya, ibu bapa lanjut usia, ini kerja JKM supaya anak-anak tidak melarat dan menjadi buruh ketika mereka masih lagi kecil. Ibu bapa penagih arak atau dadah. Ini kerja AADK, Agensi Antidadah Kebangsaan. Kemudian perpecahan keluarga, apa semua ini kerja Pejabat Agama Daerah. Kemudian yang sekolah tadi kerja Kementerian Pendidikan. Bukan hanya Kementerian Sumber Manusia, kena dilakukan secara bersepadu. Segalanya ini bersepadu barulah...

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Boleh bagi Yang Berhormat Pontian?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** ...angka 200 ribu buruh kanak-kanak di Malaysia boleh dikurangkan. 60 ribu di Sabah katanya dan begitu juga kita akan menyumbang kepada pengurangan statistik, 152 juta kanak-kanak, 64 juta perempuan, 88 juta lelaki menjadi gejala buruh kanak-kanak di seluruh dunia ini. Itulah yang ingin saya sampaikan. Mudah-mudahan tiga cadangan itu diambil perhatian oleh kementerian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Hulu Selangor. Sebelum Yang Berhormat Hulu Selangor adalah Yang Berhormat Kangar, tidak ada.

**Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Selepas Yang Berhormat Hulu Selangor dan terakhir Yang Berhormat Lembah Pantai. Lepas Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila.

#### **5.42 ptg.**

**Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam Sejahtera kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di Dewan ini. Seterusnya Yang Berhormat Hulu Selangor bangkit untuk membahaskan Rang Undang-undang Kanak-kanak dan Orang Muda (Pindaan) 2018 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat sekalian, Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pindaan) 2018 ini adalah undang-undang yang tidak menghalang kanak-kanak dan orang muda untuk bekerja. Akan tetapi akta ini adalah bertujuan untuk kita sama-sama meningkatkan perlindungan kepada kanak-kanak yang belum mencapai umur 15 tahun dan orang muda yang belum mencapai umur 18 tahun untuk bekerja. Pindaan ini dibahaskan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia adalah amat wajar demi memastikan akta ini jelas dan terperinci.

Seperti yang diusulkan oleh Yang Berhormat Menteri, mana-mana orang iaitu ibu bapa ataupun penjaga atau orang lain yang melanggar akta ini boleh dipenjarakan tidak lebih dua tahun atau didenda tidak lebih RM50 ribu atau kedua-duanya dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya, dipenjarakan tidak lebih 5 tahun atau denda tidak lebih RM100 ribu.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Boleh mencelah Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Hulu Selangor, Yang Berhormat Kangar belakang. Dia minta mencelah.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Sikit saja sebab tidak mahu bahas. Saya dengar daripada tadi, daripada awal kebanyakan kita di Dewan banyak bercakap tentang undang-undang penguatkuasaan. Jadi kalau boleh nanti minta juga Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan apakah insentif-insentif yang kementerian beri kepada majikan. Sebenarnya majikan ini menyumbang untuk membantu masalah keluarga miskin. Kita asyik hendak hukum saja. Tapi apakah insentif untuk mungkin mereka dapat lapor senarai pekerja kanak-kanak dan supaya kita dapat bantu juga selain daripada kita hanya hendak menghukum.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila Yang Berhormat Hulu Selangor.

**Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]:** Amat jelaslah bahawa individu yang melanggar akta ini yang tidak bertanggungjawab dan tidak menjaga kebajikan mahupun keselamatan kanak-kanak ataupun orang muda tersebut. Jika kita lihat dari sudut tersebut, individu yang bersalah mungkin dapat membayar denda yang dikenakan dengan selesai sahaja. Individu tersebut dapat menjalankan perniagaan seperti biasa. Jika dapat kita kaji supaya setiap majikan akan berhati-hati dan sentiasa memastikan kebajikan kanak-kanak dan orang muda di bawah seliaannya.

Selain itu, saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat sekalian, adakah wajar jika kita spesifikasikan juga di bawah akta ini bagi kanak-kanak dan orang muda yang merupakan orang kurang upaya (OKU) yang bekerja agar mereka dapat diberikan perlindungan tambahan melalui akta ini. Eloklah sekiranya jika kita dapat kaji daripada sudut ini dan diharapkan Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia dapat mempertimbangkan.

Saya juga ingin menyarankan agar masa yang tidak dibenarkan untuk kanak-kanak dan orang muda bekerja disemak semula. Adalah lebih baik jika kita mengehendkan tempoh masa di antara jam 7.00 malam hingga 7.00 pagi adalah waktu yang sama sekali tidak dibenarkan bekerja untuk kanak-kanak mahupun orang muda. Saranan ini adalah bertujuan untuk memastikan keselamatan kanak-kanak dan orang muda dapat dipertingkatkan lagi. Secara tidak langsung kita juga dapat mengurangkan kadar risiko berlakunya gangguan seksual, tekanan emosi mahupun kecergasan moral kanak-kanak dan orang muda.

Berdasarkan hujah-hujah saya tadi, jelas saya amat menyokong Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pindaan) 2018 ini. Semoga dengan penambahbaikan ini, kita dapat memastikan kebajikan, keselamatan dan hak kanak-kanak dan orang muda

yang bekerja akan terbela dengan adil dan saksama. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Hulu Selangor mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Selangor. Dari hulu kita pergi lembah. Yang Berhormat Lembah Pantai, sila.

**5.47 ptg.**

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Lembah Pantai berasa berbesar hati dapat mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Cuma ada beberapa perkara, saya tidak ingin bercakap terlalu panjang, cuma mungkin dari segi takrifan. Bila kita lihat antara, semestinya kita faham yang kita sedang berusaha untuk mengikut piawaian daripada ILO tentang had umur anak muda yang disebut sebagai 15 tahun ke 18 tahun dan kanak-kanak di bawah umur 15 tahun.

Akan tetapi mungkin dari segi *harmonization* dengan izin, kalau kita lihat di negara kita ini terdapat banyak takrifan yang berbeza bagi keadaan-keadaan yang berbeza. Akan tetapi saya hendak minta pandangan daripada pihak Yang Berhormat Menteri, sama ada boleh diusahakan selain daripada aspek pekerjaan memandangkan semestinya kalau anak-anak muda yang bekerja semestinya daripada rumah mereka ke tempat kerja, mereka perlu menggunakan kenderaan. Jika mereka pada usia 15 tahun sudah bekerja tetapi untuk mendapatkan lesen motor pada usia 16 tahun sebagai contoh. *Is there some kind of harmonization* yang boleh dilakukan? Sama ada untuk meningkatkan had umur ataupun mengurangkan. Boleh dicadangkan kepada kementerian yang berkaitan tentang had umur untuk lesen motor sebagai contoh.

Akan tetapi yang saya hendak bangkitkan sebenarnya adalah wujud satu kesenjangan ataupun *gap* dengan izin ya. Kalau kita lihat yang seperti yang saya sebutkan tadi, ada umur untuk 15 tahun ke bawah, kanak-kanak dan ada undang-undang yang melindungi mereka. Pada masa sama ada juga, seperti yang saya sebutkan tadi contohnya adalah lesen motor pada umur 16 tahun, kereta pada 17 tahun, mengundi pada 21 tahun yang mungkin kita akan usahakan untuk turunkan ke 18 tahun. Jadi secara prinsip, secara dasar, nampaknya kita perlu usahakan sesuatu untuk mengharmonikan di antara undang-undang yang sedia ada, takrifan-takrifan ini untuk memastikan ada satu *harmonization*.

Kedua, saya ambil maklum sebagai contoh pada Januari tahun ini, sebagai contoh 12 Januari 2018 telah dimaklumkan satu kilang di Ayer Keroh yang telah

didenda RM2 ribu oleh Mahkamah Majistret kerana gagal mempertahankan ataupun membuat kesalahan ke atas pekerja-pekerja di bawah umur ataupun anak muda antara 15 tahun ke 18 tahun yang bekerja selain daripada masa yang ditetapkan iaitu mereka telah didapati bekerja antara jam 8.00 malam ke atas, syif malam dalam kilang ini.

■1750

Kalau kita lihat di sini, persoalan yang ingin saya bangkitkan kepada Yang Berhormat Menteri ialah apakah yang boleh kita usahakan untuk memastikan bukan sahaja dari segi undang-undang— kita ada undang-undang ini dan kita perbaharui ataupun kita *update*, dengan izin— tetapi pada masa yang sama untuk pastikan majikan-majikan diberikan pemahaman sepenuhnya? Apakah yang diusahakan oleh pihak kementerian untuk memastikan kilang-kilang sama ada ladang-ladang dan juga tempat-tempat lain termasuk juga keluarga-keluarga, contohnya yang menjalankan kerja-kerja seperti yang membaiki *aircon* dan sebagainya yang mungkin anak-anak mereka terlibat dalam aktiviti tersebut, apakah yang akan diusahakan oleh pihak kementerian untuk memastikan pihak-pihak ini, majikan-majikan ini memahami keadaan masa kini?

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini memandangkan pada masa yang sama kita ingin melindungi anak-anak kita, kanak-kanak kita di mana mereka merupakan aset masa depan negara kita. Bagi saya, ia sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban yang dihadapi terutamanya oleh warga miskin bandar. Tetapi pada masa yang sama, saya rasa persoalan yang perlu kita bangkitkan dari segi dasar adalah adakah anak-anak kita perlu bekerja ataupun apakah yang boleh kita usahakan untuk memastikan masa depan mereka lebih baik? Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Seramai 19 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan rang undang-undang ini. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Masa 30 minit. Sila.

**5.52 ptg.**

**Menteri Tenaga Manusia [Tuan M. Kulasegaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Kementerian Sumber Manusia, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian— saya difahamkan sebanyak 19 orang— dalam perbahasan Rang Undang-undang Kanak-

kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) (Pindaan) 2018. Kementerian amat menghargai pandangan dan cadangan mahupun teguran Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Saya mula dengan Yang Berhormat Kapar. Yang Berhormat Kapar ada? Tidak ada tetapi saya jawab juga kerana ia satu perkara yang mustahak. Ini berkaitan dengan isu kanak-kanak yang terlibat dalam iklan atau kegiatan seni. Akta ini mentafsirkan *entertainment*, hiburan adalah termasuk *performance* dan *performance* adalah termasuk kanak-kanak yang terlibat dalam pengiklanan dan kegiatan seni. Seksyen 7 memperuntukkan bahawa kanak-kanak yang terlibat dalam hiburan awam termasuk iklan. Oleh yang demikian, majikan perlu mendapat lesen untuk mengambil bahagian dalam hiburan awam di bawah Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 bagi tujuan ini.

Saya akan beralih kepada Yang Berhormat Rantau Panjang yang bertanya mengenai adakah perlindungan kanak-kanak ini dalam pekerjaan di bawah PERKESO, EPF atau Akta Kerja 1955. Jawapannya adalah kanak-kanak dan orang muda dilindungi dan perlu mengikuti akta-akta tersebut. Semua akta-akta itu terkena. Definisi mereka adalah terikat kepada pembayaran atau caruman SOCSO dan EPF diperlukan.

Perkara yang dibangkitkan juga adalah mengenai statistik jumlah buruh kanak-kanak wanita dan daripada itu, apakah punca utama buruh kanak-kanak itu membimbangkan dan apakah tindakan yang telah diambil. Itu yang ditanya.

Statistik pemeriksaan sehingga September oleh Jabatan Tenaga Kerja terhadap 18,000 tempat pekerjaan telah dijalankan di bawah Akta 350. Statistik penyiasatan tenaga buruh yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan pada tahun 2017 menyatakan lebih kurang 440,500 individu berumur antara 15 hingga 19 tahun yang mana 153,400 orang adalah wanita. Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia telah melaksanakan lima kes pendakwaan di bawah akta tersebut.

Yang Berhormat Sekijang telah bertanya mengenai kanak-kanak perempuan yang menjaja di R&R jam 10 malam.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas jawapan Menteri. Cuma dalam perbahasan saya, saya mohon penjelasan sejauh mana pendaftaran buruh kanak-kanak dan orang muda ini di bawah SOCSO ataupun KWSP dan begitu juga dengan perlindungan insurans yang diberi kepada mereka. Sebab, kita tidak mahu ada majikan mengambil kesempatan tidak mendaftarkan mereka. Jadi setakat ini, adakah kementerian mempunyai statistik tentang pendaftaran mereka di tempat perkhidmatan sosial ini?



**Tuan M. Kulasegaran:** Memandangkan ini adalah perkara yang khusus, saya boleh memberikan jawapan bertulis. Akan tetapi setakat yang kita tahu, yang saya tahu, yang mendaftar adalah sangat-sangat kurang. Jadi itulah sebab kerap kali penyiasatan sedang dibuat. Faktor yang utama adalah untuk mengelak anak-anak kita bekerja. *That is factor* yang pertama. Kedua adalah mengehadkan pekerjaan mereka. Jika mereka ingin bekerja dalam tempoh masa yang tertentu, satu di antaranya adalah jam mereka bekerja termasuk pelajaran mereka. Jika tujuh jam, lagi satu jam yang mereka boleh bekerja.

Saya beralih kepada Yang Berhormat Sekijang mengenai R&R. Ini adalah satu kesalahan di bawah akta ini kerana kanak-kanak tidak dibenarkan bekerja langsung daripada jam 8 malam sehingga 7 pagi. Sekiranya terjumpa, boleh dimaklumkan kepada kementerian atau pihak-pihak berkenaan.

Saya juga ingin merujuk kepada Yang Berhormat Hulu Selangor yang telah memohon perkara yang sama dan saya ingin jawab bahawa ini adalah yang ternyata dalam akta tersebut.

Yang Berhormat Sekijang juga telah membangkitkan isu kanak-kanak yang tidak bersekolah tetapi bekerja yang menjejaskan mereka mendapatkan pendidikan. Aduan berkaitan eksploitasi oleh pertubuhan atau individu menggunakan kanak-kanak bawah umur untuk mengutip derma atau sumbangan untuk tujuan tertentu dengan cara menjual produk boleh dikemukakan kepada kementerian yang berhampiran atau Pejabat Tenaga Kerja berhampiran sekiranya terdapat isu eksploitasi terhadap kanak-kanak untuk tindakan siasatan. Ini adalah soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekijang yang juga membangkitkan isu kanak-kanak perempuan jual ubat di R&R, peranan ibu bapa dan kerjasama dengan sekolah.

Status kanak-kanak bersekolah tempat kerja di *gym* dan kelab-kelab sukan adalah menjejaskan persekolahan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekijang. Orang muda dibenarkan untuk melakukan semua pekerjaan yang dilakukan kanak-kanak dan pekerjaan seperti pembantu kedai, juruwang, pekerja di pejabat, kilang-kilang, pembantu rumah dan pekerjaan dalam perusahaan yang sesuai dengan keupayaannya dan bekerja di kapal yang di bawah jagaan ibu bapa atau penjaga sahaja.

Walau bagaimanapun, orang muda wanita tidak dibenarkan bekerja di hotel, di bar, restoran, rumah penginapan atau kelab kecualii yang dimiliki oleh keluarga mereka sendiri. Jika perniagaan atau perusahaan itu tidak diuruskan oleh keluarga atau penjaga, mereka perlu mendapat kelulusan dari Ketua Pengarah Jabatan Tenaga

Kerja terlebih dahulu. Orang muda hanya dibenarkan— saya khususkan. Dibenarkan hanya bekerja tidak melebihi lapan jam dalam sehari termasuk masa sekolah. Mereka tidak dibenarkan bekerja di antara 8 malam hingga 6 pagi.

Yang Berhormat Arau tidak ada. Mungkin saya boleh jawab secara bertulis. Yang Berhormat Jelutong? Yang Berhormat Jelutong ada. Terima kasih kerana memuji saya. Saya membuat kerja saya. Saya rasa semua Ahli Parlimen Pakatan Harapan akan membuat apa yang kita buat. Jika ada protes-protes, kita sedia untuk berjumpa dengan mereka.

■1800

Jika perlu, kita akan keluar dari Parlimen dan berjumpa dengan mereka. Itu sebab apa yang kita buat hari ini, *we are no different. I think we all should take that kind of step.* Saya telah membuat perbincangan dengan mereka dan perkara itu akan dibangkitkan di Kabinet tidak lama lagi.

Mengenai tafsiran akta di bawah dalam bahasa Malaysia, saya ingin beritahu Yang Berhormat, teks yang sah akta ini adalah dalam bahasa Inggeris kerana diperbuat pada tahun 1966 sebelum Akta Kebangsaan 1963 yang mula berkuat kuasa pada tahun 1967. Sebelum tahun 1967, teks ini adalah dalam bahasa Inggeris. Jabatan Peguam Negara dalam proses untuk menterjemah kepada bahasa Malaysia.

Yang Berhormat Jelevu telah membangkitkan apakah keadaan kanak-kanak terdedah dengan kemalangan, kematian atau kecacatan. Mengikut Jadual Keempat, kerja-kerja berbahaya yang disenaraikan dalam jadual tidak boleh dilakukan oleh kanak-kanak dan orang muda. Jadual Kelima pula meletakkan kerja yang menjejaskan moral kanak-kanak dan orang muda dan tidak boleh dilakukan. Sekiranya berlaku kemalangan pekerjaan, mereka ini akan dilindungi di bawah PERKESO dan pembayaran pampasan akan dibuat oleh badan tersebut.

Selain dari itu, Yang Berhormat juga bertanya mengenai perkara pekerja separuh masa di bawah 16 tahun semakin meningkat dan adakah mereka tahu hak mereka. Mengikut akta ini, orang muda tidak dibenarkan bekerja melebihi lapan jam termasuk waktu persekolahan mereka. Orang muda boleh menghubungi pejabat JTK terdekat untuk mengambil tindakan jika perlu. KSM mengambil maklum dan akan membuat hebahan mengenai perkara ini.

Yang Berhormat Masjid Tanah bertanya apakah penalti yang dijalankan itu memadai. Jika pihak-pihak yang disabitkan dengan eksploitasi kanak-kanak, denda sebanyak RM50,000 boleh dikenakan atau penjara dua tahun seperti mana kadar penalti dalam cadangan akta ini. Penalti dicadangkan dinaikkan agar menjadi

instrumen pencegahan yang efektif ke atas kesalahan yang membabitkan penggajian kanak-kanak dan orang muda.

Bagaimana kesediaan kerajaan menangani buruh kanak-kanak di Sabah? Saya ingin mengatakan mengenai Sabah, saya telah berjumpa dengan Ketua Menteri Sabah di mana Ketua Menteri Sabah telah bersetuju bahawa apa yang dirangkumi undang-undang yang dipinda hari ini akan diguna pakai di Sabah bila undang-undang tersebut juga akan dipinda. Mengenai Sarawak, saya akan tidak lama lagi pergi ke negeri Sarawak untuk berjumpa dengan Ketua Menteri untuk mendapat pandangan dan persetujuan beliau supaya ia juga dapat di *extend* ke Sarawak.

Yang Berhormat Bukit Bendera membangkitkan pindaan antaranya bukan setakat memenuhi kehendak ILO sahaja, malah perlu tingkatkan penguatkuasaan ini. Kajian semula dan pindaan undang-undang akan sentiasa dilaksanakan bagi memastikan undang-undang buruh sentiasa relevan dengan situasi perburuhan semasa. Selain dari ini, terdapat tujuh lagi undang-undang yang telah dicadangkan yang sedang dibincangkan dengan *stakeholders* supaya pindaan-pindaan itu dapat dibawa ke Parlimen untuk mendapat persetujuan.

Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Lipis ada? Tidak ada? Ada? Tidak ada. Yang Berhormat Tangga Batu? Ada? Tidak ada. Yang Berhormat Parit Sulong, ada?

**Beberapa Ahli:** Ada, ada.

**Tuan M. Kulasegaran:** Yang Berhormat Parit Sulong tidak ada? [*Dewan ketawa*] Dia bekas Timbalan Menteri mesti saya jawab. Mengenai PERKESO yang ditanyakan, saya telah jawab sebelum ini sebenarnya ia meliputi. Jika sesiapa bekerja, tidak kira umur, majikan perlu membayar PERKESO.

Berhubung liputan untuk suri rumah, sukacita ingin beritahu bahawa kita telah bercadang untuk meningkatkan meliputi lebih kurang 1.2 juta suri rumah di negara ini dan cadangan itu telah pun diterima pada prinsipnya oleh Kementerian Keluarga dan Wanita tetapi sedang menunggu persetujuan dari Kabinet dan juga kita telah hampir habis kepada rang undang-undang tersebut yang akan dibawa ke Parlimen untuk kelulusannya.

Yang Berhormat Kota Kinabalu? Okey, ada. Pindaan ini dilanjutkan— saya sudah menjawab mengenai soalan tersebut di mana Yang Berhormat Ketua Menteri telah bersetuju kepada apa yang terkandung di dalam rang undang-undang ini.

Soalan *general* iaitu apakah pekerjaan yang boleh dilakukan oleh orang muda. Saya ingin jawab soalan ini, Tuan Yang di-Pertua. Orang muda dibenarkan untuk melakukan semua pekerjaan yang dilakukan kanak-kanak iaitu pekerjaan seperti

pembantu kedai, juruwang, pekerja di pejabat, kilang dan pekerjaan dalam perusahaan yang sesuai dengan keupayaan dan pekerjaan yang di bawah jagaan ibu bapa dan penjaga sahaja.

Walau bagaimanapun, orang muda wanita tidak dibenarkan bekerja di hotel, bar, restoran, rumah penginapan atau kelab kecil kecuali yang dimiliki oleh keluarga mereka sendiri. Lagi satu, apakah pekerjaan yang boleh dilakukan oleh kanak-kanak. Bagi kanak-kanak ini, saya pun telah menjawab iaitu mereka tidak boleh bekerja lebih dari masa yang ditetapkan dari segi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu saja perkara-perkara yang telah dibangkitkan dan perkara-perkara yang saya tidak jawab, saya akan mengarahkan jawapan diberi secara bertulis. Sekali lagi pihak Kementerian Sumber Manusia mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, cadangan dan teguran. Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian dalam merangka dasar dan program-program kementerian dengan lebih cekap dan berkesan.

Sekiranya ada isu-isu yang tidak sempat dijawab, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh mengemukakan selepas ini dan saya mohon menjawab secara bertulis. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memang wajarlah ini penggulungan yang ringkas memandangkan kedua-dua pihak rata-rata Dewan menyokong pindaan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

***[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]***

***[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

***[Fasal-fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada undang-undang]***

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

***[Majlis Mesyuarat bersidang semula]***

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Menteri Belia dan Sukan (Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman) dan diluluskan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Khamis, 18 Oktober 2018.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.10 petang]***